[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

# PARLIMEN KESEBELAS

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Bil. 13** ***Selasa*** **12 April 2005**

## K A N D U N G A N

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 24)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 25)

**RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 (Halaman 103)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 12 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**PEMASYUHARAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1991, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Anifah bin Haji Aman, ahli bagi Kawasan Kimanis daripada 1 April, 2005 hingga 30 April, 2005.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan adakah kementerian telah merangka satu pelan tindakan (action plan) bagi memastikan semua jabatan kerajaan melaksanakan Kempen Mesra dan nilai-nilai murni seperti mana yang dihasratkan oleh YAB. Perdana Menteri.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Gopeng pada 18 April, 2005 yang mempunyai maksud yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah pun merangka pelan tindakan

pelaksanaan kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni. Jawatankuasa pelaksanaan kempen yang melibatkan agensi-agensi kerajaan khususnya kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan peringkat Persekutuan telah pun dibentuk dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sendiri. Kementerian juga telah mengadakan pertemuan dengan ketua setiausaha-ketua setiausaha, setiausaha-setiausaha kerajaan negeri dan sektor swasta berhubung dengan pelaksanaan kempen ini.

Bagi sektor awam pihak-pihak untuk Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia iaitu MAMPU telah melancarkan kempen amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam bersekali dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2005, iaitu panduan mewujudkan Pejabat Perkhidmatan Pelanggan di Agensi Kerajaan pada 17 Februari, 2005. Bagi menyemarakkan amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni, kementerian juga telah mengaturkan aktiviti-aktiviti untuk dilaksanakan di seluruh negara antaranya ialah:

i) majlis pelancaran kempen di peringkat kementerian dan negeri ;

ii) promosi kempen melalui media massa iaitu televisyen dan radio mengenai amalan berbudi bahasa dan nilai-nilai murni seperti cara melayan pelanggan, menghormati orang tua, orang kurang upaya, jiran tetangga, amalan bergotong-royong dan lain-lain;

iii) menyebarkan bahan-bahan kempen seperti buku panduan budi bahasa budaya kita, poster, *bunting* dan pelekat kereta; dan

iv) memberi ceramah dan khidmat nasihat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Sekian.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasihlah atas jawapan yang cukup memuaskan dan apa yang dijawabkan tadi telah memenuhi aspek-aspek pengurusan, cuma sedikit pandangan sahaja dan saya pun minta maaf

sekiranya pandangan ini mungkin menampakkan sesuatu yang dibangkitkan kepada satu kaum. Macam contohnya jawapan telefon penyambut tetamu ataupun operator telefon dalam TV disiarkan, yang saya tidak berapa hendak kenal betul-betul daripada kaum mana yang menjawab telefon itu, dia jawab, “Cakap kuat sikit, macam tidak makan”, jadi, saya tidak dapat hendak pastikan, adakah dia - minta maaf, daripada kaum India ataupun lain-lain kaum, tapi kalau melambangkan negatif benda-benda percakapan yang negatif, kalau daripada satu kaum jadi kita nampak macam, kaum itu, adakah kaum itu yang tidak bernilai murni, jadi kesimpulannya di sini marilah kita ambil yang negatif itu, kita tidak usah masukkan, tidak payah, kita ambil yang positif sahaja bagi, “Assalamulaikum, selamat pagi”, sebab bila yang negatif ini dia terbawa-bawa, dia terikut-ikut walaupun daripada kaum Melayu, bangsa Melayu, walaupun dia cakap, “Cakap kuat sikit Encik, macam tidak makan”, jadi adakah melambangkan orang-orang Melayu tidak mempunyai nilai murn? Itu pandangan dan pendapat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta pandangan.

**Dato’ Wong Kam Hoong:** Terima kasih atas pandangan dan nasihat daripada Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada sepuluh klip untuk diiklankan di televisyen supaya lebih luas menyebar kepada semua rakyat jelata di Malaysia. Kita ada sepuluh klip dan sepuluh klip ini semua memang ada watak di sana, memang ada orang yang melakon, ini melakon sahaja, tidak ada unsur-unsur perkauman. Yang kita memfokuskan ialah tingkah laku yang tidak berbudi bahasa. Baru-baru ini kita pun nampak budi bahasa di negara kita sudah turun, telah kurang sebab itulah kita menggalakkan iaitu meningkatkan berbudi bahasa. Saya akan bagi jaminan di skrip ini ada semua kaum dan berbudi bahasa bukan hanya menuju kepada satu kaum sahaja. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat yang telah memberikan jawapan tadi. Kita tahu masyarakat sekarang ini memang budi bahasanya sudah jatuh, sudah rendah terutama sekali di dalam golongan remaja. Jadi, program yang diadakan adalah untuk kakitangan di dalam perkhidmatan kerajaan, pertanyaan saya adalah apakah program-program yang diadakan oleh kementerian untuk masyarakat awam misalnya remaja-remaja yang

berada di lapangan, yang bukan merupakan kakitangan awam sebab kakitangan awam ini biasanya kita adakan peraturan untuk mereka ikuti dan apabila mereka melakukan apa-apa yang tidak baik kita boleh mengambil tindakan.

Tetapi masyarakat yang berada di lapangan ini, yang menjadi masalah dan inilah yang memberi contoh genjala sosial yang banyak dalam masyarakat kita dan apakah contoh yang perlu ditonjolkan kepada mereka misalnya kalau orang Islam senanglah kita ambil contoh daripada Rasulullah macam sebuah hadis *[Membaca sepotong Hadis]* dengan maksudnya; Kita ikut akhlak Rasulullah s.a.w. Tetapi, pertanyaan saya contoh di manakah yang kita ambil disegi Kementerian Kesenian dan Warisan ini? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat, kempen ini yang telah dilancarkan ialah untuk seluruh negara dan kumpulan sasaran ialah institusi kekeluargaan, institusi kemasyarakatan, institusi pembelajaran dan institusi perkhidmatan, dan kempen ini bukan terhad kepada kerajaan Pusat mahupun di peringkat negeri, dari peringkat kedua kita akan bekerjasama dengan NGO-NGO dan juga dengan sektor korporat dan sebagainya supaya kempen ini dapat menembusi semua masyarakat di Malaysia.

Baru-baru ini saya telah mempengerusikan satu mesyuarat dengan NGO-NGO kaum Tionghoa, dan kita akan melancarkan tidak lama lagi iaitu bulan depan dengan kaum Tionghoa iaitu gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan juga Persatuan Kebudayaan Cina Malaysia dan kaum India dan sebagainya, kita ada hubungan dengan mereka, supaya mereka juga mengadakan kempen untuk menyemarakkan ini di kaum India dan juga lain-lain kaum. Pada setakat ini buku ini, iaitu Budi Bahasa Budaya Kita, akan diterjemahkan dalam bahasa-bahasa lain supaya mudah difahami oleh masyarakat yang tidak begitu fasih dalam bahasa Malaysia, untuk mengakhiri ini ….

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, contoh yang baik. Contoh-contoh kelakuan yang baik daripada siapa.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Contoh-contoh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu soalan tadi. Ya, ya.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Kita mengambil contoh itu daripada mana?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Kita ambil contoh itu nilai-nilai murni adalah sejagat, Islam pun sama, Buddhism pun sama, Hinduism pun sama. Sebab itu kita sudah senaraikan 47 nilai-nilai murni dan semua ini adalah sejagat, sebab itu kita hendak menyemarakkan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Leng Boon Soon [Teberau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana budaya berbudi bahasa itu begitu penting, saya rasa Tuan Yang di-Pertua benarkan soalan tambahan ini *[Ketawa]* sabar, itu budi bahasa *[Ketawa]*. Tadi Menteri kata tentang pelbagai institusi termasuk institusi keluarga dan sebagainya - *etc.* Tetapi ketinggalan satu institusi iaitu Institusi Parlimen. Sekarang soalan, kita sentiasa mengatakan kita memimpin dengan contoh, pimpinan melalui teladan, mana punca teladan itu, ibu bapa mengasuh anak-anaknya dengan kelakuan sendiri bukan dengan cakap sahaja. Jangan beritahu pada anak-anak kita, buat seperti saya cakap, jangan buat seperti saya buat, Ahli Parlimen juga. Soalan saya apakah rancangan tindakan *action plan,* pelan tindakan disediakan oleh kementerian untuk mempromosikan budaya berbudi bahasa di Institusi Parlimen khasnya, pada masa perbahasan kita telah menyaksikan dalam hati semua tahu, kita telah menyaksikan paras berbudi bahasa yang telah diamalkan dalam Parlimen ini. Ini satu Dewan yang murni, Dewan yang mulia dan saya harap kementerian juga jangan tinggalkan Institusi Parlimen…

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Teng Boon Soon:** …kita sangat memerlukan budaya berbudi bahasa…

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham-faham.

**Tuan Teng Boon Soon:** ….dipromosikan dan diamalkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat yang begitu berbudi bahasa, memang saya bersetuju Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil rakyat adalah *icon, icon* kepada semua rakyat jelata, sebab itu kita selalulah berbudi bahasa dan bertingkah laku dengan baik. Saya hendak petik satu pepatah Melayu:

*Sebab pulut santan binasa;*
*Sebab mulut badan binasa.*

Dan saya juga mengakhiri dengan ini;

*Tegak rumah kerana sendi;*
*Runtuh sendi rumah binasa;*

*Sendi bangsa ialah budi;*

*Runtuh budi runtuhlah bangsa.* Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan jumlah dan statistik peningkatan ibu tunggal dalam negara secara terperinci dan masalah-masalah mereka serta langkah positif yang berkesan telah dilaksanakan oleh kementerian bagi membantu serta meringankan beban mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, mengenai ibu tunggal.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa peka terhadap masalah yang dihadapi oleh semua golongan wanita termasuklah ibu tunggal. Sebagai langkah awal, kementerian telah menggunakan data jumlah bilangan ibu tunggal yang di perolehI daripada Jabatan Perangkaan untuk tujuan perancangan program-program khidmat bantuan dan peningkatan pembangunan kapasiti yang komprehensif dan berkesan. Jumlah ibu tunggal berdasarkan bancian tahun 2000 ialah seramai 126,810 orang.

Di samping itu, kementerian telah pun memulakan langkah untuk mendaftarkan ibu tunggal secara bersama dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negara dan juga Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia. Jumlah ibu tunggal yang telah mendaftar ketika ini ialah seramai 56,931 orang. Pihak kementerian juga telah mengambil belbagai langkah untuk membantu ibu tunggal mengatasi masalah emosi, sosial dan ekonomi. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

(i) menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Unit Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita Kuala Lumpur dan juga di 15 buah Rumah Nur di seluruh negara khusus bagi wanita bermasalah termasuk ibu tunggal;

(ii) menggubah pelan strategi ibu tunggal yang mengandungi perancangan menyeluruh dalam usaha memberikan sokongan terhadap mereka dalam menghadapi masalah emosi dan ke arah meningkatkan taraf ekonomi dan kewangan mereka;

(iii) mewujudkan rangkaian *(networking)* dengan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan atau badan swasta bagi membantu ibu tunggal menyelesaikan masalah kewangan yang mendesak melalui bantuan segera oleh agensi-agensi seperti Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat;

(iv) melaksanakan program-program pembangunan kapasiti wanita termasuk ibu tunggal dalam berbagai bidang seperti keusahawanan, literasi teknologi maklumat, komunikasi dan kemahiran dalam pengeluaran produk tertentu seperti makanan dan kraf tangan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan;

(v) mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan lain bagi mengendalikan program untuk wanita, khususnya ibu tunggal seperti kursus keusahawanan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Program Kumpulan Pengembangan Wanita yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Skim Pembiayaan Ikhtiar Ibu Tunggal oleh Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah;

(vi) bekerjasama dengan agensi pelaksanaan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak berkuasa tempatan negeri dan Syarikat Perumahan Negara untuk membolehkan ibu tunggal yang berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah melalui skim-skim perumahan rakyat seperti Skim Rumah Mesra Rakyat, Skim Sewa Beli dan Projek Rumah Harapan; dan

(vii) mengumpul profil ibu tunggal di seluruh negara bagi tujuan perancangan program pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah kita merasa bangga dengan usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengatasi permasalahan ibu-ibu tunggal. Dengan jumlah yang begitu

ramai kita lihat dan juga kerjasama yang telah diberikan oleh agensi-agensi kerajaan, saya tidak berapa jelas dari segi sejauh manakah program-program yang telah dibuat oleh kementerian ini mendapat kerjasama penuh daripada agensi-agensi kerajaan yang lain bagi membantu meringankan beban dan masalah ibu-ibu tunggal.

Contohnya, kalau kita melihat kepada kerajaan tempatan, majlis daerah umpamanya tidak ada kedai-kedai ataupun gerai-gerai dalam bentuk kuota untuk ibu tunggal ini disediakan yang mana kita tahu ibu tunggal ini berdepan dengan masalah ekonomi, masalah emosi dan sebagainya. Saya minta supaya Setiausaha Parlimen bagi kementerian ini dapat memberi jawapan dan mengambil perjalanan yang lebih serius dalam perkara ini.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat adalah satu cadangan yang baik dan sebenarnya kementerian saya selalu mengambil satu *approach* untuk bekerjasama dan selalu berbincang dengan pihak-pihak yang berkenan secara *direct.* Saya dapati walaupun saya sudah berulang kali memberi jawapan dan penjelasan di dalam Dewan ini tetapi sampai ke hari ini masih ada ramai ibu-ibu tunggal dan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak begitu faham macam mana kita boleh memberi bantuan kepada ibu tunggal. *[Dewan riuh dengan sorakan]* Biarkan saya di sini sekali lagi memberi tahu cara bagaimana kita boleh memberi bantuan kepada ibu tunggal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat beri peluang kepada beliau, ya?

**Puan Chew Mei Fun:** Ya, beri peluang, ya? *[Ketawa]* Okey, kalau ada sesiapa yang perlu bantuan mengenai bagaimana mendapatkan wang bantuan untuk anak-anak atau geran pelancaran *business* yang kecil, mereka boleh menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah masing-masing.

Untuk menyertai kursus atau program dan menikmati skim-skim yang telah disediakan oleh kementerian yang lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah boleh menghubungi kementerian yang berkenaan atau Unit Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita, KL dan 15 buah Rumah Nur di seluruh negara yang mana kaunselor kami akan membantu ibu-ibu tunggal yang

berkenaan untuk *identify* atau menentukan masalah dan bantuan yang diperlukan dan seterusnya akan memberi nasihat dan *directive,* dengan izin, kepada mereka yang mana satu kementerian dan NGO yang tertentu yang boleh mereka hubungi dan seterusnya mendapat bantuan dengan lebih senang.

**Beberapa Ahli**: *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanah Merah.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Disorak]*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Sri Gading.

**Ir. Shaari bin Hassan:** *[Ketawa]* Kita tahu bahawa kategori ibu tunggal ada pelbagai kategori. Kategori yang pertama seperti ibu tunggal yang berkemampuan, yang mana ibu tunggal ini ibu tunggal berhias, mempunyai raut wajah yang menarik dan dapat meneruskan penghidupan kerana selain daripada itu mempunyai harta. Yang kedua, ibu tunggal yang sederhana yang bergantung pada takdir sama ada boleh mendapat suami lain atau pun tidak dan yang ketiga ibu tunggal yang tidak berkemampuan, yang berada di luar bandar, yang teraniaya, yang mempunyai anak yang ramai, untuk menyekolahkan anak pun susah, untuk makan pun susah. Apakah kementerian mempunyai agenda khusus untuk membantu ibu tunggal yang teraniaya, yang sangat miskin, yang hidup melarat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila jawab.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti apa yang telah saya beritahu tadi, kalau bantuan wang mereka boleh menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah dan kalau untuk ........

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Chew Mei Fun:** Saya ingat tadi baru sahaja kita berbincang mengenai budi bahasa*.......[Dewan riuh dengan ketawa]* Okey? Oleh itu biarkan saya*....[Tepuk]* Jangan menjerit-jerit di tempat duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, beri peluang .....

**Puan Chew Mei Fun;** Bolehkah saya teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan.

**Puan Chew Mei Fun:** Okey, jawapannya. Saya berikan sedikit maklumat mengenai program yang telah disediakan ataupun yang telah dijalankan seperti Program Kumpulan Pengembangan Wanita yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sekarang terdapat 1,364 Kumpulan Pengembangan Wanita di seluruh negara yang diwujudkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia berperanan dalam menjalankan projek ekonomi berskala mikro dan kecil dalam usaha untuk meningkatkan industri kecil seperti pemprosesan makanan, pengeluaran pertanian, ternakan, kraf tangan dan jahitan, perkhidmatan penyediaan makanan, perkhidmatan pusat pengumpulan dan jualan terus.

Satu lagi Skim Pembiayaan Ikhtiar Ibu Tunggal oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, ini adalah satu skim berbentuk pinjaman yang dikhususkan kepada ibu tunggal bagi membantu mereka meningkatkan taraf hidup dan menambah pendapatan keluarga. Agensi atau jabatan yang melaksanakan ialah Amanah Ikhtiar Malaysia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Kriteria kelayakan permohonan ialah warganegara Malaysia, ibu tunggal dan isteri yang ditinggalkan suami tanpa proses penceraian yang sah. Pendapatan bulanan kurang daripada RM1,200 sebulan dengan isi rumah seramai 5 orang atau per kapita RM240 seorang serta sanggup meningkatkan usaha untuk menambah pendapatan keluarga melalui sumber pendapatan yang halal. Secara keseluruhannya kategori program adalah khusus untuk ibu tunggal sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

3. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah persediaan Malaysia di dalam menghadapi wabak besar (Pandemik) selesema burung yang mana telah terbukti dapat disebarkan dari seorang manusia kepada manusia yang lain (ini telah disahkan oleh Kementerian Kesihatan Thailand dan US *Center of Disease Control)*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Malaysia [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Badan Pertubuhan Kesihatan atau *World Health Organization* menyatakan belum ada bukti *scientific conclusive* yang menunjukkan selesema burung dapat disebarkan dari manusia ke manusia yang lain. Kementerian Kesihatan sentiasa dan akan memastikan agar Malaysia bersedia

menghadapi wabak penyakit berjangkit seperti *avian influenza*, *endemic influenza* dan sebagainya

Antara langkah-langkah persediaan yang diambil oleh Malaysia dalam menghadapi wabak besar Pendemik selesema burung adalah melalui:-

(i) pemantauan kadar *consultation influenza light illness* di semua klinik kesihatan kerajaan. Klinik kesihatan diminta untuk menyediakan laporan secara berkala kes *influenza light illness* di kemudahan kesihatan;

(ii) pemantauan *syndromic surveillance* yang dijalankan di semua hospital kerajaan, di mana semua kes yang berkaitan dengan *Acute Respiratory Syndrome* akan disiasat untuk memastikan ia bukan influenza;

(iii) penyediaan pelan tindakan bagi menghadapi *pandemics influenza*, di mana ia akan diguna pakai oleh semua kemudahan kesihatan awam sebelum dan semasa berlakunya wabak influenza;

(iv) pelan tindakan ini menggariskan tatacara pengendalian kesihatan awam, perubatan, makmal dan juga komunikasi risiko;

(v) pemantauan *rumour surveillance*, di mana ia melibatkan pemantauan berita di media masa, bercetak dan elektronik, sama ada dalam atau luar negara agar amaran awal atau *alert* dapat diberikan kepada semua jabatan kesihatan negeri, terutama yang terletak bersempadan dengan negara jiran dan di semua pintu masuk;

(vi) pemantauan virus influenza di makmal-makmal terpilih untuk menentukan strain virus yang ada di Malaysia. Buat masa ini, tiga buah makmal mempunyai kapasiti untuk melakukan ujian penentuan virus berkenaan, iaitu Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM);

(vii) penyimpanan stok atau *stockpiling anti-viral* dan ubat-ubatan juga sedang dirangka agar Malaysia sentiasa bersedia sekira berlakunya wabak influenza;

(viii) latihan kepada pegawai-pegawai dalam bidang epidemiologi bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam menangani segala jenis gejala wabak. Sekian.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih, Setiausaha Parlimen kerana jawapan. Yang pertamanya, saya sungguh sangsi dengan jawapan kementerian, yang mengatakan tidak ada bukti, *human to human transmission*, kerana kita mempunyai dokumentasi yang cukup jelas, yang menunjukkan berlakunya *human to human transmission.*

Biar saya jelaskan sedikit, sebelum saya mengajukan pertanyaan. Dalam tahun 1918, wabak pertama, *Spanish Flu*, membunuh 40 juta hingga 50 juta orang; wabak kedua, yang dipanggil sebagai *Russian Flu*, yang berlaku dalam tahun 1957, membunuh 2 juta ke 3 juta manusia; dan wabak yang ketiga dalam tahun 1968, yang dipanggil sebagai *Hong Kong Flu*, membunuh 1 juta hingga ke 2 juta orang.

Di antara wabak-wabak ini, jangka masanya ialah di antara 10 tahun ke 39 tahun. Untuk tahun ini, kita sudah tahun yang ke-37 bebas daripada wabak. Itu sebabnya pakar-pakar kesihatan sedunia mengatakan kita diambang wabak yang besar. Tambahan pula, kalau kita lihat virus yang baru, yang dipanggil sebagai H5N1 telah muncul di Asia sejak tahun 2003 dan masih dalam *circulation still persistent*, masih *persist* di Asia sehingga sekarang. Dan, kita tahu bahawa virus ini telah membunuh 70% mangsanya.

Jadi, apa yang ingin saya tahu daripada Kementerian Kesihatan, menyedari ugutan penyakit influenza ini, mengapa sehingga kini pengawasan penyakit ini tidak dilakukan ke seluruh negara. Ia hanya tertumpu di Kuala Lumpur sahaja. Dan, makmal-makmal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, iaitu *Public Health Laboratory*, *Institute of Medical Research* dan makmal Universiti Malaya, kesemuanya terletak di Kuala Lumpur. Bagaimana pengawasan penyakit dan keupayaan makmal-makmal di tempat-tempat lain di negara ini.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan jangkitan wabak avian influenza ini, iaitu kuman ini, kita memang pada masa ini tidak mempunyai *conclusive evidence* bahawa ia boleh jangkit dari manusia ke manusia. Tetapi virus selesema burung ini, iaitu H5N1 ini, yang dibawa oleh burung, boleh menjangkiti manusia, walaupun keadaan ini tidak selalu.

Sehingga setakat ini, tiada bukti saintifik yang dapat membuktikan jangkitan atau transmisi dari manusia ke manusia yang disebabkan oleh virus ini. Ini adalah mengikut laporan WHO. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Thailand pada 27 September 2004 telah mengumumkan terdapat kemungkinan jangkitan dari manusia ke manusia dalam kelompok keluarga atau *cluster family*, seperti kes yang berlaku di Thailand, di mana anak dan ibu telah dijangkiti virus H5N1.

Ini adalah kerana semua virus influenza mempunyai keupayaan untuk melalui proses yang kita panggil *antigenic drift* atau *re-assortment*, ia boleh *muted*, di mana terdapat kemungkinan bagi virus H5N1 pada masa akan datang menjangkiti manusia dan merebak dari manusia ke manusia yang lain.

Dari segi makmal-makmal yang kita ada di Malaysia ini, memang mereka tertumpu di bandar raya, tetapi mereka adalah satu pusat di mana mereka buat siasatan dan penyelidikan. Semua kes yang kita buat pemantauan di seluruh negara, apabila kita perlu buat ujian dan sebagainya, kita akan hantar ke makmal ini. Tetapi ini tidak bermakna bahawa pemantauan di seluruh negara tidak dijalankan, cuma ujian dibuat di bandar raya sahaja. Sekian, terima kasih.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya senang sahaja. Berkenaan dengan penyakit selesema burung ini, adakah kementerian memandangnya sebagai satu benda yang serius? Kalau serius, apakah kesedaran dan kefahaman yang telah disampaikan kepada seluruh rakyat, terutamanya kepada penternak-penternak? Dan, adakah kerajaan, terutamanya kementerian bercadang untuk memberikan vaksinasi-vaksinasi kepada penternak-penternak, terutamanya penternak ayam?

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan vaksinasi, kita memang ada rancangan supaya vaksinasi ini dijalankan. Cuma kita kena tengok dari aspek, *cost effectiveness* berkaitan dengan vaksinasi ini.

Yang kedua itu, berkaitan dengan keseriusan. Kerajaan memang sangat-sangat serius berkaitan dengan perkara ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kita memang di depan atau di ambang wabak yang besar, yang akan melanda dunia ini, dan kita sentiasa ambil perhatian berkaitan dengan penyebaran virus influenza ini.

Tindakan-tindakan yang telah diambil seperti yang saya katakan tadi, memang sentiasa dijalankan. Selain daripada itu, kita memang ada satu jaringan atau *networking* antarabangsa, di mana kita sentiasa bertukar fikiran dan maklumat dengan semua agensi antarabangsa mahupun di dalam negara, seperti *International Surveillance* yang kita ada, kita selalunya ada bincang dengan WHO Flu.net., dan kita juga buat *surveillance*, iaitu satu *sentinel surveillance* dalam negara yang dimulakan pada September 2003, dijalankan di semua klinik kesihatan dan klinik swasta terpilih untuk memantau semua kes influenza *light innocuous* Kita ada *lab-based surveillance* juga, iaitu *surveillance* untuk menentukan kehadiran virus influenza, telah dijalankan sejak 1954, di mana ia melibatkan IMR dan juga Jabatan Mikro Biologi, Universiti Malaya. Kita juga menjalankan hospital-*based surveillance*, di mana data ini diperolehi dari *Health Medical Subsystem*, di mana ia merekodkan kematian disebabkan oleh influenza dan juga penyakit *respiratory* yang berkaitan.

Yang kelima, kita juga seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, berkaitan dengan *animal influenza surveillance*, yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Veterinary dan Jabatan Perkhidmatan Veterinary dan maklumat yang didapati dikongsi bersama dengan Kementerian Kesihatan. Dari segi itu, kita memang sentiasa untuk memperluaskan pengetahuan kita berkaitan dengan wabak influenza ini. Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

(a) berapakah tempat berteduh yang dibina untuk penunggang motosikal di Lebuh Raya Sg. Besi, Lebuh Raya Cheras-Kajang dan Lebuh Raya SILK; dan

(b) berapakah jumlah kos setiap tempat berteduh dan di mana lokasinya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bilangan tempat berteduh yang dibina oleh pihak konsesi Lebuh Raya Sg. Besi, Lebuh Raya Cheras-Kajang dan Lebuh Raya Sistem Lingkaran Luar Kajang (SILK) adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Lebuh Raya Sg. Besi | - | 3 lokasi |
| Lebuh Raya Cheras-Kajang | - | 5 lokasi |
| Lebuh Raya SILK | - | 8 lokasi |

Tempat berteduh berikut adalah tidak termasuk stesen-stesen minyak kawasan rawat dan rehat dan hentian sebelah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos untuk setiap tempat motosikal berteduh tersebut adalah bergantung kepada saiz, bahan yang digunakan dan lokasi. Untuk tempat berteduh, pondok motosikal adalah dianggarkan sebanyak RM50 ribu hingga RM100 ribu. Manakala kos untuk membina tempat berteduh di bawah jambatan adalah dianggarkan sebanyak RM10 ribu hingga RM20 ribu.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi maklumat-maklumat berkaitan dengan tempat berteduh untuk penunggang motosikal di sepanjang lebuh raya. Tetapi belum jelas lagi. Selepas pembinaan tempat berteduh untuk penunggang-penunggang motosikal itu, sama ada kejadian kemalangan atau kehilangan atau masih terdapat berlaku kemalangan selepas pembinaan itu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kemalangan terus berlaku kerana penunggang-penunggang tidak mematuhi undang-undang. Bagi dia tempat tidur atau tidak, dia tidak mahu. Masa hujan di bawah jambatan atau lain-lain, tutup setengah jalan, bila lori datang, ada juga orang meninggal. Dia tidak takut meninggal sekarang. Dia ingat kita punya bilangan penduduk sudah lebih, oleh kerana itu tidak peduli, dia tidak mahu jaga nyawa mereka sendiri.

Jadi, kita tidak boleh mengadakan kursus untuk mereka. Kalau ada kursus pun dia tidak mahu datang.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang tempat berteduh dan kemalangan tadi. Selain daripada apa yang telah dilakukan untuk lebuh raya-lebuh raya, adakah kementerian bercadang untuk

mewujudkan tempat berteduh dan tempat R&R, bukan sahaja di lebuh raya-lebuh raya tapi di jalan raya-jalan raya Persekutuan kerana kemalangan lebih banyak mengikut statistiknya berlaku di jalan raya-jalan raya Persekutuan dan lain-lain dan bukan sahaja di lebuh raya-lebuh raya.

Dan, yang keduanya kerana contoh R&R di jalan raya Persekutuan seperti yang ada di antara Gua Musang dengan Kuala Krai, nampaknya sambutannya begitu baik sekali. Jadi, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan tempat berteduh dan tempat-tempat R&R di jalan raya-jalan raya Persekutuan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat. Kita sedang mengadakan tempat-tempat seperti itu di jalan Persekutuan I di beberapa kawasan, tetapi kita belum meluaskan kepada kawasan-kawasan yang lain oleh sebab kita kena dapatkan peruntukan khas untuk membinanya.

**5.** **Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar-dasar kerajaan terhadap institusi-institusi perbankan negara ini dari segi menghadapi persaingan hebat daripada bank-bank asing gergasi apabila kesan WT0 dirasai sepenuhnya dan adakah institusi-institusi perbankan akan terus diwajibkan digabung. Jika ya, berapakah bilangan institusi perbankan yang paling sesuai bagi mengatasi persaingan daripada Institusi Perbankan Antarabangsa Asing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menghadapi persaingan daripada bank asing, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah untuk membina kapasiti dan meningkatkan keupayaan institusi perbankan tempatan dalam Fasal 1 Pelan Induk Sektor Kewangan agar dapat mewujudkan sekumpulan institusi bank perbankan domestik yang lebih efisien, teguh dan bersedia menyahut cabaran masa hadapan.

Program penggabungan industri perbankan domestik adalah salah satu daripada langkah penting ke arah memperkukuhkan institusi perbankan domestik. Proses penggabungan ini telah menghasilkan 10 buah kumpulan perbankan domestik yang besar dengan keperluan modal minimum sebanyak RM2 bilion. Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk mempertingkatkan keupayaan operasi dan pengurusan risiko kumpulan perbankan domestik.

Langkah-langkah ini termasuk satu program tanda aras ataupun *bench marking* yang membantu institusi perbankan dalam mengenal pasti agihan operasi institusi yang boleh dipertingkatkan serta membantu dalam pembentukan strategi perniagaan mereka.

Yang kedua, garis panduan penubuhan Jawatankuasa Lembaga, kelayakan minimum dan keperluan latihan untuk Pengarah serta definisi dan tanggungjawab Pengarah Bebas bagi meningkatkan lagi kekukuhan amalan urus tadbir korporat oleh institusi perbankan dan seterusnya pelaksanaan amalan terbaik bagi pengurusan dari risiko kredit bertujuan untuk mempertingkatkan lagi standard pengurusan risiko kredit serta memupuk budaya kredit yang mantap.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah tersebut bersama dengan program penggabungan industri perbankan domestik telah menyumbang ke arah mewujudkan institusi-institusi perbankan domestik yang semakin kukuh dan efisien dari segi kewangan dan kualiti perkhidmatan. Pada masa ini walau pun Bank Negara Malaysia akan terus menggalakkan penggabungan, sebarang penggabungan akan berdasarkan kuasa pasaran.

Bank Negara Malaysia tidak akan menetapkan bilangan institusi perbankan yang paling sesuai bagi mengatasi persaingan dari institusi perbankan asing. Bagi memperkukuhkan lagi institusi perbankan domestik, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 telah dipinda bagi membenarkan penggabungan di antara bank pedagang dan syarikat kewangan yang berada di bawah kumpulan perbankan yang sama agar dapat meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan mereka.

Setakat ini terdapat lima buah kumpulan perbankan yang telah melaksanakan penggabungan tersebut.

***[Soalan No.6 –** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]*

**7. Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Jalan Sungai Teru-Long Lama dijangka akan siap dan adakah kem bercadang untuk membina sebuah jambatan melintas Sungai Baram di Long Lama.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan dari Long Teru ke Long Lama sepanjang 13.8 kilometer akan disiapkan pada hujung tahun ini. Kemajuan fizikal yang

dicapai adalah sebanyak 46.3% sebenarnya berbanding dengan 99.3% jadual. Projek ini mengalami kelewatan yang disebabkan oleh hujan lebat yang mengakibatkan masalah banjir dan tanah yang mendap di tapak projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa terdekat ini terdapat rancangan untuk membina jambatan di Sungai Baram di bawah projek Jalan Marudi, Long Lama yang merupakan salah satu projek yang dicadangkan dan ia masih dalam proses pertimbangan kementerian dan Unit Perancangan Ekonomi untuk dimasukkan sebagai projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab ya? Bukit Mertajam.

**8. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

(a) apakah sebabnya pelajar darjah empat dikehendaki belajar mata pelajaran Pendidikan Moral dan Sivik. Apakah perbezaan kandungan dua mata pelajaran ini, dan

(b) mengapakah penilaian praktikal guru latihan aliran Mandarin dan Tamil dijalankan oleh pensyarah yang tidak tahu langsung bahasa Mandarin dan Tamil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rasional mengapa murid di tahap dua iaitu murid di tahun 4, 5, dan 6 diwajibkan belajar mata pelajaran Pendidikan Moral dan juga mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan adalah untuk pembentukan akhlak.

Kementerian Pelajaran berpendirian bahawa proses pembentukan akhlak harus dilakukan secara berterusan bermula di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah melalui pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, aktiviti harian sekolah dan juga kegiatan ko-kurikulum.

Mata pelajaran Pendidikan Moral (PM) adalah bertujuan untuk membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Manakala mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) bertujuan untuk melahirkan warganegara yang bersatu padu, berupaya mengapresiasi kepelbagaian budaya Malaysia dan bersifat patriotik.

Dari segi perbezaan mata pelajaran Pendidikan Moral digubal berasaskan nilai yang menekankan aspek pengetahuan, perasaan dan amalan moral. Manakala mata

pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewargaan (PSK) digubal secara *teamatic* dan menekankan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan dengan izin *purpose of* Pendidikan Moral *is to build good character and purpose of PSK is to build good citizen*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan untuk soalan (b) kejadian tersebut berlaku disebabkan Pensyarah Bahasa Cina dan Tamil tidak mencukupi. Susulan dari perkara tersebut, satu Mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan dan Pemantauan Guru-guru Pelatih Maktab Perguruan Seluruh Malaysia telah diadakan. Keputusan yang telah diambil:

(i) Guru Pelatih mesti diselia oleh Pensyarah dalam bidang pengkhususan;

(ii) sekiranya pensyarah tidak mencukupi, pihak maktab boleh mengambil guru yang berpengalaman dalam bidang pengkhususan tersebut diambil sebagai Pensyarah Sambilan; dan

(iii) pengambilan Pensyarah Pengkhususan dari maktab-maktab perguruan yang berhampiran.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tindakan telah diambil dan pihak-pihak maktab perguruan seluruh Malaysia akan mengikut keputusan mesyuarat seperti yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walau pun saya setuju dengan *intention* yang baik dalam mengendalikan dua mata pelajaran iaitu Pendidikan Moral dan Sivik, tetapi saya rasa kedua-dua mata pelajaran ini hendak membezakannya adalah terlalu *define* dan dia boleh digabungkan dalam satu mata pelajaran dan seperti *good citizen* dan *patriotism*. Itu memang kandungannya memang telah diajar dalam subjek bahasa.

Pada pengetahuan saya, saya diberitahu bahawa subjek mata pelajaran Sivik ini dikendalikan kerana di dalam sekolah kebangsaan mereka tidak belajar Pendidikan Moral. Pendidik Moral (PM) ialah hanya untuk pelajar bukan Islam dan pada masa itu pelajar Islam mempelajari agama. Oleh sebab itu mata pelajaran Sivik dikendalikan supaya kedua-dua golongan pelajar ini mempelajari mata pelajaran yang sama. Saya tidak tahu adakah ini benar. Saya ingin mendapatkan penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tetapi saya harap, dua mata pelajaran ini digabungkan supaya dia menjadi satu. Bahagian kedua itu, saya diberitahu bahawa masalahnya bukan kerana pensyarah dalam bahasa Mandarin atau Tamil, walau pun kekurangan tetapi mereka tidak pernah mengadu dan tidak mahu menjalankan tugas seperti ini. Bolehkah kita bayangkan kalau guru pelatih yang mengajar Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dinilai oleh guru atau pensyarah yang langsung tidak faham Bahasa Melayu, bolehkah kita bayangkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila beri penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Saya berharap ini tidak berlaku lagi. Memang pensyarah di dalam maktab perguruan dalam aliran Mandrin dan Tamil......

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Puan Chong Eng:** ..... menghadapi banyak masalah. Saya harap mereka diberikan perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri tahu. Timbalan Menteri akan jawab.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan apabila kelas-kelas Pendidikan Moral dijalankan, sebahagian daripada penuntut atau pelajar akan mengikuti kelas agama. PSK pun telah diperkenalkan supaya satu kelas yang merangkumi semua pelajar dapat mengikuti satu mata pelajaran pada masa yang sama dan dengan hasrat yang murni iaitu untuk melahirkan warganegara yang baik, taat dan setia kepada negara yang dicintai ini.

Satu lagi perbezaan di antara Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Sivik dan Kemasyarakatan adalah bahawa mata pelajaran Pendidikan Sivik mewajibkan murid-murid menjalankan kerja amali ataupun kerja-kerja aktiviti kemasyarakatan sekurang-kurangnya 10 jam setahun dan kerja amali ini akan dilakukan di luar jadual waktu persekolahan dan mereka dikehendaki menyediakan portfolio, data dan juga laporan di peringkat menengah bagi aktiviti yang dijalankan.

Dari segi jawapan untuk soalan (b), saya rasa tadi jawapan saya telah jelas, kami tidak nafikan bahawa kejadian ini berlaku tetapi saya ingin menegaskan bahawa kes ini adalah suatu kes *isolated* dan bukanlah satu kes yang sering berlaku. Apa yang penting ialah tindakan cepat diambil. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan suatu mesyuarat

telah dijalankan yang merangkumi semua maktab perguruan di seluruh Malaysia dan arahan yang jelas telah dikeluarkan yang sedang dipatuhi supaya kes seperti ini tidak berulang kembali. Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pendek sahaja. Adakah kementerian tidak bercadang supaya mata pelajaran silang budaya dan tamadun sebagai contoh tamadun Islam, tamadun Cina dan tamadun India ini sekarang ini diajar di peringkat Tingkatan 6 dan juga tahun pertama pelajar-pelajar universiti.

Saya rasa mata pelajaran ini penting diajar di peringkat awal lagi supaya pelajar-pelajar ini apabila dewasa nanti, mereka menghormati amalan yang diamalkan oleh agama-agama yang lain. Adakah kerajaan tidak bercadang supaya mata pelajaran silang budaya dan tamadun-tamadun besar ini diajar di peringkat sekolah lagi. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kandungan Pendidikan Sivik dan Kemasyarakatan merangkumi pelbagai tema iaitu enam tema dan di antara salah satu tema di peringkat sekolah rendah adalah “Kenali Budaya Malaysia". Saya rasa ini akan merangkumi cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu warisan dan juga kebudayaan tamadun Malaysia semua kaum dan juga di peringkat sekolah menengah, tajuk-tajuk ataupun temanya adalah enam iaitu:

(i) pencapaian kendiri;

(ii) hubungan kekeluargaan;

(iii) hidup bermasyarakat;

(iv) warisan kepelbagaian budaya Malaysia

(v) Malaysia negara berdaulat, dan

(vi) cabaran masa depan.

Saya rasa telah termaktub. Terima kasih.

**9.** **Tuan Raimi Unggi [Tenom]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah peranan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah bagi meningkatkan pengeluaran mereka di negeri Sabah amnya dan kawasan Tenom.

**Timbalan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tenom. Pertamanya untuk makluman, keluasan tanaman getah di Sabah adalah sebanyak 84,700 hektar dan jumlah yang ditanam oleh pekebun kecil ialah 82,000 yang menjadikan tanaman di bawah pekebun kecil sebanyak 96% daripada keseluruhan tanaman yang melibatkan lebih kurang 30,000 pekebun kecil.

Keduanya, kementerian ini melalui Lembaga Industri Getah Sabah sentiasa berusaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah di negeri Sabah termasuk kawasan Tenom untuk meningkatkan pengeluaran mereka dengan melaksanakan pelbagai program;

(i) program tanaman semula tanaman baru getah berkelompok dengan klon latex balak;

(ii) menanam semula getah tua dengan lain-lain tanaman;

(iii) dengan memberi latihan pekebun kecil getah;

(iv) untuk memperkenalkan skim penempatan getah Inukiran, di Kudat;

(v) pembinaan pusat memproses getah berkelompok;

(vi) menaik taraf jalan pertanian di kawasan ladang yang mengeluarkan hasil;

(vii) melaksanakan sistem torehan *intensity* rendah untuk membolehkan pekebun menoreh getah empat hari sekali tanpa menjejaskan hasilnya dan menyediakan khidmat dan pusat pembelian getah di ladang-ladang untuk mengurangkan kos pengangkutan untuk membawa getah keluar dari ladang.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM30 juta telah dibelanjakan untuk membantu pekebun kecil di negeri Sabah dengan penumpuan kepada usaha meningkatkan pengeluaran dan pendapatan mereka. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan hasrat murninya

untuk mempertingkatkan pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil ataupun penoreh-penoreh getah untuk mendapat pendapatan yang lebih. Tetapi persoalannya kita kena ingat getah ini kalau hujan ia tidak boleh dipotong. Kalau kemarau pun susunya tidak ada. Jadi, saya tidak nampak buat masa ini dalam estet-estet ini ada industri-industri yang boleh membantu penoreh-penoreh getah dan pekebun-pekebun kecil ini untuk menampung pendapatan mereka apabila hujan turun dan apabila kemarau, walaupun sekarang ini harga getah baik.

Jadi, masalahnya susu tidak ada. Macam mana caranya kementerian hendak memastikan bahawa masalah penanam getah ini memang teruk. Ekonomi mereka teruk sekali. Boleh dikatakan hak pergi ke laut boleh tahan lagi, tetapi hak memotong getah ini teruk kerana kekurangan susu getah. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Pertamanya, dengan pengenalan teknologi baru dalam penanaman dan penorehan getah, khususnya yang melibatkan sistem torehan *intensity* rendah di mana torehan boleh dibuat sekali dalam beberapa hari. Ini boleh menjadikan penorehan itu fleksibel sedikit, dengan izin, di mana hari hujan dengan syarat tiada hujan tiada airlah, penorehan masih lagi boleh dibuat.

Keduanya, dengan sistem torehan *intensity* rendah ini ia membuka ruang untuk pekebun-pekebun kecil melaksanakan program-program lain untuk menambahkan pendapatan mereka kerana mereka tidak semestinya menoreh getah tiap-tiap hari sekarang. Inilah usaha yang dibuat oleh kerajaan melalui RISDA dan FELCRA umpamanya yang mengadakan kegiatan-kegiatan ekonomi tambahan seperti menternak binatang-binatang misalnya kambing dan juga memelihara ikan dalam sangkar dan sebagainya. Ini mungkin tidak mencukupi buat masa ini tetapi adalah usaha baru yang diharap dapat dikembangkan di masa-masa akan datang. Terima kasih.

**Tuan Raimi Unggi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian juga bersedia memberi bantuan dari segi modal ataupun nasihat ataupun kemahiran ataupun kepakaran kepada pekebun-pekebun kecil yang menceburi bidang kraf tangan ataupun pembuatan perabot yang dihasilkan daripada pokok-pokok getah, yang mana ini boleh merupakan sebagai pendapatan sampingan mereka. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya ini merupakan satu kegiatan yang dijalankan secara besar-besaran oleh RISDA, iaitu menggalakkan pemprosesan daun getah menjadi bunga-bunga yang menarik yang boleh dijual. Ini juga termasuk dalam kegiatan-kegiatan tambahan yang saya sebut tadi, untuk menaikkan pendapatan di kalangan pekebun-pekebun kecil, khususnya pekebun kecil getah yang sememangnya, sepatutnya dapat menggunakan daun-daun getah ini dengan baik dan meluas. Cuma RISDA tidak beroperasi di Sabah dan mungkin saya rasa ini sudah pun diperkenalkan oleh agensi LIGS ini tetapi kita akan mengkaji sama ada ianya boleh dipertingkatkan lagi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akhiri sesi Jawab Lisan sekarang.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2005

### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL**

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas." ***[11 April 2005]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyambung jawapannya.

**11.06 pagi.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dalam perbahasannya telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kerajaan mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat itu. Semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengangkat Sumpah pada 31 Oktober 2003, beberapa penekanan serta inisiatif utama telah diperkenalkan ke arah pembangunan ekonomi dan sosial yang mapan dan seimbang selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Inisiatif-inisiatif ini juga menjurus kepada pembentukan kerajaan yang bersih, beramanah, efisien dan berjiwa rakyat, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Inisiatif-inisiatif ini terkandung dalam manifesto Barisan Nasional pada Pilihan Raya 2004 yang lepas dan tetap akan dilaksanakan sepanjang tempoh pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kerajaan Barisan Nasional akan terus membina sebuah negara yang maju, aman, sejahtera dan makmur. Pembangunan yang komprehensif dan seimbang akan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan membela nasib segenap lapisan masyarakat termasuk usaha untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan mana-mana jurang yang ada dalam negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penekanan kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Walaupun sektor swasta merupakan peneraju pembangunan ekonomi negara, namun kejayaan sektor swasta banyak bergantung kepada penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, telus dan sistematik. Semua agensi kerajaan telah disarankan supaya merancang dan melaksanakan dasar atau kaedah inovatif ke arah mencapai objektif ini.

Kesemua langkah-langkah kerajaan yang telah diambil sedang dilaksanakan di pelbagai peringkat. Langkah-langkah tersebut termasuklah inisiatif-inisiatif jangka pendek serta langkah-langkah yang akan membuahkan hasil dalam jangka masa panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mencelah sedikit penggulungan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan sesuai dengan Menteri yang menjaga Parlimen, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat secara serius kerana saya amat tersinggung dan ramai Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini tersinggung, terperanjat atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau yang meminta Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan supaya memberikan keutamaan projek mesra rakyat ini kepada Ahli Parlimen supaya Ahli Parlimen ini konon untuk lebih berbudi bahasa.

Sebenarnya Ahli Parlimen di sinilah tempat contoh berbudi bahasa. Soal kami berbahas atau perbahasan tidak mencerminkan budi bahasa yang tidak baik. Saya harap apa yang diutarakan oleh Tebrau ini jangan disalahfahamkan oleh rakyat, seolah-olah Ahli Parlimen ini mesti dikursuskan untuk berbudi bahasa. Kami memang sudah berbudi bahasa, sebab itu antara sebab kami dipilih kerana kami di bawah berbudi bahasa.

Saya amat dukacita apa yang diutarakan oleh Tebrau. Ini salah faham rakyat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan ini, nanti rakyat akan beranggapan bahawa kami di Parlimen ini tidak berbudi bahasa. Dalam Dewan yang mulia ini, perbahasan memang kami bertikam lidah antara kita sesama kita, antara kita dengan pihak pembangkang. Pembangkang menjawab bukan dia tidak berbudi bahasa. Ini soal perbahasan dalam Parlimen, kebebasan di Parlimen. Jangan salah faham Yang Berhormat bagi Tebrau.

Saya harap rakyat tidak keliru. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Sri Gading. Saya ingin beri jaminan di sini, iaitu selaku Menteri yang menjaga Parlimen termasuk Ahli-ahli Parlimen, saya tidak akan merelakan mana-mana kementerian lain untuk memantau bagaimana kita menjalankan perbahasan kita di Dewan ini. Pertamanya, tidak perlu untuk diadakan kursus kepada kita kerana fahaman kita, iaitu waktu perbahasan sudah tentulah masing-masing dengan perwatakannya, kalau dia mempunyai fesyen dalam satu isu itu sudah tentu perbahasan bermaksud kalau dalam bahasa Melayunya ‘bertikam lidah’. Bertikam lidah itu bermakna ada hujah-hujah.

Kalau kita berbahas dengan lembut ataupun dengan cara yang diaturkan supaya jangan mengangkat suara, saya ingat itu bukan berlaku perbahasan. Pada saya kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai, itu sahaja. *[Disorak]*

Kerajaan akan sentiasa memantau, meninjau dan mengkaji impak atau kesan langkah-langkah berkenaan untuk menentukan sama ada langkah-langkah tersebut adalah bersesuaian dengan keadaan semasa dan menepati aspirasi rakyat. Justeru itu,...

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dato’, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf saya, Yang Berhormat. Saya mencelah lagi. Ekoran daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya pun terdengar soalan itu tadi. Saya pun rasa terkilan juga. Dalam kita hendak memartabatkan Parlimen, kita hendak cari agensi lain untuk mengkursuskan Ahli Parlimen, ini bercanggah betul dengan pendirian, iaitu kerajaan ini

ditubuhkan dengan tiga organnya – pertama, Legislature iaitu Parlimen; yang kedua, Eksekutif; yang ketiga, Kehakiman. Semuanya *independent* satu-persatu tidak boleh ada orang lain hendak boleh mengkursuskan Ahli Parlimen atau Parlimen itu sendiri, melainkan Parlimen membuat satu keputusan bahawa Ahli Parlimen itu perlu didisiplin, kita sendiri sahaja yang boleh mendisiplinkan, bukan agensi atau kementerian-kementerian yang lain.

Jadi, saya rasa terkilan persoalan itu tadi, bahkan saya ada berbisik dengan seorang dua kawan bahawa apa sahaja cara kita di Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, lebih arif daripada saya bahawa tidak siapa pun boleh mengganggu dan menggugat kedudukan Parlimen semasa berbahas ataupun menjalankan tugas di Parlimen ini. Jadi, ini kena kita terima hakikat ini sebagai satu badan kerajaan yang *independent* daripada mana-mana badan yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi Yang Berhormat bagi Tebrau tadi tidak berniat buruk apabila beliau memberi ucapannya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, boleh disalahertikan, seolah-olah kami tidak beradab, kami tidak mesra, ini soalnya. Pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tebrau ini, pertanyaan yang memalukan Ahli Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Persetujuan saya iaitu bahawa kita tidak perlu dikursuskan kerana kalau hendak dikursuskan orang yang pertama dikursuskan ialah saya dengan Ketua Pembangkang sebab kami selalu bertikam lidah. Tetapi ini cara kita berbahas. Orang yang boleh menghukum kita ialah rakyat kerana rakyat memilih kita. Jadi, oleh kerana itu tidak ada forum lain ataupun tidak ada pihak-pihak lain yang boleh menghukumkan kita melainkan rakyat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ....kerana rakyat memilihkan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** ....boleh beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Tebrau?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh, kita beri peluang kepada dia.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya seperti yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu saya tidak bertujuan untuk mencemarkan ataupun merendah-rendahkan Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya saya tidak tahu mungkin kerana saya berkhidmat hampir 30 tahun di dalam bidang perguruan jadi selaku seorang guru seumur hidup itu tabiatnya suka menunjuk ajar jadi saya minta maaf sekiranya tunjuk ajar yang saya anggap dengan tujuan yang murni itu .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa *you* hendak tunjuk ajar ini? *You* punya bahasa ialah supaya Ahli Parlimen menggunakan nilai-nilai murni maknanya kami hari ini tidak menggunakan nilai-nilai murni. *You* punya cakap sudah terlajak.

**Tuan Teng Boon Soon:** Bukan, bukan.

**Seorang Ahli:** *Point of Order*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa bukan?

**Tuan Teng Boon Soon:** Saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *You* tengok *Hansard* lah, *you* tengok *hansard* macam mana? *You* menghina sesama sendiri.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang ini siapa yang berucap?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara penting. Apabila Yang Berhormat Tebrau menganggap kami tidak menggunakan nilai-nilai murni

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Saya baru masuk. Saya tidak tahu siapa mahu jawab. Tidak apalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** **K**ami tidak boleh terima. Kami menggunakan nilai-nilai murni.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, biar Menteri jawablah.

**Tuan Teng Boon Soon:** Sekiranya ada *slip of the tongue, ada slip of the tongue,* dengan izin saya minta maaf tetapi saya tidak berniat tidak menghormati....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau minta maaf jangan ada tetapi lagilah. Minta maaf sudah, *sorry* sudah. *You* salah.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat. Baik, baik.

**Tuan Teng Boon Soon:** Ok, saya tidak sanggup berdebat tentang hal inilah. Kebenaran itu ada di dalam sanubari hati kita.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa tahu *you* punya kebenaran. *You* punya cakap banyak bisa.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Sudahlah, sudah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa sudah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti saya beri jalan.

**Tuan Teng Boon Soon**: Saya mahu .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya memahami...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri hendak jawab dulu.

**Tuan Lim Kita Siang:** Jawab dulu, ok.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya bersimpati dengan Yang Berhormat Tebrau yang tidak berniat tetapi Yang Berhormat kita kena jaga kerana orang tidak dapat hendak menyelami niat kita kerana dalam Dewan ini apa yang kita lafaz itu yang akan dilaporkan. Sebab itu kita harus berhati-hati dalam apa perkara yang kita hendak bangkitkan kerana akhirnya nanti ia akan mendatangkan masalah juga kepada kita. Kerana untuk tuduhan mengatakan bahawa kita tidak bersopan santun itu satu tuduhan yang agak berat apatah lagi di kalangan kita rakyat Malaysia ini. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya mahu bangkitkan apa Yang Berhormat bagi Santubong ada bangkit sangat mustahak satu *point* bahawa mengenai tingkah laku Ahli-ahli Parlimen barulah Parlimen ada kuasa untuk disiplin ambil apa-apa disiplin terhadap Ahli-ahli Parlimen sekurang-kurangnya pada peringkat awal. Ini perlu dikemukakan oleh kerana nampaknya lama-kelamaan prinsip ini sudah merosot.

Semacam perkara apa yang berlaku di Dewan dahulu di mana saya tidak ada di sini mengenai perkara *over claim allowance* Ahli-ahli Parlimen, benar atau tidak saya tidak mahu campur tangan. Tetapi bukankah perkara semacam ini patut pada peringkat awalnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan untuk buat satu siasatan sebelum perkara ini dirujuk kepada agensi-agensi yang luar. Bukankah ini satu penghinaan kepada Parlimen yang mulia ini.

Kenapa perkara ini dibenarkan berlaku dalam Dewan yang lepas. Saya tidak ada di sini saya tidak tahu tetapi itu mustahak kita tidak mahu apa yang berlaku semacam ini diulangi. Apa-apa perkara yang bersabit dengan hak keistimewaan Ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau pembangkang patut dirujuk kepada *House Committee* atau kepada *Privilages Committee* sebelum apa-apa tindakan di luar Parlimen diambil, itu satu prinsip. Kita patut pegang kuat. Kenapa kita sudah menyimpang daripada prinsip itu. Bolehkah satu jaminan buat bahawa perkara ini tidak akan berlaku dan saya tidak tahu sama ada tindakan-tindakan '*reminder*' boleh diambil mengenai kes-kes yang berkenaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz**: Kalau berkenaan dengan kenaikan elaun itu saya harap supaya ia boleh dibangkitkan waktu kita membentang rang undang-undang nanti. Sekiranya jika ada apa-apa yang perlu tindakan yang diambil, sebab saya ingin menyatakan di sini.....

**Tuan Lim Kit Siang:** ... disebabkan .....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Disebabkan apa?

**Tuan Lim Kit Siang: .....** dikatakan bahawa *over claim.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu *over claim* .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu contoh sahaja tetapi kenaikan elaun. Ini hak keistimewaan Ahli-ahli Parlimen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik, saya akan ambil nota tentang perkara ini dan akan memaklumkan kepada pihak Jemaah Menteri iaitu dalam hal-hal tertentu yang berkaitan dengan kepentingan Ahli-ahli Parlimen akan dirujuk kepada *House of Privilages Committee.* Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan........ Saya melanjutkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi. Sekarang ini bekas Ahli-ahli Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Kota Baharu sedang dihadapkan ke mahkamah. Saya bercakap di sini Tuan Yang di-Pertua bukan atas mereka ini daripada PAS ataupun daripada mana-mana yang salah dihukum itu satu prinsip undang-undang yang mesti kita tegakkan. Yang dibangkitkan tadi adalah masalah *over claim* perlakuan mereka pada waktu itu. Kenapa tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Terpilih dalam kita hendak menegakkan hujah Yang Berhormat bagi Santubong tadi? Ini kredibiliti Parlimen. Ini integriti Parlimen. Saya hendak cadangkan dalam Dewan yang mulia ini adakah yang bertanggungjawab yang membawa usul ini atau yang bertanggungjawab perkara ini bersedia minta maaf.

Adakah Parlimen pada hari ini untuk kita menegakkan kredibiliti Parlimen kita bersedia untuk tarik balik? Ini masalahnya. Kalau betul-betul Parlimen sebuah badan yang tidak boleh diajar tidak boleh dicampuri tidak boleh diganggu-gugat oleh mana-mana pihak yang lain. Adakah mereka yang membuat kesalahan ini mesti didakwa balik atau kita bersedia untuk menghukum mereka? Kalau tidak, saya rasa ini jadi *mockery* kita tahu oleh orang lain. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, di sini kita kena ingat itu bahawa kalau perkara ini tidak dibawa ke luar Dewan yang mulia ini maka ia harus diselesaikan oleh *House of Privilages Committee*. Sebab itu kalau kita tengok dalam perbahasan di dalam Dewan, kalau sesuatu *remarks* yang dibuat oleh seseorang itu yang boleh merupakan *liableness* maka sebab itu diminta supaya diulangi kenyataan itu di luar supaya tindakan undang-undang boleh diambil kerana kalau disebut dalam Dewan dia tidak boleh diambil tindakan.

Begitulah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian walaupun beliau kata tidak mempertahankan PAS tetapi dia mempertahankan PAS lah sebab kedua-dua yang disebutkan tadi adalah PAS. Itu kita tidak usah menafikan, benda yang betul betullah. Kalau *you* hendak *depend* Pas cakap *depend* PAS jangan hendak cakap apa ni.

Saya hendak beritahu di sini kalau perkara itu walaupun ia diusul di dalam Dewan maka maknanya *House Privilages Committee* lah yang boleh menyelesaikannya.

Tetapi kalau orang yang melapur di luar terus kepada pihak polis maka itu sudah menjadi kes polis.  Kita tidak boleh mengatakan bahawa itu kerana dia wakil rakyat kita tidak boleh mengambil tindakan, itu tidak boleh kerana dia melakukan di luar Dewan. Itulah yang dimaksudkan dengan *House Privilages* yang perlu mengambil tindakan terhadap ahlinya kalau tidak dibuat di luar.  Kita kena faham.  Ini  kes dilapor dulu maka usul tidak payah tarik baliklah.  Saya harap Yang Berhormat bagi Kubang Kerian faham benda ini kerana laporan polis dibuat di luar.  Tak kan polis kata tidak boleh kerana Akta Rasuah tidak kira siapa.  Wakil rakyat pun mesti juga kena kalau didakwa.  Saya harap supaya kita faham tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.  Saya kata saya tiada di dalam Dewan yang mulia ini pada penggal itu tetapi kalau ingatan saya tidak silap perkara itu berasal daripada perkembangan dalam Dewan yang mulia ini bukan daripada luar.  Tetapi itulah mungkin Ahli-ahli Parlimen boleh beri keterangan.  Tetapi apa yang saya mahu tanya Yang Berhormat ialah apa yang beliau kata tadi dan saya rasa ini tidak boleh dibenarkan tanpa dicabar mengenai penerangan beliau bahawa *defamation* atau apa-apa *defamatory* boleh diucap dalam Dewan ini.  Saya rasa ini tidak benar.  Apa yang sebenarnya ialah bahawa ada *Privilege* dan perlindungan daripada tindakan diambil di mahkamah dan sebab itu kalau apa yang dianggap *defamatory* ada cabar untuk ulangi di luar Dewan supaya tindakan boleh diambil.  Tetapi ini tidak bererti bahawa dalam Dewan yang mulia ini kenyataan *defamatory* boleh dibuat oleh kerana kalau ada *defamatory statement* perkara ini boleh dirujuk kepada *Committee of Privileges*.  Itulah sebab ada *The Committee of Privileges* untuk menjaga Dewan yang mulia ini.

Apa yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini ialah bahawa kalau mahu rujuk seorang Ahli Parlimen kepada *Committee of Privileges* barulah Barisan Nasional boleh buat begitu.  Ahli-ahli Parlimen atau Menteri-menteri boleh melanggari *privileges* buat *defamatory statement* cakap bohong dalam Dewan yang mulia ini tetapi langsung tidak ada mekanisme atau tidak ada peluang untuk merujuk seorang Menteri kepada *Committee of Privileges* oleh kerana *brute majority will prevail.* Bolehkah kalau kita mahu menjaga keutuhan kredibiliti Parlimen kita mesti ada satu mekanisme yang adil di mana tidak kira sesiapa sama ada kerajaan atau pembangkang sama ada Menteri atau

*Back Banchers* kalau ada berlaku atau kalau ada tuduhan bahawa satu kenyataan *defamatory* atau melanggari *privilege* sudah berlaku secara automatik boleh dirujuk kepada *Committee of Privileges.* Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang mengadakan mekanisme semacam ini?.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak boleh timbang sebab kalau kita bercakap tentang hak asasi rakyat kita kena bagi pilihan kepada dia. Sama ada dia hendak didakwa oleh *Privileges Committee* ataupun didakwa di mahkamah. Ini hak asasi manusia mana boleh kita paksa dia.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau dia maknanya.......eh duduklah *[meminta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor duduk].* Ini hak asasi manusia itu pilihan kita. Kalau kita rasa bahawa kita hendak dihukum oleh *Privileges Committee* okey kita tidak bawa kes keluar tetapi kalau kita buat pilihan bahawa kita hendak supaya ini diselesaikan di mahkamah kita cabar orang yang mendakwa kita untuk mencabar di luar. Itu pilihan kita.

Terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen. Bagilah pilihan kepada mereka jangan paksa orang. Ini bercakap tentang hak asasi rakyat tetapi dalam masa yang sama hendak menyekat hak asasi Ahli Parlimen. Apa, apa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Rujuk kepada *Committee Privileges.* Bagaimana oleh kerana perlu satu undi majoriti. Undi majoriti itu ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita sebenarnya hendak beri pilihan kepada DAP.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah , *you* tidak faham, awak tidak faham, awak tidak faham awak tidak faham, awak yang tidak faham.

**Tuan Lim Kit Siang :** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya , rujuklah. Tidak ada siapa yang menghalang Yang Berhormat untuk merujuk kepada *Privileges Committee.* Mana ada halangan. Pergilah hantar, pernah buat? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Ipoh Timor]*. Ha yelah, pernah buat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagaimana boleh dapat *majortiy vote* apabila dalam Dewan ini ada *the blind brute majority* Barisan Nasional dalam perkara untuk mempertahankan pelaku yang bersalah. Itu Barisan Nasional. *[Disorak oleh ahli-ahli pembangkang]*

*[Dewan riuh rendah dengan suara beberapa Ahli-ahli Parlimen]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu. Ini apa ni? Duduklah, duduklah. *[meminta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor duduk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Awak ingat semua DAP semua bagus ka? DAP ular air tau kah? Jangan cakap macam itu. Apa punya orang tua ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey. Okey. Kerana dalam Dewan ini majoriti Barisan Nasional jadi kalau DAP merasakan kalau dia merujuk kepada *House of Committee* dia tidak dapat keadilan kerana majoritinya Barisan Nasional sebab itu kita bagi pilihan kepada dia untuk dakwa luar daripada Dewan, untuk dia, untuk dia. Ini tidak faham. Sebab kalau Yang Berhormat kata kalau merujuk kepada *House of Committee* tidak boleh dapat keadilan kerana majoriti BN maka kita bagi pilihan untuk dakwa di luar. Apa ini? Otak tak adalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana ada. Duduklah. Dukuk. *[Suasana Dewan amat gamat sekali]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Untuk dia sebenarnya. Untuk dia. Dia tak faham dia tak faham. Dia tak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia tidak faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Menyampuk menggunakan Bahasa Mandarin]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa! Kita bagi pilihan untuk dia sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia tidak faham. Sebenarnya kita bagi pilihan kepada dia .

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk dan bersorak]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** **S**ebab, sebab ...... kalau ....apa? Tak ada otak? Tak ada otak kah? Orang bagi peluang untuk dia, dia sendiri tolak, otak tak ada ka? Apalah..... No brain!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okeylah Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Untuk dia, untuk dia.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, keluar tajuk lah ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak ada otak semua tak ada otak. Ini peraturan untuk dia supaya dia ada pilihan. Untuk membuat pendakwaan di luar kalau tidak puas hati di dalam. Bodoh! Saya bagi tahu.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun membantah dan bersorak] [Dewan bertambah riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Justeru itu. Justeru itu memandangkan usaha itu......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memandangkan usaha ....... okeylah tidak cerdik, tidak cerdik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada Peraturan Mesyuarat

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. *[Menjerit dan bersorak]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut perkataan “bodoh” terhadap Ketua Pembangkang. Ini telah melanggari Peraturan 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir perkataan itu tidak tuju kepada sesiapa.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, ya tiada.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun membantah] [Dewan gamat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Umum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Umumkah?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun membantah] [Dewan bertambah gamat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa! Tidak apa! Tidak apa! Yang Berhormat. Adakah? …… *[Dewan masih gamat]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak apa Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat, untuk menjaga ketenteraman saya tarik balik, saya tarik balik. Saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya. Baiklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak apa. Tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat! Batu Gajah.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Masih berdiri dan membantah terhadap Tuan Yang di-Pertua]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: :** Ada apa itu?

**Puan Chong Eng:** Aturan ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey, Peraturan Mesyuarat.

**Puan Chong Eng:** Peraturan 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, 36……..

**Puan Chong Eng:** …… (6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Yang Berhormat Ipoh Timor tidak ada otak. Saya rasa ini kurang …… kurang …… kita boleh debat. Kita boleh……*debate…..*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sudah. Sudah. Sudah tarik balik.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Tarik baliklah!

**Puan Chong Eng:** Tetapi kita boleh gunakan perkataan yang baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu **"**Yang Berhormat Ipoh Timor tidak ada otak" itu tarik baliklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ah! Baik. Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tarik balik ya? Tarik balik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tarik balik. Tarik. Balik. Tarik balik.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Masih membantah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang otak ada dah. Tarik baliklah. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Cuma …….. inilah Yang Berhormat……. *[Menuding jari ke kepala]* Dia tak pakai. Dia tak pakai sahaja. Otak ada, tetapi tidak pakai dengan betul. Tak cerdik. *[Keadaan Dewan tenang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey. Justeru itu memandangkan usaha proaktif kerajaan dalam mentadbir negara selama ini, Kertas Putih seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor itu untuk mengkaji pencapaian jentera pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena ulang tahun ke duanya tidak diperlukan dan hanya merupakan *gimmick* parti pembangkang untuk meraih keuntungan politik semata-mata.

Berhubung dengan hasrat mewujudkan bangsa Malaysia yang unggul seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, kerajaan sentiasa komited ke arah melahirkan satu bangsa Malaysia yang unggul menjelang Wawasan 2020. Pencapaian bangsa yang unggul akan menjadikan Malaysia negara yang disegani dan dihormati di mata dunia.

Tambahan pula, agenda untuk memperkasakan modal insan merupakan salah satu teras utama kerajaan ke arah mencapai Wawasan 2020. Bangsa yang unggul merupakan bangsa yang cemerlang dari segi pendidikan serta mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi ke arah pembangunan ekonomi yang lebih mantap. Selain itu, sebuah bangsa yang unggul harus mempunyai daya usaha dan daya inovatif yang mapan agar boleh berdaya saing di peringkat global...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri……

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .....terutamanya di era globalisasi dan liberalisasi masa kini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hendak guna otak sekarang? Okey. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat kata bahawa tujuan kerajaan ialah ada satu mewujudkan, mencipta bangsa unggul. Bagaimana kita boleh berjaya untuk mencapai matlamat ini kalau kita tidak ada institusi-institusi unggul, universiti-universiti, kehakiman, BPR dan lain-lain. Semalam saya ada tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, namakan seorang *Vice Chancellor* atau Dekan-dekan yang termasyhur, oleh kerana kepimpinan akademik beliau, kepimpinan *research,* penyelidikan beliau, beliau tidak boleh namakan seorang pun.

Dahulu ada Ungku Aziz sekarang mana seorang *Vice Chancellor,* boleh kata *Vice Chancellor* yang unggul, *powering Vice Chancellor*. Mana ada, seorang pun tiada. Bukankah kita perlu institusi-institusi unggul dan kalau kita mahu bangsa unggul dan dalam dua tahun ini, tiada apa yang radikal diambil untuk mewujudkan institusi-institusi yang unggul di negara ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita hendak bercakap tentang sesuatu individu *towering Malaysian*. Dalam kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia, kita kena selesaikan masalah yang asas terlebih dahulu iaitu perpaduan di kalangan kita. Yang ini kita kena memberikan keutamaan, yang memusatkan perhatian kita kerana masih lagi di tahap yang tidak memuaskan. Sebab itu usaha-usaha kita untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang unggul ini…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** …mestilah terlebih dahulu memastikan supaya asasnya sudah ada. Lepas itu barulah kita boleh bercakap tentang perkara-perkara yang mana satu bangsa unggul itu semestinya sudah boleh membuahkan. Tetapi kalau asasnya pun di tahap yang masih kita nak kerjakan, maka di peringkat ini agak sukarlah untuk kita menghasilkan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini kita selalu mendengar bahawa ada masalah tentang perpaduan di kalangan rakyat ini. Kita di sini pun ingin menyumbang ataupun meningkatkan perpaduan di negara ini. Tetapi yang saya belum dengar ialah apakah definisi perpaduan yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan. Apakah maksudnya apabila mengatakan perpaduan negara? Apakah maksudnya dan macam mana ia ditakrifkan dan bagaimana kita semuanya boleh bekerjasama terhadapnya. Saya rasa kita belum faham ataupun jelas dengan apa maksud yang dimaknakan perpaduan, tetapi selalunya ia diguna. Saya haraplah dapat penjelasan apakah definisinya? *Thank you*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Perpaduan yang kita mahu ialah di mana sesama rakyat Malaysia yang berbilang bangsa itu akan hilang perasaan prejudis, yang mungkin ada di suatu masa dahulu ataupun masih lagi ada di mana membolehkan kita untuk hidup secara *peaceful coexistence* , tanpa kita mempersoalkan asal usul kita dan yang penting ialah bahawa prejudis bangsa mesti hilang kemudian *peaceful coexistence* dan pencampuran, pergaulan di antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain tanpa kita lagi mempersoalkan sama ada dia itu bangsa Cinakah, Melayukah, Indiakah. Ini harapan kita yang hendak kita capai. Ia bukan boleh didefinisikan kepada satu benda yang khusus.

Yang dimahukan oleh kerajaan inilah yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Ya, Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagumlah dengan perbahasan-perbahasan dan idea-idea yang dilemparkan oleh Yang Berhormat Menteri,

tetapi sedarkah Yang Berhormat Menteri, pagi ini ada satu soalan lisan iaitu soalan nombor 1 di mana Jerlun ada menanya kempen mesra dan nilai-nilai murni. Ini saya agak ia akan merangkumkan dalam topik yang kita sedang berbincang sekarang. Berkenaan dengan tajuk ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat iaitu masih ada segelintir pegawai-pegawai kerajaan, mereka ada prejudis terhadap Wakil Rakyat yang dipilihkan oleh rakyat iaitu di kalangan kami sini. Apabila kita hendak pergi berjumpa dengan pegawai kerajaan di pejabat - kepada pengarah-pengarah mereka pada kami tidak ada masalah tetapi pegawai-pegawai di bawah pengarah ini atau pegawai-pegawai biasa ini mereka kata “oh saya kena minta Pengarah saya sama ada saya boleh berjumpa dengan Yang Berhormat.”

Atau kami sekiranya ada masalah di tapak dan kami ingin menjemput pegawai-pegawai pergi ke tapak untuk meninjau keadaan, mereka kata perlu kelulusan dari atasan. Jadi, di manakah kami di sini. Yang Berhormat kata kita tidak mahu prejudis, kita hendaklah kepimpinan melalui teladan. Ini semua tidak dijalankan. Dan jangan katalah perpaduan di antara pembangkang dengan pemerintah.

Saya berharaplah Yang Berhormat, kalau benar-benar hendak mewujudkan satu bangsa yang unggul, satu bangsa yang perpaduan, tidak diskriminasi antara satu sama lain, maka Dewan yang mulia inilah perlu melalui teladan ini dan memberi *allocation fund* kepada Ahli-ahli di sini juga Yang Berhormat……*[Tepuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan itu bukan prejudis, pegawai-pegawai kerajaan itu mengikut peraturan, sebab itu Yang Berhormat sendiri sebut, kalau peringkat Pengarah tidak ada masalah sebab pengarah dia boleh membuat keputusan sama ada boleh ataupun tidak boleh tetapi bagi pegawai bawahan, dia kena ikut peraturan – dia tidak boleh sewenang-wenangnya buat apa yang dia suka – dia kena tanya kepada ketuanya. Jadi itu memang lumrah dalam *civil service* dan ia bukan prejudis. Sebenarnya dia adalah pegawai yang mengikut peraturan seperti yang telah ditentukan kepadanya sebagai pegawai kerajaan. Itu dia Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa semua peringkat pegawai selain daripada Pengarah dia tidak boleh berjumpa dengan kami? Itu bahaya, Yang Berhormat, itu bahaya sebab di dalam Dewan yang mulia ini ada ramai

pegawai-pegawai biasa. Sekiranya mereka ambil nasihat apa Yang Berhormat cakap itu nanti mereka akan mengikuti dan meletakkan kami dalam keadaan yang susah. Saya harap Yang Berhormat boleh menjelaskan bahawa ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya tidak kata tidak boleh, saya cuma kata bahawa pegawai di bawah kena minta kebenaran daripada ketuanya, termasuk juga macam saya sebagai wakil rakyat, apabila saya pergi ke kawasan saya – saya hendak pergi melawat ke Pejabat Daerah, apabila saya berjumpa dengan kerani, dia tidak mahu layan saya sebab dia takut. Sebaliknya dia akan panggil *District Officer* walaupun saya kata, "tidak payahlah bagi tahu" tetapi dia kata, "Tidak boleh Dato'", macam mana pun dia kena panggil ketua. Itu pun dengan saya, saya tidak tahulah apa peraturannya tetapi maksud saya bukan ada arahan supaya tidak boleh berjumpa dengan pembangkang tetapi pegawai-pegawai ini perlu mendapat kebenaran daripada ketuanya kerana begitulah sistem *civil service* kita di mana ketua itu bertanggungjawab di atas segala-galanya dan kalau pegawai bawahan melakukan sesuatu yang di luar daripada apa yang dibolehkan, dia terpaksa menjawab kepada ketuanya. Itu cara *civil service*, ini yang saya hendak beri tahu, bukan kepada pembangkang sahaja, berlaku kepada saya juga – kalau saya pergi ke Pejabat Daerah, dia tidak mahu layan saya, dia takut, dia akan panggil Pegawai Daerah.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, okay?

**Puan Chong Eng:** Jadi, itu bukan dasar kerajaan untuk mengarahkan supaya semua kakitangan kerajaan tidak boleh berjumpa ataupun menolong, membantu wakil rakyat dari parti pembangkang untuk menolong rakyat. Saya merasa gembira kalau itu adalah dasarnya tetapi dari segi praktikalnya pihak di sini selalu menghadapi masalah di mana kakitangan kerajaan tidak begitu jelas, apakah *position* mereka, kedudukan mereka, sama ada boleh atau tidak boleh. Jadi, saya harap perkara ini boleh diperjelaskan kepada semua kakitangan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak berbalik kepada isu perpaduan kerana memang itu adalah isu yang amat penting. Saya rasa perhubungan di antara kaum di Malaysia ini adalah lebih baik kalau dibandingkan dengan Amerika. Walaupun Amerika itu mempunyai berbagai-bagai *law* dan sangat bebas, tetapi ada *hate crime* di antara kaum yang berlainan – *black and white*. Di sini kita belum sampai ke tahap itu walaupun kita

ada berbagai-bagai persepsi di antara kaum. Yang penting saya rasa ialah dasar itu jangan membezakan rakyat mengikut kaum. Sekiranya dasar itu tidak membezakan, saya rasa perpaduan di antara kaum itu akan menjadi lebih baik.

Jadi, adakah kerajaan membuat apa-apa kajian ataupun penilaian ke atas perhubungan di antara kaum. Apakah tahap kita pada hari ini dan apakah ada mana-mana kajian yang telah membuat *recommendation* kerana dikatakan *polarization* ini telah wujud sejak tahun 1980-an dan ada banyak kajian telah dibuat, ada banyak pandangan telah diberi, ada banyak *recommendation* juga telah dibuat tetapi sampai hari ini saya rasa ia masih menjadi satu isu oleh pihak kerajaan hingga dikatakan SRJK(C) menjadi satu masalah. Oleh sebab itu maka ia perlu memperkasakan sekolah kebangsaan supaya ia menjadi pilihan semua pihak tetapi saya rasa dalam sebuah masyarakat majmuk memang identiti etnik atau kumpulan *culture* itu adalah penting. Kita semua boleh jadi Malaysia ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ......... tetapi identiti *culture* itu juga adalah penting untuk identiti peribadi. Jadi saya harap kita tidak mencampur-aduk dengan mengatakan bahawa kita mesti menjadi bangsa Malaysia tanpa identiti *culture* seseorang rakyat itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, sebenarnya kita kena terima hakikat bahawa di Malaysia bukan mudah untuk kita hendak memupuk perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan berbilang agama. Di Malaysia sahaja kita tengok ada orang yang tidak makan babi dan ada yang makan babi, ada orang yang tidak makan daging lembu. Ini kefahaman agama masing-masing. Di negara macam negara Chinakah, Indiakah, kalau satu majoriti, yakni mereka itu daripada satu agama maka mudahlah. Macam di U.K. ... sebab itu kita tengok orang berkulit hitam, dia bukan *integrate,* dia *assimilate,* menggunakan nama orang Putih juga kalau dari satu agama.

Jadi walaupun dari berbilang bangsa tetapi satu agama adalah lebih mudah. Kita kena ingat yang kita ada satu tahap lagi – *another tier – differences in religion*. Jadi sebab itu kita jangan cepat kecewa kerana apa yang kita capai hingga hari ini adalah yang terbaik walaupun kita mempunyai banyak hambatan dan halangannya. Jadi sebab

itu saya harap supaya Yang Berhormat jangan cepat kecewa dan kita kena terus bekerja bersama-sama ke arah untuk memastikan kita dapat mencapai perpaduan ini. Ia bukan satu kerja yang mudah tetapi Alhamdulillah kita tengok sehingga pada hari ini, tahap yang kita capai itu bolehlah membanggakan, seperti Yang Berhormat sendiri sebut iaitu bahawa tidaklah berlaku pergaduhan. Sebenarnya kejadian yang berlaku pada tahun 1969 itu kita tidak mahu lagi perkara itu berlaku. Ini perkara sangat sensitif dan kita cubalah di mana yang boleh untuk mencapai perpaduan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri kata semalam ada ucapan 30 muka surat, berapa muka sudah habis?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]* 15, saya sedang berada di muka surat 15.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah muka surat 15? Baik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau sebelah sana tak kacau boleh habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan benarkan mereka kacaulah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik, baik, terima kasih atas nasihat Tuan Yang di-Pertua. Kalau selepas ini saya tidak bagi jalan, salahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan saya, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah saya boleh ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Namun begitu, kecemerlangan ekonomi bukanlah satu-satunya objektif kerajaan. Bangsa yang unggul juga harus mempunyai ciri-ciri keperibadian dan sahsiah yang mulia, patriotisme, integriti dan toleransi merupakan sifat-sifat murni yang akan menghasilkan bangsa yang bermaruah dan mempunyai jati diri yang tinggi.

Ke arah merealisasikan Wawasan 2020, institusi-institusi kerajaan juga haruslah unggul selaras dengan pembangunan bangsa yang unggul. Institusi yang unggul merupakan institusi yang cekap dan efisien dalam melaksanakan tugas dan fungsi masing-masing. Selain itu, institusi-institusi demikian haruslah mempunyai daya

ketahanan dan juga kukuh dalam menangkis cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dalam proses pembangunan negara ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi ......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ..... sekejap ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah dalam penggulungan kementerian KETAK - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasikah apa..... dia telah membangkitkan soal penjelasan daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan kes peguam Fabian Lim di Sarawak tentang mengapa tidak dilakukan pertuduhan di mahkamah terhadap kes tersebut. Beliau mahu agar jawapan diberikan pada sidang Parlimen esok, 7 April 2005 tetapi oleh sebab saya sudah jawapan pada hari ini, saya jawab hari ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Adalah menjadi dasar pendakwa raya, bahawa sebelum suatu keputusan untuk menuduh seseorang atau sekumpulan orang di mahkamah dibuat, pendakwa raya perlu mengkaji dan memastikan keterangan yang ada adalah kukuh dan boleh diterima oleh mahkamah. Dalam kes peguam Fabian Lim di Sarawak, dua orang tidak dituduh bagi kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan atas alasan bahawa peranan dan penglibatan mereka dalam kes itu tidak mewajarkan mereka dituduh di bawah seksyen tersebut berdasarkan kepada keterangan yang ada.

**Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini *findings* yang dibuat oleh pejabat peguam bela yang mendapati bahawa berdasarkan keterangan yang ada dia tidak mewajarkan mereka ini dituduh. Itu jawapan rasmi daripada Pejabat Peguam Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri merujuk kepada hasrat kerajaan dan Perdana Menteri khususnya tentang perlunya kita tidak ada unsur-unsur rasuah, orang-orang yang rasuah dalam kerajaan dan di luar kerajaan. Tadi juga disebut tentang institusi yang kita ada perlulah unggul, yang perlu kepada kecekapan dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri juga merujuk kepada kes tadi di mana pendakwa raya juga memberi perkara yang dipentingkan ialah mengenai keterangan yang kukuh dan perlunya kes-kes ini disiasat dengan baik. Sesuatu perkara dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua, selain daripada badan-badan rasmi, badan-badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang seperti Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya kita juga ada badan-badan lain yang ditubuhkan oleh parti-parti politik, dan tidak kurang pentingnya dari segi kesan tindakan mereka.

Misalnya dalam parti UMNO sendiri ada Lembaga Disiplin yang pada hemah saya bertindak di luar undang-undang. Tidak menggunakan undang-undang yang dipakai, tidak menggunakan *duo process* yang diiktiraf, yang sepatutnya. Tapi mempunyai kuasa menghukum seperti mahkamah. Membuat pertuduhan seperti rasuah dan sebagainya walaupun digunakan perkataan etika, tetapi kesannya ialah seolah-olah ia ialah satu penghukuman soal jenayah.

Jadi dalam hal ini saya ingin bertanya kepada kerajaan. Apakah kerajaan sanggup meneruskan penubuhan ataupun kegiatan badan-badan disiplin ini yang mempunyai kuasa seperti mahkamah, tetapi tidak ada pengurusan yang baik, tidak ada penyiasatan yang rapi, tidak menggunakan *best evidences rule*, mengetepikan segala ciri-ciri yang diperlukan dalam *duo process* penghakiman. Apakah kerajaan terus ingin membenarkan perkara ini tanpa mengambil tindakan terhadap mereka kerana ini akan menjejaskan bukan sahaja parti tetapi kerajaan juga. Saya ingin penjelasan mengenai perkara ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya sebagai prinsip saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa setiap pertuduhan itu kalau sekiranya dia melakukan sesuatu untuk ahli dia, itu dibenarkan. Bermakna setiap pertubuhan berhak ke atas ahlinya untuk mereka mengadakan apa juga jenis forum, untuk memastikan sama ada disiplin kah, atau soal-soal lainlah terhadap ahli mereka. Itu prinsipnya.

Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kota Bharu iaitu sesetengah institusi itu dia bukan lagi merupakan institusi hak kepada ahli. Institusi itu sudah pun menjadi hak milik orang ramai, macam UMNO lah ya. Kerana walaupun ada parti Pembangkang tetapi secara senyap-senyap dia sokong kita, sebab dia pun ada

bimbang juga “kot orang lain naik nanti tidak boleh memerintah dengan betul , kot taliban ka apa ka”. Jadi sebab itu UMNO, sebab itu dia sibuk tentang disiplin parti kita dibangkit dalam Dewan, walaupun ahli UMNO tidak bangkit tetapi dia bangkit kerana dia sayang kepada UMNO.

Jadi UMNO sudah menjadi satu institusi hak orang ramai. Maka oleh kerana itu saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu iaitu bahawa apa sahaja yang berlaku dalam UMNO ini menarik perhatian orang. Seperti Yang Berhormat, apabila dikenakan tuduhan, sebenarnya tidak ada apa-apa kepada dia tetapi kalau dilaporkan dalam surat khabar maka fahaman yang dibawa ini iaitu, ini politik wang. Walhal dia bukan melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan politik wang. Tetapi ini politik wang dan dia telah pun dihukum oleh bukan sahaja ahli UMNO di bawah, tetapi peminat-peminat UMNO yang tidak menjadi ahli UMNO yang membaca surat khabar kata, “Macam mana ini pemimpin ini, rasuah!” Walhal dia bukan rasuah tuduhannya itu.

Etika ini sebenarnya lebih ketat lagi daripada akta rasuah. Sebagai contoh kita kata macam bagi bantuan kepada cawangan, itu biasa. Siapa ketua bahagian juga mesti bagi bantuan. Tetapi etika UMNO punya, tidak boleh. Hal dia kena hukum, kemudian kata buat jamuan. Buat jamuan biasa sahaja, siapa pun hendak bertanding kena buat jamuan hendak beri perkenalkan diri dia tetapi etika tidak membenarkan. Kalau buat jamuan kena, buat perjumpaan di rumah pun kena.

Oleh kerana itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kota Bharu, iaitu saya akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya dalam hal ini kita kena memastikan supaya, kalau mahu menjadi satu badan yang menghukum ahli-ahli daripada sebuah parti yang menjadi milik orang ramai di negara kita, yang mana apa berlaku itu menarik perhatian, saya percaya iaitu bahawa hukuman, orang kata apa, cara dia, sistem dia itu mesti kalau tidak sehebat dengan sistem yang digunakan di mahkamah mesti lebih daripada itu. Lebih daripada itu.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat iaitu bahawa peraturan yang betul mesti diikuti, bukti kena mencukupi dan jangan sewenang-wenangnya membuat hukuman kerana itu mempunyai kesan yang besar kepada orang yang telah dituduh itu. Saya setuju Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Sebenarnya tadi, sebelum Yang Berhormat Menteri beralih daripada isu bangsa unggul saya mahu minta penjelasan. Beliau bersetuju bahawa satu prasyarat untuk menunjukkan bangsa unggul ialah ada institusi-institusi unggul. Dalam 18 bulan ini semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan Perdana Menteri, beberapa institusi boleh disifat sebagai lebih unggul. Adakah institusi-institusi yang kita boleh kata terlebih unggul, lebih *conducive* untuk menunjukkan bangsa unggul.?

Yang kedua, yang tadi Yang Berhormat ada timbul mengenai kes Fabian Lim itu mungkin saya boleh diserah kepada Yang Berhormat daripada Bandar Kuching oleh kerana kes ini spesifik kepada beliau. Tetapi Yang Berhormat daripada Kota Bharu ada menimbulkan mengenai politik wang UMNO. Dan mengenai kes Yang Berhormat dari Kota Bharu sebenarnya kita tidak tahu di sini. Tetapi kita tahu bahawa ada tuduhan-tuduhan yang dibuat bukan oleh orang ramai, tetapi oleh Menteri-menteri UMNO. Bahawa dalam *election*, *UMNO Supreme Council* September lalu ialah terkotor sekali, *the worst money politics* dalam *history* UMNO.

Kenapa sampai sekarang, tidak setiap kes daripada wang politik UMNO yang berbeza daripada korupsi , selain daripada ada kes-kes yang spesifik yang nampaknya ada kata bahawa Yang Berhormat daripada Kota Bharu kata mereka sudah menjadi mangsa *process*, tidak *duo process,* mangsa tidak ada *duo process.* Tetapi apa tidak boleh dinafikan bahawa ada korupsi yang teruk sekali dalam sejarah UMNO dan Malaysia, kenapa sampai sekarang ini ACA belum ambil apa-apa tindakan untuk bawa kepada mahkamah. Adakah, ada *immunity* untuk pemimpin-pemimpin UMNO daripada tindakan oleh ACA.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor, saya suka sebab bila dia bercakap tentang rasuah dalam UMNO dia cukup, *passionate* sebab dia sayang pada UMNO, jangan marah pada dia. Kita jelaskan dengan baik-baik ya. Sebenarnya Yang Berhormat saya dah kata di sini iaitu bahawa saya jawab dalam Dewan Rakyat soalan, saya kata soalan daripada Cheras. Tidak ada *immunity* kepada pemimpin-pemimpin UMNO kalau mereka didapati telah melakukan rasuah, tidak ada.

Kalau mereka ada lakukan kita dakwa, seperti telah pun didakwa saya malas hendak sebut banyak kalilah yang berlaku. Saya faham iaitu bahawa Setiausaha Agong DAP telah pun menghantar satu surat kepada ACA.

Tetapi Yang Berhormat saya hendak sebut, kalau kita cuma sebut bahawa kita memetik daripada surat khabar mengatakan orang-orang ini semua didapati bersalah mengikut panel disiplin UMNO, maka dakwa mereka. Itu secara umum, susah kerana seperti saya sebut sebentar tadi, kesalahan itu mungkin kerana mengadakan majlis makan. Apa salahnya mengadakan majlis makan? Tidak ada salah. Memberi bantuan? Apa salahnya? Tidak ada salah memberi bantuan. Membuat perjumpaan di rumah, tidak merupakan kesalahan di bawah ACA. Sebab itu, tidak ada kes yang dibawa kerana tidak ada satu kes yang didapati bahawa kesalahan yang dilakukan itu merupakan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah, tidak bolehlah sebab UMNO punya kesalahan lain.

Kemudian, satu perkara asas, kita tidak boleh mengambil tindakan berasaskan kepada *hear say*. Saya tahu bahawa cakap-cakap di bawah mengenai pemilihan ini yang paling teruk sekali. Ini cakap-cakap, saya tidak tahu tentang kebenarannya. Mungkin yang bercakap itu orang yang kalah, dia *frust* ataupun mungkin betul. Tetapi kalau mungkin betul sekalipun, untuk mendakwa di mahkamah, kita perlu kepada saksi tampil ke hadapan. Saya sendiri juga bertanya begitu bahawa saya dengar benda ini dicakapkan di bawah tetapi yang menghairankan saya bahawa pendakwaan tidak dibuat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Pertama sekali saya bertanya kepada pihak Panel Disiplin UMNO, mengapa tindakan tidak diambil terhadap dakwaan bahawa berlaku politik wang di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang bertanding dalam jawatan-jawatan tertentu. Ahli Panel beritahu, dia kata betul cakapnya tetapi tidak ada siapa yang sanggup tampil ke hadapan untuk memberi bukti bahawa dia ada terima duit daripada si anu, untuk

mengundi dia, tidak ada. Sehinggakan pada hari ini, kita juga memberi perlindungan kepada mereka yang sanggup tampil ke hadapan, sehingga hari ini tidak ada.

Jadi, berdasarkan kepada cakap-cakap, tidak boleh buat kita mendakwa kerana pergi ke mahkamah, saya percaya kalau hakim tanya apa buktinya? Ini orang cakap-cakap. Tidak boleh macam itu, mesti ada pengaduan yang bertulis dan bersaksi, orang ini sanggup untuk menyatakan bahawa dia terima duit daripada si anu, anu untuk mengundi dia tetapi tidak siapa pun yang tampil ke hadapan, itu masalah kita.

Sebab itu kalau dakwaan Yang Berhormat itu mengatakan bahawa cakap-cakap di bawah begitu, saya kata mungkin betul tetapi untuk hendak mendapat pengukuhan kes untuk didakwa, sukar kerana tidak ada yang mahu tampil ke hadapan untuk menyatakan bahawa dia telah pun terima duit.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ipoh Timur bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah ini menunjukkan bahawa tidak ada kepercayaan kepada sama ada ACA atau Lembaga Tatatertib UMNO oleh kerana tidak percaya bahawa kompelin yang pernah dibuat tetapi tindakan akan diambil dan Yang Berhormat Menteri ada bertanya mengenai bukti-bukti. Saya beri satu bukti, perkara ini ditimbulkan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor oleh wakil Bandar Klang, Theng Cham Kem, mengenai pemberian tanah seluas empat hektar seorang kepada 107 orang pemohon termasuk anggota EXCO dan beberapa pegawai kanan kerajaan. Dan, masa itu Menteri Besar Selangor ada memberitahu pemberita bahawa semasa EXCO kerajaan negeri membuat keputusan itu, beliau telah meninggalkan bilik mesyuarat selepas mengisytiharkan kepentingan. Dia kata, I *quote*, *"Tuduhan pembangkang kata saya keluar mesyuarat tidak betul. Selalu bila saya tinggalkan mesyuarat, Timbalan Menteri Besar atau Dato' Tang See Hang akan mempengerusikan itu adalah menjadi prosedur*".

Tetapi Timbalan Menteri Besar masa itu ada menafikan bahawa Yang Berhormat Menteri Besar ada membuat perisytiharan kepentingan dan inilah Timbalan Menteri Besar masa itu, Datuk Zainal Abidin Ahmad ada berkata, sehubungan dengan kes pemberian tanah yang dihebohkan sekarang, itu adalah masa bersama, ingin secara sukarela dan penuh kesedaran menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Dr Mohamad Khir bin Toyo dan beberapa orang ahli EXCO telah mengisytiharkan kepentingan masing-masing semasa mesyuarat EXCO berkenaan berlangsung tetapi tidak seorang pun telah keluar meninggalkan bilik mesyuarat. Mesyuarat terus berjalan dipengerusikan oleh Menteri Besar sendiri.

*Conflict of interest* ada kes di mana sudah dikenakan bersabit kesalahan di bawah korupsi. Oleh yang demikian, kenyataan akhbar beliau pada 1 Mei 2003 yang menyatakan bahawa mesyuarat yang diluluskan pemberian tanah itu dipengerusikan oleh saya atau Dato' Tang See Hang adalah palsu dan bertentangan dengan kebenaran. Ini surat ditulis masa itu, Timbalan Menteri Besar – 1 Mei kepada ACA. Bukti yang sejelas-jelasnya. Kenapa tindakan tidak diambil? Bukankah ini menunjukkan bahawa BPR tidak ada kuasa untuk ambil tindakan terhadap orang-orang pembesar selain daripada mendapat *green light*. Bukankah ini kenapa apabila Malaysiakini April Fool – tiga Menteri, seorang Menteri Besar akan ditangkap bawa ke mahkamah, panik di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO oleh kerana mereka tahu mereka ada kelemahan, mereka boleh ditangkap, mereka boleh dibawa ke mahkamah. Sebenarnya kita patut cakap syukur dan berterima kasih kepada Malaysiakini oleh kerana mengingatkan bahawa masalah korupsi bermaharajalela dan tidak ditangani, lebih merosot dan lebih serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dia ini macam katak – lompat sana, patut la dia lompat dari Kota Melaka ke Tanjong. Tadi kita bercakap tentang UMNO tetapi dia lompat ke sana. Maknanya*, be focus*, kalau cakap satu hal, cakap satu hal, cakap tentang UMNO tadi, saya jawab tentang UMNO. Ini melompat ke sana, Timbalan Menteri Besar itu pun sudah masuk Keadilan pun. Jadi macam ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kes itu kalau hendak tanya, buat soalan kita akan jawab sebab saya tidak boleh menjawab secara spontan di sini tentang satu perkara yang khusus, saya tidak boleh hendak jawab. Jadi, sebab itu jangan hendak lompat-lompat macam katak. Hendak tanya soalan, tanya soalan betul-betul. Kalau kita bahas tentang UMNO, tentang UMNOlah, bukan soal ahli UMNO tidak

percaya kepada Panel Disiplin yang mereka tidak mahu tampil ke hadapan, tetapi mungkin mereka, saya tidak tahu mungkin terasa terhutang budi, saya tidak tahu. Tetapi yang pokoknya, kita tidak boleh mendakwa berdasarkan kepada *hear say.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun....

**Tuan Chong Chieng Jen:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Bandar Kuching.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kuching? Okay.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bandar Kuching.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kuchinglah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai kes pembunuhan Fabian Lim, adakah kerajaan berniat berbincang dengan Jabatan Kehakiman supaya kes-kes pembunuhan secara terbuka di tempat awam diberi *priority,* dibicarakan kerana mengikut prosedur biasa mahkamah, satu kes yang dituduh akan memakan masa secepat lebih kurang tiga atau empat tahun untuk diselesaikan dan selepas itu akan di*appeal*, dirayu ke Mahkamah Rayuan dan selepas itu dirayu kepada Mahkamah Persekutuan. Ia akan memakan masa sepanjang sepuluh tahun juga, mungkin.

Oleh itu, orang ramai yang tengok kes ini, saya telah sebutkan dalam ucapan saya, ada tiga kes yang berlaku di dalam satu bulan, pembunuhan terbuka di tempat awam. Kalau kes itu tidak diselesaikan, mereka yang melakukan kesalahan tidak dihukum dalam masa yang pendek, orang awam yang melihat kes-kes yang tidak diselesaikan itu, tidak akan menghormati terhadap undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat berbincang dengan Jabatan Kehakiman supaya kes-kes pembunuhan tersebut diberi *priority* untuk dibicarakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kuching, *believe it or not.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, kena sebut lengkap, jangan sebut Kuching, Bandar Kuching.

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bandar Kuching ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau Yang Berhormat nanti sebut Lubuk Antu, apa jadi? Susah nanti.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Oh yak ah! Saya tahu, ibu negeri Sarawak itu ialah Kuching bukan Bandar Kuching. Kita tidak perlu malulah daripada kita datang ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *Malaysiakini* saya hendak sebut, kita tidak boleh izinkan satu stesen menipu, sama ada April Fool kah, Oktober Fool, May Fool kah, tidak boleh tipu. Bukan kita ambil tindakan kepada dia kerana panik, takut kah atau apa, tidak tetapi kerana menipu. Bermakna kita boleh izinkan satu stesen mengeluarkan satu kenyataan yang tidak betul. Sebab itulah kita ambil tindakan, kemudian dengan Bandar Kuching kita setuju iaitu bahawa memang sebelum ini pun kabinet telah pun minta kepada pihak kehakiman supaya mempercepatkan kes-kes yang melibatkan kes-kes yang melibatkan sebenarnya pembunuhan. Sebab prinsip undang-undang yang penting ialah *justice delay deny* di mana mungkin kalau kita melambatkan saksi sudah menjadi tua dan saksi lupa, kalau kita lambatkan dan ini akan hilang keyakinan di kalangan pihak awam bahawa kita boleh menyelesaikan masalah jenayah di negara kita. saya

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching, sebenarnya Jemaah Menteri memang pernah minta kepada jabatan kehakiman untuk mempercepatkan kes-kes seperti yang disebutkan ini. Insya-Allah saya kira boleh saya sampaikan kepada Yang Berhormat Perdana Menteri, mungkin kita akan ambil keputusan lagi untuk bertanya kepada Jabatan Kehakiman.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam dan Bera, ya ada tiga Yang Berhormat bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak beri pada Ipoh Timorlah, Ipoh Timor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Eh, Ipoh Barat, Ipoh Barat, Ipoh Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat, yang lain tidak beri ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Beliau sayangkan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, yang lain duduk, Ipoh Timor cukuplah Ipoh Timor, Ipoh Barat pula ya.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang bersetuju mengenai dengan *justice delay justice deny* tetapi perkara ini saya telah bangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Satu perkara yang saya susah dan ramai peguam dalam negara ini susah untuk terima adalah kerajaan tidak mengisi tempat kosong hakim-hakim di negara ini. Macam di Ipoh, sudah lebih 2 ½ tahun tidak ada hakim di Mahkamah Tinggi yang telah ditukar. Kita hanya ada dua hakim dari lima hakim. Macam contoh juga di Pulau Pinang dan tempat-tempat lain kenapa ini tindakan yang tegas belum lagi diambil untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat saya pun juga perlu notis dalam hal ini sebab saya sendiri pun tidak tahu apakah jawapan sebenarnya di atas kelewatan untuk melantik hakim ini. Insya-Allah saya akan tanya kepada pihak kehakiman dan mungkin saya secara lisan kah akan beritahu kepada Yang Berhormat nanti ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** ***[Bangun]***

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ipoh Timor hendak lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat, Bera dengan Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak Bera, Bera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bera dahulu, sila.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Seperti kita tahu bahawa perang terhadap rasuah tidak akan berjaya kalau setakat kita menekankan dari segi isu penghukuman tetapi isu-isu seperti pencegahan atau preventive juga perlu dibuat.

Sebenarnya inilah yang dimaksudkan oleh saudara Khairi Jamaluddin, Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia bahawa penekanan kepada penghukuman semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah tetapi preventive punya program seperti education dan sebagainya begitu juga dalam delivery system yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya boleh mengurangkan rasuah di kalangan pegawai-pegawai kerajaan.

Soalan saya adalah, apakah program yang dibuat oleh pihak BPR dari segi pencegahan ini dan setakat ini dari segi statistik yang ditunjukkan adakah pengurangan dari segi jumlah rasuah yang berlaku? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Bera, memang betul iaitu bahawa mesti ada perimbangan di antara menghukum dengan *preventive* juga meliputi juga soal pendidikan. Sebab itu Perdana Menteri mewujudkan PIN (Pelan Integrasi Nasional) dan juga Institut Integriti Malaysia di mana institut ini akan mengadakan secara berkala kursus-kursus yang diberikan kepada semua lapisan masyarakat untuk memberikan pendidikan kepada mereka supaya menjauhi rasuah.

Sebab itu kita ada PIN. Berkenaan dengan program *detail*nya selain daripada mendakwa di mahkamah, pihak BPR juga ada program mendekati masyarakat supaya memberi galakkan kepada orang ramai supaya jangan takut datang tampil ke pejabat mereka untuk berikan maklumat-maklumat di mana berlakunya rasuah, iaitu mereka dapati berlaku. itu juga dilakukan tetapi secara *detail*nya apa yang dilakukan saya perlu masa untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sangat terperanjat tadi apabila saya dengar bahawa Yang Berhormat Menteri kata bahawa tindakan akan diambil pada Malaysiakini oleh kerana rencana itu pada hari *April Fool* yang sebenarnya daripada seorang yang mahu

menunjuk bahawa begitu *open minded* bahawa beliau bersetuju tindakan diambil. Apakah tindakan akan diambil adakah ini akan untuk *penalize* Malaysiakini apabila ini satu perkara yang biasa. *News Straits Times* pun pernah dahulu ada *April Fool* artikel. Sebenarnya kita bersyukur cakap tahniah dan terima kasih kepada Malaysiakini oleh kerana *April Fool* artikel itu *highlight* masalah, korupsi yang belum ditangani.

Tadi Yang Berhormat dari Bera ada sebut mengenai kenyataan yang dibuat oleh Khairi Jamaludin bahawa tidak akan *take up the past* bahawa akan *look forward* bukankah itu satu mesej yang jelas membayangkan bahawa kalau inilah pendirian kerajaan Perdana Menteri mungkin Yang Berhormat Menteri tidak tahulah, dia orang menteri kabinet tetapi dia tidak begitu tahu *prepriotories* strategik apabila berbanding dengan Khairi Jamaludin, *son in law* Perdana Menteri, *in the circle* bahawa ada *immunity* untuk semua old-corruption cases, semua *immunity new corruption* sahaja tetapi adakah kerajaan sedar bahawa kalau semua immunity diberi kepada *old-corruption* tidak boleh mencegah *new-corruption* lebih dahsyat berat. Kita beri jaminan bahawa tindakan-tindakan diambil terhadap Malaysia Kini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya rasa hendak gila juga Tuan Yang Di-Pertua. Ini kali yang pertama kita hendak ucap tahniah kepada orang yang menipu. Ini apa benda ini? Ucapkan tahniah kepada orang yang menipu. Yang Berhormat kalau saya *mislead* dalam Dewan Rakyat Yang Berhormat minta saya minta maaf kepada Dewan yang kita lakukan, saya dengan Dato' Radzi. Apa keistimewaan yang harus diberikan *immunity* kepada Malaysiakini sampai dia menipu pun kita boleh tidak perlu dakwa dia? Ini apa dia? *Double standard*, itulah kalau dia yang memerintah inilah *double standard* yang dia hendak laksanakan. Orang yang dia suka dia tidak dakwa, mana boleh, *April Fool* bukan budaya kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *April Fool* bukan budaya kita!

**Beberapa ahli:** Ya, betul!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan budaya kita, bukan datang daripada Timor pun ini, *April Fool*. Ini Barat, dia hendak gila Barat, biar dia, kita jangan. Jangan buat perkara seperti ini kerana asasnya menipu. Sebab itu saya hendak

mengatakan ya, kita akan ambil tindakan terhadap *Malaysiakini* kerana menipu dalam 1 April yang lalu.

Tuan Yang Di-Pertua, saya Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk dan bercakap ke arah Menteri]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Sambil bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading]* Itulah dia!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang Di-Pertua…nantilah dahulu, Ipoh Timor tidak jawab lagi, sabarlah, duduk dahulu, duduk dahulu, duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, sila duduk dia belum beri lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kemudian, Tuan Yang Di-Pertua, nakal. Kalau Yang Berhormat hendak mengatakan iaitu bahawa Perdana Menteri mendengar cakap menantu dia itu adalah satu dakwaan yang nakal. Itu adalah tidak benar. Soal rasuah ya*…..[Dewan menjadi riuh dan gamat seketika]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak benar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cuba ikut peraturan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya tahu, saya tahu, saya tahu sebab dalam soal-soal Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beliau berjumpa saya. Setiap kali beliau datang, saya berjumpa beliau di atas dan rasuah adalah di bawah agihan dan tanggungjawab diberi kepada saya. Saya telah mengatakan bahawa tidak ada immunity yang diberikan kepada sesiapa pun. Saudara Khairi pun daripada Australia menelefon saya beritahu kepada saya dia kata Dato' tidak betul, saya kata beri immunity. Dia pun cerdik, dia bukan orang yang tidak cerdik.

Sebab itu saya ingin menyatakan adalah tidak benar iaitu dakwaan yang menyatakan bahawa Khairi mengatakan ada immunity untuk pemimpin-pemimpin UMNO.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Larut silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun mengikuti jugalah, memang kita tahu sangatlah, modal DAP lain tiada dah, membangkang DAP. Yang Berhormat, kalau betul tuduhan, dakwaan Ketua Pembangkang tadi, kalau tak betul minta dia tarik balik, kalau betul kita cabar dia buat kenyataan di luar. Kalau betul, jangan buat dakwaan di sini saja. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta menteri. Saya minta jawapan daripada menteri, duduklah. Saya minta daripada menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk – bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan semakin riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta pada menteri jelaskan, saya minta pada menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan Yang Berhormat, yang nak melenting sangat ni kenapa? Kita cakap dengan baik, Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat Melayu kita selalu orang bercakap, "kalau ikut orang gila, kita pun gila". Saya ingat tak usah layan sebab kita tahu benda ini tidak benar dan saya bercakap dalam Dewan, buat apa saya nak menipu. Yang Berhormat nak hina saya ke? Seolah-

olah saya tidak berkewibawaan untuk menjaga rasuah. Bukan itu Yang Berhormat nak sebut sehingga saya tidak tahu apa yang berlaku kerana kononnya ada *inner circle*. Saya nak menafikan itu, adalah tidak benar bahawa Perdana Menteri mendengar cakap menantu dia, itu adalah tidak benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya nak rujuk kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa *April Fool* itu adalah .......

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa dia?

**Puan Chong Eng:** April Fool ialah dari budaya Barat. Saya rasa apa Yang Berhormat pakai ini pun budaya barat.

**Beberapa Ahli:** *[ketawa]*

*Hall* ini, sistem ini pun adalah budaya Barat dan juga tiap-tiap First of January yang kita nak *countdown* tu, *New Year* tu pun budaya Barat juga. Saya rasa itu bukan satu alasan yang baik, untuk menolak semua apa yang disebut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ada budaya baik, ada budaya jahat. Kita tiru yang baiklah Bukit Mertajam. Apalay *you*? Huh?

**Puan Chong Eng:** Itu yang, itu yang maksud saya. Tirulah yang baik dan bukan dikatakan itu budaya Barat digunakan sebagai satu alasan untuk menolak kesemua. Mungkin ada yang baiknya juga apa yang dilaporkan oleh Malaysia Kini mengenai isu itu pada hari *April Fool*, mungkin ada hikmatnya. Itulah pandangan saya, apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat saya bercakap dengan orang yang cerdik. Apabila kita bercakap tentang *April Fool*, yang saya maksudkan budaya tidak mahu terima *April Fool* lah, ya bukan soal pakai baju. Ini jantan kahwin jantan nak ikut tak? Saya nak tanya. Perempuan kahwin perempuan nak ikut tak?

**Beberapa Ahli:** Tidak.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memanglah maksudnya iaitu kita bercakap tentang *April Fool.* *April Fool* ini ada yang tidak elok, janganlah rangkup semua budaya Barat tak elok, itu sudah tidak betul. Saya bercakap kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang ada otak untuk berfikir kerana bila kita bincang *April Fool*, *April Fool* lah yang saya maksudkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak baik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu tidak baik, memilih satu hari yang boleh menghalalkan penipuan tak baik, mana boleh. Tipu tetap tipu walaupun kita ada hari khas yang boleh menipu, mana boleh, tak boleh. Saya tidak setuju langsung dengan itu Yang Berhormat ya. Kita pergi kepada.......

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ......** kita akan pergi kepada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ....Dungun juga mencadangkan .......

**Tuan Lim Kit Siang:** Sikit, sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: .....** supaya mewujudkan. Yang Berhormat, sudah 12.24

**Tuan Lim Kit Siang:** Sikit, sikit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya banyak lagi ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sikit sahaja. Sikit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ada lagi. Hal lagi. Ada hal lagi. Ada hal lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ingat Dato' Menteri tak payah layanlah orang yang pertahankan pembohong buat apa nak layan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Dungun juga mencadangkan supaya diwujudkan panel.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila. Sila, yang lain sila duduk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ..... bagi mengkaji amalan-amalan penghayatan Rukun Negara. Sesungguhnya kerajaan mengalu-alukan cadangan ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mengambil inisiatif bagi menggerakkan semula amalan Rukun Negara di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini telah mula digerakkan dengan pelancaran Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah menengah pada 8 Mac 2005 yang lalu di Kuching, atau sebut Bandar Kuching pula, di Kuching Sarawak.

Sehubungan ini JPNIN dengan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi akan memastikan aktiviti-aktiviti Kelab Rukun Negara dirangka dan dilaksanakan berlandaskan kepada 5 prinsip Rukun Negara yang berteraskan kepada pengukuhan, pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengalaman Rukun Negara di kalangan pelajar. Selain untuk memperkenalkan dan mengingatkan rakyat tentang kepentingan Rukun Negara, Kelab ini akan dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan pelajar pelbagai kaum.

Berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Perpaduan Negara oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, dimaklumkan pada masa ini pihak kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Perpaduan Negara. Ini kerana peranan Panel Penasihat Perpaduan Negara di peringkat kebangsaan dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri telah pun diaktifkan semula. Panel berperanan sebagai sebuah badan untuk membincang isu-isu berhubung dengan perpaduan dan integrasi nasional bagi mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan perselisihan antara kaum.

Selain itu Panel juga berperanan untuk mengenal pasti strategi dan program-program ke arah mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Sebanyak 8 jawatankuasa kerja telah ditubuhkan di bawah Panel dan di antaranya ialah Jawatankuasa Keagamaan, Jawatankuasa Integrasi, Jawatankuasa Hal Ehwal Suku Kaum Minoriti dan Jawatankuasa Khas Integrasi Ekonomi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Fungsi Jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan isu-isu yang dikenal pasti mengikut bidang tugas masing-masing.

Yang Berhormat Tanjong menyatakan kebimbangan bahawa penerapan nilai-nilai Islam akan menjejaskan perpaduan kaum. Sebagaimana yang ahli Yang Berhormat sedia maklum agama Islam adalah agama rasmi negara namun kebebasan beragama telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Prinsip toleransi antara agama dan kaum ini menjadi tunggak perpaduan yang diamalkan di Malaysia. Seperti agama lain, agama Islam mengutarakan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, sopan-santun dan tolong-menolong di kalangan umatnya. Nilai-nilai yang universal inilah yang dikongsi bersama dengan semua agama lain membolehkan usaha-usaha terus dilakukan untuk meningkatkan persefahaman dan perpaduan di dalam negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, contoh yang diberikan mengenai artifak-artifak di Lembah Bujang merupakan satu insiden yang terasing dan tidak berlaku secara berleluasa di negara ini. Perkara tersebut telah pun diselesaikan dengan baik oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Ipoh Timor mencadangkan supaya diwujudkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai dialog di antara agama. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun membuat keputusan untuk menangguhkan penubuhan Suruhanjaya antara agama. Oleh yang demikian, penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh penganjur persidangan antara agama adalah tidak diperlukan. Seperti mana yang telah diumumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat keputusan ini dibuat memandangkan kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sememangnya sering mengadakan dialog antara agama dari semasa ke semasa.

Tambahan pula perbincangan untuk menubuhkan Suruhanjaya tersebut menimbulkan kontroversi dan telah melebarkan jurang antara rakyat yang berlainan agama. Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berkenaan dengan apa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Berkenaan dengan antara agama.

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ok.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata mengenai isu antara agama. Baru-baru ini dalam satu *interview* dengan *ABC*, *Australian*

*Broadcasting Corporation*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata bahawa beliau telah mencadangkan satu perintah untuk mengharamkan *Bible* sehingga beliau ada dimaklumkan oleh bekas Menteri (Leo Moggie) bahawa tindakan ini, sebelum itu dia tidak tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku sehingga seorang menteri yang menandatangani satu *Order* untuk mengharamkan *Bible*.

Saya tidak menyalahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tapi kenapa ada jentera, jentera birokrasi yang boleh bertanggungjawab atas perkara ini, bukankan ini menunjukkan bukan sahaja kelemahan jentera tetapi ketiadaan institusi-institusi yang cekap, unggul dan kalau adalah fikiran yang macam ini tentulah tidak kondusif untuk memupuk antara agama di negara kita.

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perlembagaan ada menyebutkan iaitu bahawa perbuatan untuk mengembangkan agama selain daripada Islam di kalangan bangsa Melayu itu adalah diharamkan. Itulah perlembagaan ada, jadi saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu menandatangani atas kemungkinan mungkin *Bible* itu diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Maka ini kesimpulan yang diambil menganggap itu bahawa usaha untuk mengembangkan *Kristianiti* di kalangan orang Melayu. Jadi sebab itu saya percaya ada tandatangan tidak membenarkan perkara ini berlaku kerana kalau sekalipun hendak mengalih bahasa, kalau orang Kristian itu adalah orang Cina, orang India ataupun Kadazan dan Iban, alih bahasa *Bible* dalam bahasa itu dibenarkan.

Tetapi kalau dalam bahasa Melayu itu dianggap sebagai mahu mengembangkan agama bukan Islam di kalangan orang-orang Melayu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya minta Bukit Mertajam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan menarilah Kepong. Apa menari pula.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kerajaan perlu faham bahawa pada waktu sekarang ramai orang Cina dan India mereka juga pergi ke sekolah kebangsaan sejak dari *standard one*. Jadi mereka tidak faham bahasa

Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Tetapi bahasa Melayu adalah bahasa utama mereka. Jadi saya rasa kalau tidak benarkan *translation* Bible ke dalam bahasa Melayu, golongan ini tidak dapat akses kepada tulisan agama.

Jadi saya rasa kerajaan nak semua orang menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan tetapi dalam aspek ini pula menghalang menggunakan bahasa Melayu. Saya rasa perlulah lebih berkoordinasi. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pertama, saya tidak percaya kepada dakwaan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam iaitu bahawa anak Tamil tidak faham bahasa ibunda Tamil dan anak Cina tidak faham bahasa Hokkien. Jadi alih bahasa *Bible* dalam bahasa ibunda mereka dibenarkan, tetapi dalam bahasa Melayu saya hendak mengatakan di sini tidak boleh kerana ia adalah satu usaha untuk mengembangkan agama ini di kalangan orang-orang Melayu.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Kepong dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kepong. Silakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun berharap Yang Berhormat dapat mengamalkan, sekarang ada kempen budi bahasa. Kempen budi bahasa ini. *[Menunjukkan logo kempen budi bahasa]* Bukan sahaja kempenlah saya hendak semua Yang Berhormat bersama saya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perkara ini telah berulang beberapa kali dari masa ke semasa dan di Indonesia pun ada Al-kitab yang sudah diterjemahkan dan sebagainya. Apakah pendapat Yang Berhormat kalau buku seperti Al-kitab daripada Indonesia digunakan untuk hal yang bukan Islam di negara ini? Adakah ini akan dibenarkan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak boleh. Mana-mana buku yang dialih bahasa dalam bahasa Melayu, buku-buku daripada agama-agama lain akan diibaratkan sebagai mahu mengembangkan agama itu di kalangan orang Melayu. Jawapannya tidak boleh.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada dua lagi yang bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta Kubang Kerian kemudian Tanjong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kerana ketegasan pihak kerajaan di atas isu *Interfaith Religious Council* (IRC) ini. Saya hendak memberikan beberapa input sebagai contoh betapa sensitifnya isu yang melibatkan agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu memorandum yang dihantar oleh *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism* dan *Sikhism* ini. Memorandum ini dihantar kepada Majlis Peguam sebagai contoh. Antara tuntutan mereka ialah yang pertama orang Muslim berhak menyingkirkan Islam. Takrif 'Muslim' yang diguna pakai dalam enakmen negeri-negeri adalah tidak berlandaskan Perlembagaan. Kemudian kad pengenalan orang Muslim tidak sepatutnya memaparkan agama. Itu contoh Tuan Yang di-Pertua. Kita sebagai rakyat Malaysia dalam Dewan yang mulia ini saya hendak tanya, apa kata kalau ada golongan yang mahu Sabah keluar daripada Malaysia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Perang!

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Sebab ada golongan yang memperjuangkan satu isu orang Islam ini boleh keluar daripada agama mereka dan mereka menyediakan platform yang subur untuk membela mereka. Saya rasa ini mengundang rusuhan agama Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya!

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ini satu perkara yang sangat sensitif. Dan satu lagi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kerana ini sangat penting. Dalam memperjuangkan Islam dan amalan kita beragama Islam, kita ada perspektif kita kepada Islam. Yang Berhormat Dato' sendiri tadi kata "Saya setuju tidak semua budaya barat itu kita tolak, ada nilai yang kita terima pakai." Tetapi dalam isu *human right* sebagai contoh, isu hak asasi manusia ada beberapa nilai yang boleh kita pakai tetapi ada perkara yang kita kena tolak. Dato' sendiri tadi mengatakan *gay* kahwin sama *gay* tidak

akan kita hendak bela. Perkahwinan lesbian, orang yang mengamalkan lesbian dengan lesbian takkan kita hendak ambil, tidak boleh.

Jadi, di sini antara tuntutan yang paling bahaya yang tersirat ini adalah semua perkara adalah mesti mengikut satu ketentuan yang ditetapkan oleh ulama-ulama antarabangsa. Mesti mengikut konvensyen *human right* antarabangsa. Ini kita tidak boleh. Jadi saya harap Dato' bukan sekadar ditangguhkan tetapi dengan tegas saya merasakan kita tidak boleh sama sekali! *[Tepuk]*

Jadi saya harap sebagai input dan saya harap kita bersedia. Ini masalah agama saya rasa kita hormat agama orang lain. Islam ajar kita hormat agama-agama orang lain. Tetapi kalau agama kita dicabar, agama kita cuba dihina, saya hendak ulang sekali lagi kita reda untuk mati!

**Beberapa Ahli:** Ya! *[Tepuk]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Jangan bermain api, jangan undang huru-hara Dato'. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut di sini bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebenarnya bukan sahaja kita menangguhkan daripada disabitkan perasaan emosi apabila kita bercakap tentang agama tetapi kita menolak permintaan daripada pihak badan-badan ini. Kita mempunyai alasan mengapa kita menolak.

Pertamanya, mereka tidak mahu supaya orang-orang Islam dimasukkan agama di dalam ICnya. Ini adalah kerana untuk membantu orang bukan Islam juga sebab kita melakukan *raid*. Kita dapat kebenaran katalah pada bulan puasa, makan di khalayak umum tidak boleh. Sekarang ini tidak boleh hendak beza Melayu, Cina, India muka serupa. Kadang-kadang muka India tetapi Melayu, kadang-kadang muka Melayu tapi Cina atau 'Cindian'. Jadi untuk tidak menangkap mereka secara salah dan silap maka sebab itu kita kena minta dalam IC itu diletakkan agama Islam kerana apabila kita tanya kamu tidak puasa fasal apa, dia akan tunjukkan dia bukan Islam. Jadi dalam IC tidak ada.

Jadi kita buat ini bukan kita hendak mendiskriminasikan orang bukan Islam tetapi sebenarnya hendak bantu orang yang bukan Islam jangan sampai diheret berkenaan

dengan satu hukum yang tidak ada kena-mengena dengan mereka. Sebab itu IC perlu ada perkataan Islam. Kemudian.....

**Tuan Chow Kon Yeow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanjong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti saya tidak habis lagi Tanjong. Tidak habis lagi. Kemudian berkenaan dengan mengajak Melayu keluar Islam. Itu tidak boleh berlaku di negara kita, bukan secara emosi, kerana dalam Perlembagaan menyatakan siapa itu Melayu. Melayu dalam Perlembagaan ialah "mereka yang mengamalkan adat-istiadat Melayu, bertutur bahasa Melayu, mereka ini lahir ataupun bapa atau nenek moyang mereka lahir di dalam Persekutuan Tanah Melayu dan beragama Islam."

Jadi Melayu dengan Islam ini tidak boleh dipisahkan. Jadi kalau mengajak Melayu keluar daripada agama itu sudah melanggar Perlembagaan kita. Mesti terlebih dahulu pinda Perlembagaan kalau hendak dicakapkan tentang undang-undanglah. Saya hendak menyatakan di sini bahawa kita menolak ini semua berdasarkan kepada fakta. Sebab itu tidak boleh menggalakkan Melayu keluar daripada Islam kerana Melayu dan Islam itu tidak boleh dipisahkan kerana takrif Melayu itu yang termaktub dalam Perlembagaan memasukkan mesti beragama Islam.

Jadi itulah alasan yang kita tolak, bukan kerana emosi walaupun emosi itu satu faktor yang kuat yang boleh menyebabkan seperti yang disebut pergaduhan kalau sekiranya tidak dibendung. Jadi sebab itu saya berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan perkara ini dan sememangnya kita membuat keputusan untuk menangguhkan IRC ini iaitu *Interfaith Religious Council*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa *bible* dalam bahasa Malaysia tidak dibenarkan. Saya ingin Yang Berhormat Menteri menyatakan sejak bilakah dasar ini mula dikuatkuasakan dan apakah ini bermaksud bahawa kitab *bible* yang berada dalam bahasa Indonesia, saya difahamkan bahawa *bible* dalam bahasa Malaysia ini sebenarnya dalam bahasa Indonesia sebab diterbitkan dan dicetak di Indonesia.

Jadi, dengan dasar yang dikatakan oleh menteri ini, adakah boleh kita menganggap bahawa penerbitan *bible* dalam bahasa Indonesia bahasa Melayu ini boleh dianggap sebagai penerbitan yang haram dan sesiapa yang memegang atau mengguna pakai bible ini yang meluas digunakan oleh penganut Kristian bumiputera di Sabah dan Sarawak ini, boleh dianggap sudah melanggari satu undang-undang di negara ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapannya ya. Kalau mereka membawa masuk ataupun memiliki *bible* dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Indonesia, mereka tidak boleh sebenarnya memiliki dan dasar ini bukan baru, semenjak kita merdeka lagi.

Saya telah sebut kepada Yang Berhormat di dalam Dewan ini, menyatakan iaitu bahawa, di dalam Perlembagaan tidak boleh mengembang agama selain Islam di kalangan bangsa Melayu. Oleh kerana itu, mana-mana buku yang ditafsir di dalam bahasa Melayu, yang bahasa Indonesia pun, sebab itu kita haram buku-buku itu daripada masuk ke Malaysia. Jadi, jawapannya ya. Memang tidak boleh dibenarkan tafsiran *bible* dalam bahasa Indonesia dibawa masuk ke Malaysia. Jawapannya tidak boleh dan ia telah dilaksanakan semenjak kita merdeka lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Dungun dan Sri Gading juga menyarankan supaya elaun-elaun di Parlimen dikaji semula. Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar dibandingkan elaun yang diterima oleh Ahli Parlimen Malaysia dengan negara-negara lain, kerana asas yang digunakan adalah berbeza-beza. Elaun yang dinikmati oleh Ahli-ahli Parlimen kita adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat, kos sara hidup dan kemampuan. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibangkitkan di dalam Dewan dan insya-Allah, kita tidaklah begitu ketat di dalam hal ini. Kalau dilakukan secara komprehensif nanti, mungkin kita boleh pertimbangkan untuk membincangkan perkara ini. Beberapa......

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum, satu soalan sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Elaun satu hal Yang Berhormat. Saya ada bertanya. Pertamanya, saya hendak minta pihak kerajaan menentukan takrif kedudukan Ahli-ahli Dewan Rakyat ini. Tahap mana kedudukan dia

ini? Kategori macam mana dia duduk ini? Kadang-kadang Yang Berhormat, saya berasa sayu, kecil hati, berasa begitu agak terhina apabila dalam satu *function*, kita pergi ke sebuah hotel, ada Ahli-ahli Yang Berhormat kita, empat orang, lima orang naik teksi balik, sedangkan kita tengok orang lain datang, KSU-KSU dengan *driver*, dengan kereta besar-besar, pegawai kiri, kanan pun kereta besar-besar. *[Menunjukkan isyarat tangan kereta besar-besar]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Dato’, apa dia itu? *[Merujuk kepada isyarat tangan yang ditunjukkan]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta maaf, kereta lalu, kereta dok berjalanlah. *[Ketawa]* Jadi, begitu juga di Dewan Rakyat. Saya sudah bercakap dulu. Apabila petang kita turun, datanglah teksi merah putih atau teksi kuning, bawalah Ahli Parlimen kita dan satu teksi naik empat orang. Bahagi empatlah maknanya, *share* seorang berapa ringgit, wallahualam. Jadi, kami merasakan bahawa kami ini sudahlah selalu dikata macam-macam. Ahli Parlimen itulah, wakil rakyat itu, inilah sedangkan kami berkorban untuk rakyat. Memanglah orang tanya, dah teringin masuk jadi wakil rakyat, dok ungkit apa? Bukan ungkit. Tetapi, kita juga hendakkan supaya melihat.... Kita hendak semua ini samalah. Janganlah lihat kami ini sebagai begitu. Walaupun kita ini hamba kepada rakyat, kita berkorban untuk rakyat.

Mungkin pegawai-pegawai yang di dalam Dewan ini tidak pernah, ikutlah kami sekali, bersama dengan kami, melihat macam mana kami buat kerja. Tidak kiralah sama ada pembangkang ataupun daripada pihak kerajaan. Sakit demam tidak usah kiralah. Ini, surat khabar terbentang naik gaji 10%. Macam-macam orang nanti anggap kepada kami. Adakah besar sangat? Depa kata, ha, wakil rakyat sudah dapat gaji besar, kerana itu, kerana ini. Kadang-kadang kami pun tidak berduit. Bukan kata hendak melawak atau bergurau. Kalau tidak ada RM100, RM200 macam di kawasan saya, kalau tidak ada RM300, RM400, saya tidak berani hendak masuk ke dalam kawasan saya. Begitulah juga di kawasan Sabah dan Sarawak. Mungkin enjin bot mereka, duit minyak bot itu pun Yang Berhormat, kita dapati bahawa banyak. Jadi, kita hendaklah....bukan kita hendak lebih, tidak. Bukan kami hendak lebih. Kami pun mengetahui bahawa kami bertanggungjawab di dunia dan akhirat. Tetapi, yang kami hendak.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun, buat apa ?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz**: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Belum.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak boleh *through,* melalui ini, tidak boleh. Dia kena *direct*. Jadi, saya hendak minta supaya kita berpakat. Kadang-kadang saya minta maaf. Pegawai daerah mempunyai kereta, mempunyai tenaga kerja, mempunyai keseluruhan, pemandu dan sebagainya. Kami ini macam mana? Walaupun kami dapat duit elaun pemandu sikit, kami tidak ada satu pejabat yang besar, yang ada itu, ada ini tetapi masalah yang wakil rakyat ada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob**]: Kena tanya Yang Berhormat Menteri ini, Yang Berhormat memberi ucapan. Tanya apa Yang Berhormat hendak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini termasuk Timbalan Speaker sekali. *[Ketawa]*. Dia pun wakil rakyat. Dia bekerja, wakil rakyat juga. Dia balik ke kampung, Timbalan Speaker letak sebelah. Tugas wakil rakyat dia kena buat. Menteri, duduk sini menteri. Dia balik kampung, tugas dia wakil rakyat. Dia kena buat. Dia tidak ada, dia suruh orang dia pergi buat.

Jadi, saya bukanlah hendak merayu, merintih belas kasihan, tidak Datuk. Tetapi, lihatlah kami juga. Kadang-kadang di dalam keceriaan kami ini, penderitaan yang amatlah berat. Di dalam senyuman kami ini, tanggungan kami cukup berat. Di dalam berapi-rapi ucapan kami itu, bergeloranya hati kami tidak terkira. Inilah nasib kami, seorang Ahli Dewan Rakyat, hamba kepada rakyat, insya-Allah.

**Beberapa Ahli:** Whoaa!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita berkhidmat kerana Allah tetapi, di dunia ini, pandanglah kami ini sebagai seorang "hero" yang memperjuangkan bangsa dan agama. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia macam enjin diesel. Susah nak mampus!! Enjin diesel ini. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, minta maaf. Semua perkara-perkara yang ada kaitan dengan Parlimen telah pun dibangkitkan dalam perjumpaan, permukiman *backbenchers* dengan Perdana Menteri . Saya ingin menyatakan iaitu bahawa dalam Jemaah Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun diberi maklum tentang perkara ini dan ianya akan disampaikan kepada Perdana Menteri untuk mendapat persetujuan dan keputusan daripadanya. Sebab itu saya ingat perkara ini kita serahkan kepada Perdana Menteri . Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sri Gading kena bagi, ini "enjin tua" pula ini. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika].*

**Seorang Ahli:** Enjin tua!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz**: *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob**]: Ya Sri Gading, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sampai hati.

**Seorang Ahli:** Enjin tua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Lori lama.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz**: *Sorry, sorry*, melawak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang terasa malu juga kami, naik 10%. Hendak terima, rasa terlalu kecil. Tidak terima, orang rasa takbur, serba salah. Tetapi, saya ingin hendak menyatakan bahawa kami bukan kakitangan kerajaan, naik 5%, naik 10%. Ini anggapan yang salah. Macam juga yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, tanggungan

begitu besar. Macam dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Baram. Hendak pergi kawasan dia, mak tuan......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak tanya lagi, Timbalan Speaker balik kawasan habis berapa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz**: Ya, itulah Timbalan Speaker balik ke Sipitang.

**Seorang Ahli:** Lagi habis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berapa? Tambang itu sahaja. Kena keluar duit sendiri .

Selain daripada pelbagai beban yang lain, tetapi apabila naik 10% ini, bergegar negara ini. Surat khabar muka depan. 'Gaji Ahli Parlimen naik 10%'. Seolah-olah besar sangat. Ini yang kami rasa malu dan segan. Itu sebabnya kami merayu supaya Ahli-ahli Parlimen ini diletakkan di bawah Parlimen sendiri, tidak diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi kami tidak di bawah kakitangan kerajaan yang hendak mengelolakan masalah sara hidup kami. Jadi pindahkan supaya ada satu jawatankuasa yang akan dibentuk untuk mengkaji dan juga menimbangkan perkara-perkara yang benar berlaku. Ini bukan sahaja Ahli Parlimen Barisan Nasional, Pembangkang pun begitu, sama-sama berat, soal mati, hidup dan sebagainya, semua ditanggung oleh pihak kami Yang Berhormat. Jadi, tidak tahu hendak cakap macam mana.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Speaker itu untuk sokonglah. Inilah yang jadi masalah, 'kami luahkan mati bapa, kami telan mati emak'. Jadi di mana kami? Jadi inilah Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat. Yang Berhormat pun faham masalah kami ini, bukan Yang Berhormat tidak faham, Yang Berhormat faham sangat. Berapa lama, sudah berapa penggal? Jadi itulah Yang Berhormat, macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi ke Yang Berhormat?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, banyak lagi Yang Berhormat. banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta dipendekkan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya ada lagi *Select Committee* yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya kalau hendak sambung, kita sambung selepas inilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, teruskan. Ya, saya setuju Yang Berhormat. Sebenarnya masalah Yang Berhormat ini, bukannya masalah macam mana cakap, masalah macam mana hendak berhenti bercakap. *[Ketawa]* Tidak apa Yang Berhormat saya faham, memang saya menghayati Dr. Hayati, saya menghayati perasaan Ahli-ahli Parlimen. Sebab itu benda ini….

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, …..

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Allah, lagi satu pula.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Adakah Yang bersetuju dengan saya......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai……..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Sri Gading ini 'ibarat lori lama, rempuh dia pun teruk, dia rempuh pun teruk'. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa].* Dia hendak rempuh saya pun, saya larilah. Jadi Yang Berhormat, benda ini yang……

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** …..sekejap ya. Saya akan bangkitkan. Perkara ini sebenarnya telah pun dibawa maklum di dalam Jemaah Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa dia akan sampaikan semua ini kepada Perdana Menteri. Jadi itu yang terakhir. Saya rasa untuk Ahli Parlimen kita kena buat berbeza sedikit. Walaupun amalan sebelum ini memang

begitu. Maknanya amalannya kita ikut macam di Amerika Syarikat, di Canada, di Britain, Australia, New Zealand. Kita punya elaun ini di*pack*kan ataupun *benchmark*kan dengan pegawai kerajaan, ya, itu amalan kita. Walhal di Singapura dan Hong Kong, tidak begitu, dia dipackkan ataupun *benchmark* kepada gaji-gaji di swasta kerana di Singapura dan Hong Kong memang susah hendak cari mereka yang berminat untuk menjadi ahli politik.

Tetapi di Malaysia ini, jangan kata kosongkan kerusi, kalau dengar wakil rakyat sakit pun sudah berduyun-duyun sudah tunggu. Jadi kita hendak pinda *[Ketawa]* amalan ini. Jadi sebab itu seperti mana saya jawab sebentar tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan bawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, lebih awal pagi ini Yang Berhormat bagi Santubong pun ada menegaskan mengenai betapa penting kita pastikan bahawa untuk Parlimen bersendiri supaya kita boleh menjaga semua hal ehwal urusan Ahli-ahli Parlimen. Daripada segi ini adakah kerajaan rela untuk menimbang bahawa untuk peruntukan kawasan RM500,000 setahun sekarang khasnya untuk sebahagian besar Ahli-ahli Parlimen sahaja, patutlah dianggap sebagai urusan Parlimen di mana RM500,000 untuk peruntukan pembangunan setiap kawasan, patutlah di bawah *jurisdiction Parliament* dan diberikan kepada semua Ahli Parlimen supaya inilah *expend scope* Ahli-ahli Parlimen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan itu bukan peruntukan Parlimen. Peruntukan itu ialah peruntukan Perdana Menteri. Ini saya hendak jelaskan, bukan peruntukan Parlimen dan Perdana Menteri telah meminta supaya mempercepatkan perbelanjaan itu, dia minta supaya Ahli-ahli Parlimen bantu membelanjakan wang. Sebab itu dia bagi kepada Barisan Nasional, jadi kepada yang bukan Barisan Nasional itu tidak tahulah, sebab sudah lain Parti kan, takut nanti tidak belanja dengan betul. Jadi saya hendak bagi tahu peruntukan, ialah peruntukan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan supaya diadakan perubahan dalam sistem pelantikan Hakim. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan,

Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah termaktub di bawah Perkara 122B(1) Perlembagaan Persekutuan yang telah memperuntukkan iaitu Ketua Hakim dan Hakim-hakim lain, Mahkamah-mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri….

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**……selepas berunding dengan….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading dia hendak apa pula.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap, saya habis ini, boleh. Berunding dengan Majlis Raja-raja. Jadi, prinsip….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading sila duduk. Dia belum bagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ah, ok ok.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga membangkitkan dan minta penjelasan. Kedudukan Setiausaha-setiausaha Parlimen ini, yang ke atas tidak sampai, ke bawah tidak jejak. Tidak ada penghormatan kepada Setiausaha-setiausaha Parlimen sebab saya mencadangkan supaya jawatan Setiausaha Parlimen ini dihapuskan. Semuanya jadi Timbalan Menteri, tidak apalah ramai Timbalan Menteri satu Menteri, ramai Timbalan Menteri dan khaskanlah, ‘engkau jaga Parlimen’ dia berperanan macam Setiausaha Parlimen sekarang, tetapi jawatannya ialah Timbalan Menteri supaya dia masuk dalam lingkungan Jemaah Menteri. Adalah maruah dia kemudian *Backbencher* macam saya teranglah, jelaslah. Ini sana tidak sampai, sini tidak sampai, kesian dia. Sedangkan dia berjasa sangat dalam pentadbiran kerajaan dalam usaha hendak mempertahankan kerajaan menjawab bagi pihak kerajaan dialah, yang kena balon pun dia, macam-macam dia, tetapi tidak sepadanlah dengan jawatan. Jadi macam mana tentang cadangan itu? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawatan *Parliamentary Secretary* merupakan dengan izin, *integral part of the governing system* di mana-mana negara pun. Sama ada di United Kingdom, Canada, Australia, New Zealand. Memang ada *Parliamentary Secretary*. Dia mempunyai jawatan-jawatan khusus yang harus dilakukan oleh dia. Cuma perbezaan kita di sini, Dato’ Dollah pun dipanggil *Parliament Secretary*. Itu beza. Kalau di UK dia *Clerk of the Parliament* sahaja, tetapi di sini takkan kita hendak panggil kerani Parlimen. Sebab itu kita panggil dia *Secretary Parliament*. Jadi ada *confusion* di sini. Tetapi sebenarnya *Parliamentary Secretary* memang ada tugas-tugas, tanggungjawab yang khusus iaitu menjadi perantaraan di antara kementerian dengan Parlimen untuk memastikan supaya semua kerja kementerian itu diperbereskan dan dipastikan tidak berbangkit, ada apa-apa kecuaian ke, ataupun apa-apa yang tertinggal dalam hubungan di antara kementerian itu dengan Dewan Rakyat dan Dewan negara. Oleh sebab itu saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak menghapuskan jawatan ini adalah tidak boleh diterima kerana dia sudah pun merupakan sebahagian daripada pentadbiran kita dan memang ada jawatan khusus, tanggungjawab khusus kepada mereka yang menjawat jawatan ini. Tuan Yang di-Pertua,….

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan. Sedikit sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ok, bagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, telah banyak kita bincang tentang urusan Parlimen, dan kami tahu Peraturan Mesyuarat kita ini telah pun *out dated*. Jadi, macam semalam kita terpaksa bermesyuarat sehingga larut malam dan pagi ini sambung lagi dan Yang Berhormat Menteri telah pun berkata sejak tahun lepas bahawa *standing order* kita ini akan dipinda. Jadi bilakah ini dibuat kerana sudah satu tahun sudah *over*. Adakah ahli-ahli dari parti Pembangkang ini juga dijemput untuk membincangkan macam mana kita mengubahsuaikan Peraturan Mesyuarat kita.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju iaitu bahawa waktu *standing order* ini dibuat pada ketika itu kita ada 104 Ahli Parlimen sekarang sudah jadi 219. Dahulu ada dalam lingkungan 16 Kementerian, sekarang sudah 28, dahulu bajet milion sahaja, sekarang bilion. Jadi memang saya setuju

bahawa kita mesti ada pertukaran baru terhadap *standing order* ini dan saya telah pun minta kepada pihak *Backbenchers Club* dan juga saya telah memberi nota secara tidak rasmi kepada parti-parti berkenaan untuk mereka memikirkan tentang apa-apa pembaharuan yang perlu dilakukan, kemudian saya akan cuba untuk mengadakan mesyuarat, yang mana saya sendiri tidak terlibat dalam Jawatankuasa *Privileges* dan *House Committee,* kalau tidak silap saya untuk bincang ini. *Standing Order Committee* ada. *Standing Order Committee* saya tidak menjadi ahli tetapi saya akan cuba untuk mengadakan perjumpaan *Standing Order Committee* ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berapa minit lagi hendak habiskan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Lagi 10 muka surat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh Yang Berhormat habiskan, *compact*kanlah jawapan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, *compact*kan. Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sambunglah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri, sila sambung jawapan.

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan dengan soal kehakiman ini, saya juga ingin membuat penjelasan sedikit memandangkan saya membaca laporan akhbar yang berleluasa yang melaporkan berkenaan dengan kenaikan elaun MP. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak meminta kenaikan ini. Apa yang dilakukan ialah secara *consequential* terhadap pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, di mana dalam ucapan bajetnya

telah menyatakan bahawa ada dipersetujui kenaikan 5% yang diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Jadi, *consequential*nya ialah apabila pegawai kerajaan itu dinaikkan, maka gaji yang lain-lain juga difikirkan untuk dinaikkan bersama. Ini dilakukan tanpa rundingan dengan Ahli-ahli Parlimen sebagai penjelasan iaitu bahawa Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kata apa-apa pun mesti dibincangkan bersama terlebih dahulu di dalam *House Committee* tetapi kenaikan gaji ini ialah *consequential* kepada kenaikan 5% yang diberikan kepada pegawai kerajaan. Saya hendak pertahankan Ahli-ahli Parlimen kerana tidak berlaku di mana mereka meminta kenaikan elaun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Prinsip 10 ini berkaitan dengan kehakiman sebentar tadi. Ada yang kita ikut iaitu Prinsip 10 kepada prinsip asas kebebasan kehakiman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan izin, dalam bahasa Inggerisnya, "*the basic principles of the dependence of the judiciary*" yang mana telah menggariskan beberapa prinsip berhubung dengan teras amalan pelantikan hakim-hakim sebagai panduan.

Dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris, Prinsip 10 ini menyatakan,"*Person selected for judicial office shall be individuals of integrity and ability with appropriate training or qualifications in law. Any method of judicial selection shall safe guard against appointments for improper motives. In the selection of judges, there should be no discrimination against a person on the ground of race, colors, sex, religion, political or other opinion, national or social origin, property, birth of status except that requirement that a candidate or judicial office must be a national of the country concern and shall not be considered discriminatory.*"

Di Malaysia, pelantikan hakim-hakim telah dibuat berasaskan kepada prinsip-prinsip yang telah dinyatakan di atas. Di samping itu latar belakang dan kehidupan peribadi seseorang juga turut menjadi faktor yang diambil kira. Adalah amat jelas bahawa sistem pelantikan hakim-hakim yang telah sedia ada semenjak dahulu adalah amat sesuai dan berkesan di negara ini. Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang perubahan kepada sistem tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh mempertahankan sistem pelantikan sedia ada yang menyebabkan satu krisis keruntuhan keyakinan terhadap sistem kehakiman dan tidak boleh dinafikan. Apa yang kita cadang dan ada juga dicadangkan oleh *Bar Council* dan semua pertubuhan yang berminat, yang prihatin mengenai *independence or the juridical in the rule of law* ialah bahawa adalah satu proses *vetting*, satu proses terbuka, *transparent* dan *accountable* di mana kriteria-kriteria tertentu dengan jelas dan terbuka ditepati dan adalah satu badan yang diwakili oleh anggota-anggota kehakiman, anggota-anggota peguam dan juga *laypersons* di mana mereka *vet* mereka yang layak, *shortlist* mereka yang layak dan keputusan yang terakhir ialah apa yang termaktub dalam Perlembagaan tiada pindaan mengenai keputusan terakhir.

Ini juga reformasi mengenai pelantikan kehakiman ini adalah apa yang dibuat di negara-negara maju di mana *rule of law* dan keluhuran undang-undang tidak ada dipertikaikan. Negara-negara Kanada, New Zealand, Australia atau di mana-mana pun, kerana ini adalah satu sistem perubahan reformasi. Kenapa kita tidak rela untuk memikir supaya institusi-institusi semacam ini diperbaiki supaya institusi kehakiman adalah unggul dan supaya kita boleh mewujudkan keunggulan bangsa Malaysia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada membuat satu percubaan untuk mengadakan panel seperti yang telah dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi tetapi kita telah mendapat bantahan yang kuat juga daripada pihak hakim. Sebagai contoh, ada cadangan iaitu bahawa satu panel yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan diwakili oleh satu daripada pihak *judiciary*, satu daripada AG dan juga daripada *Bar Council Members*.

Jadi, ada bantahan yang menyatakan bahawa ini berlaku *conflict of interest* kerana kalau Majlis Peguam itu mempunyai wakil, maka ini bermakna bahawa hakim terpaksa tunduk kepada peguam-peguam ini kerana *elevation*, dengan izin, mereka sebagai hakim itu banyak bergantung juga daripada *feedback* yang diberikan oleh peguam dan peguam-peguam ini akan berhadapan dengan mereka sekiranya kes berbangkit. Jadi mereka protes, mereka tidak mahu. Mereka juga tidak mahu peguam bela duduk di situ kerana dianggapkan bahawa peguam bela ataupun wakil dia juga satu hari nanti akan berdiri dan *prosecute* di hadapan mereka.

Jadi, apabila mereka tahu ini, *they have to be on the best behavior*. Takut nanti dapat laporan bahawa dia adalah orang yang tidak layak jadi hakim. Mereka juga tidak mahu Ketua Setiausaha Negara kerana mereka merasakan ini meletakkan *judiciary* di bawah eksekutif, dari segi prestijnya kurang kerana dilantik oleh satu panel yang mana pengerusinya itu ketua setiausaha. Mereka mahu lebih baiklah bagi kepada Perdana Menteri kerana ini menunjukkan ada prestij, Perdana Menteri yang lantik mereka.

Jadi, sebab itu banyak sebenarnya *argument* kita cuba tetapi bantahan yang kita dapat daripada pihak hakim juga berkenaan dengan soal kata kalau *layman* ke atau apa ke, kalau mereka jadi wakil, mereka ini satu hari nanti mungkin juga akan *appear*, dengan izin, *before the judges*. Jadi, *there is a conflict of interest*. Jadi, sebenarnya ada percubaan tetapi bantahan kita terima daripada pihak hakim dan dalam hal yang demikian mereka merasakan lebih baiklah kita balik kepada asal iaitu amalan yang sedia ada yang juga merupakan amalan di United Kingdom, Australia, Brazil dan juga di mana-mana.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebenarnya kita pun cadang bahawa pinda Perlembagaan supaya kuasa dalam tangan Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong dipinda, tidak. Itu *final* kuasa masih ada tetapi sebelum itu ada satu *screening process* yang ada dalam UK, Australia, New Zealand dan Kanada. Kenapa ini boleh dibuat di negara-negara ini tanpa *objection* bahawa ini akan menjejaskan kebebasan keutuhan hakim-hakim tetapi di negara ini diterima. Adakah kerajaan rela untuk mengadakan mungkin satu *Role Commission and Inquiry* bagaimana kita boleh lebih baik untuk menegakkan *independence of the role of law* dan kehakiman yang sebenarnya bebas, keluhuran undang-undang yang sebenar yang adil supaya input-input diadakan. Bagaimana kita boleh memperbaiki institusi kehakiman ini?. Kita tidak boleh menganggap institusi kehakiman sedia ada itu baik. Kalau baik tidak berlaku krisis kehakiman yang begitu teruk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalnya kita ada sekalipun panel yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu perkara-perkara yang boleh menyebabkan orang yakin kepada hakim itu bergantung kepada tindakan hakim itu sendiri. Kalau melalui *screening* sekalipun dia lepas tetapi akhirnya kalau dia tidak bertindak sebagai seorang hakim yang adil maka akan berlaku krisis juga. Saya

mungkin di sini Yang Berhormat, di negara-negara lain mungkin saya tidak tahu masyarakat itu sudah berbeza dengan kita. Mungkin mereka sudah maju dan tidak berlaku mungkin *vindictiveness* yang diamalkan oleh ahli panel tetapi di negara kita ini masih lagi kita lihat bahawa banyak perkara yang dibangkitkan banyak *vindictiveness*

Mungkin kita belum yakin lagi bahawa seseorang itu boleh bertindak bebas dalam keputusan yang dia buat dan tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara faktor-faktor luar. Sebab itu saya rasa di peringkat ini sebenarnya hakim-hakim juga yang membantah kerana mereka tidak mahu masa hadapan mereka itu ditentukan oleh pihak-pihak yang mereka tidak yakini. Sebab itu kalau orang yang hendak dilantik ataupun golongan yang terlibat dengan kehakiman itu sendiri tidak yakin, saya rasa kita tidak perlu buat sekarang. Kita telah cuba dan kita sebenarnya mendapat bantahan khusus mengenai *the conflict of interest* dalam soal yang sebutkan sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai perkara ini bukankah ini kita hilang satu peluang yang baik untuk memperbaiki sistem kehakiman kita. Oleh kerana ada banyak kelemahan-kelemahan macam sekarang apabila ada kompelin terhadap hakim-hakim tidak sampai perlu ambil satu tribunal hakim untuk pecat mereka. Tetapi mengenai kecuaian atau tingkah laku di negara-negara ada *judicial* tribunal di mana ada mekanisme untuk menerima, mengadili dan membuat keputusan mengenai kompelin-kompelin orang ramai terhadap hakim-hakim yang mana terdiri dari hakim-hakim sendiri tetapi ada mekanisme, di Malaysia tidak ada. Kita ada *judicial codet of ethics* tahun 1994 tetapi Ketua Hakim sendiri melanggar *court of atics* ini. Baru-baru ini kita dengar bahawa *group ethics* akan dipinda diubahsuai tetapi untuk tiga tahun tidak dengar apa-apa sebab itu kita perlu prinsip *judicial accountibility* tidak pakai di negara kita. Saya percaya hakim-hakim pun menerima prinsip *judicial accountability,* mereka tidak *immune* daripada *accountability.* Sebab itu perlulah kita ada reformasi kehakiman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat sendiri seorang Peguam maka Yang Berhormat tahu bahawa *judges cannot be tried by others they only be tried by others. They can only bena tried by the fears.* Kalau apa-apa masalah sendiri di kalangan itu kita kena serah balik kepada *judiciary* kerana hanya mereka

sahaja boleh menentukan tentang masalah yang dihadapi ataupun ada kompelin daripada masyarakat maka itu terpulang kepada *judiciary* untuk mengambil tindakan mereka sendiri kerana *judges can only be tried by their fears.* Ini amalan yang bukan sahaja kita amal di sini tetapi amalan juga di United Kingdom, Australia dan lain-lain lagi.

Soalnya di sini pepatah Melayu ada berkata "kalau kita marah kepada nyamuk jangan bakar kelambu". Kelambu itu sistem, kalau ada kesilapan yang dilakukan oleh hakim-hakim individu jangan kerana tindakan mereka itu menyebabkan kita buang sistem yang sudah ada. Kita perbetulkan individu-individu tertentu itu. Saya rasa itulah yang kita amalkan dan saya harap supaya kita janganlah membakar kelambu semata-mata kerana nyamuk sahaja. Sila Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat ........Saya menyokong penuh pandangan Yang Berhormat Ipoh Timor mengenai perlu satu panel untuk penapisan. Ini bukan satu perkara unik. Mungkin yang bukan peguam-peguam tidak faham, ini adalah yang terpakai di seluruh *Commonwealth* tetapi baru-baru Yang Berhormat Menteri ada beberapa pandangan yang telah dikeluarkan oleh *Bar Council* yang mengatakan bahawa beberapa pelantikan yang mungkin jadi tidak berapa lama lagi adalah di kalangan orang-orang yang bertugas di *judicial* dan legal *service* dan adalah berkaitan dengan orang-orang yang sangat senior tetapi tidak ada merit-merit yang tertentu. Yang mustahak adalah kalau kita ada satu panel untuk menapis apakah standard mereka baru kita tahu *accauntibility* dan *transparent.* Bukankah perkara ini patut diterima pakai yang lebih baik daripada sistem yang sedia ada.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya fahamlah Ipoh Barat tidak ada pilihan, dia kena sokong apa yang Ipoh Timor cakap. Sebab itu ketua dia. Dia tidak ada pilihan, itu demokrasi dalam DAP lah. Saya tahu, saya tahu, jadi memang tidak ada pilihan dia kena sokong apa pun walaupun apa yang saya cakap tadi adalah betul. Tuan Yang di-Pertua, ......

**Tuan M. Kula Segaran:** *Because*, dengan izin saya pernah bahas perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri. Mungkin sudah sedikit lama. Saya bahas mengenai

perkara ini dan Yang Berhormat Menteri pun ada jawab seperti yang sekarang juga tidak ada ubah tanpa pertolongan Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita konsisten.

**Tuan M. Kula Segaran:** Bukan konsisten setakat yang tidak ubah. *No revolution no reformasi* tidak ada.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita konsisten maknanya bahawa dari sudut pandangan kita apa yang telah ada ini sudah sesuai untuk diamalkan di negara kita. Yang Berhormat tanya kepada saya 40 kali pun maka jawapan saya sama 40 kali juga, tidak berubah. Apa fasal fikir saya hendak berubah pula. Sebab kita yakin dengan apa yang dia ada.

Saya juga hendak memperingatkan iaitu bahawa kita bercakap tentang pelantikan satu kumpulan kita tanyalah kepada dia. Apakah sistem yang dia mahu. Ini yang bercakap kita yang tidak akan jadi hakim. Tanya kepada orang yang mungkin boleh jadi hakim, apakah mereka mahu pandangan Yang Berhormat ini, mereka tidak mahu. Dia hendak supaya iaitu bahawa pelantikan mengikut yang ada.

Saya telah sebut sebenar tadi iaitu kita cuba dengan panel ini. Bantahan kuat yang diberikan oleh pihak-pihak hakim, orang-orang yang hendak dilantik itu. Mereka tidak mahu. Mereka lebih rela supaya pelantikan dibuat secara biasa sekarang ini yang diamalkan pada hari ini.

Sebab itu saya hendak mengatakan bahawa kalau sekalipun panel diwujudkan orang akan mempertikaikan juga ahli panel itu. Kalau kita ambil seorang individu menjadi panel mungkin tuan-tuan tidak bersetuju mengapa lantik dia jadi panel mengapa tidak saya. Tidak habis benda jadi lebih baik supaya kita kekal dengan apa yang ada. Saya konsisten, saya tidak pernah berubah dalam jawapan saya dalam soal ini. Jadi saya harap setakat ini inilah jawapannya dan kita akan teruskan dengan amalan seperti yang kita amalkan selama ini dan juga yang diamalkan oleh negara-negara lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan rasuah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Larut telah mempersoalkan peranan pelan integriti nasional dalam membanteras rasuah. Ditegaskan bahawa usaha kerajaan untuk membanteras jenayah rasuah merupakan

fokus dan tumpuan utama kerajaan. Tekad dan keazaman kerajaan untuk meneruskan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan adalah agenda khusus dan bukan sekadar janji manis atau janji pilihan raya. Komitmen kerajaan untuk meningkatkan integriti dan menghapuskan jenayah rasuah dibuktikan dengan pengenalan PIN dan perwujudan Institut Integriti Malaysia (IIM) yang antara lain turut mensasarkan usaha untuk membanteras rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa secara berkesan.

Masih terlalu awal untuk menilai dan mempersoalkan kejayaan PIN dalam membantu memerangi jenayah rasuah kerana sasaran yang ditetapkan dalam PIN ialah dalam tahun 2008. Untuk mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan seperti yang ditetapkan dalam tekad 2008 memerlukan kajian dan perancangan teliti serta tindakan bersepatu berbagai-bagai pihak termasuklah pihak pembangkang.

Usaha-usaha inilah yang sedang dijalankan oleh IIM. Yang Berhormat Ipoh Timor seharusnya memberi sokongan padu terhadap usaha dan komitmen kerajaan dalam memerangi jenayah rasuah. Pelaksanaan PIN akan berjaya dan lebih cepat dari tempoh yang ditetapkan sekiranya semua pihak termasuk Yang Berhormat Ipoh Timor memberikan sokongan dan tidak asyik menuding jari dan menyalahkan usaha kerajaan sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, nanti saya habis lepas itu baru tanya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak pelancaran PIN dan IIM pada 23 April 2004, dan IIM sendiri mula beroperasi pada bulan Jun 2004, dengan pengisian enam orang pegawai yang dipinjamkan dari beberapa agensi kerajaan, berbagai-bagai usaha telah dijalankan bagi memberi pendedahan awal kepada masyarakat mengenai PIN dan IIM.

Malahan selepas pelancaran PIN dan IIM di Pusat Konvensyen Putrajaya, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara telah menyampaikan taklimat mengenai prinsip dan falsafah PIN. Sehingga kini *road show* masih dilaksanakan bagi memastikan semua

sektor dan lapisan masyarakat mengetahui mengenai fungsi dan peranan IIM dalam melaksana atau memantau PIN dan keazaman kepimpinan negara dalam usaha membudayakan integriti masyarakat Malaysia khususnya bagi menyahut cabaran keempat Wawasan 2020.

Semua kerajaan negeri telah juga diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya melaksanakan modul integriti yang digariskan oleh IIM. Kerajaan yakin masyarakat Malaysia menyokong usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan untuk membanteras jenayah rasuah ini. Usaha-usaha ini sentiasa ditingkatkan merangkumi semua lapisan masyarakat. Kerajaan mahu rakyat Malaysia mempunyai nilai, moral peribadi dan integriti tinggi sekali gus boleh membanteras rasuah. Ini suatu perjuangan semua lapisan rakyat Malaysia termasuk ahli-ahli parti Pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa parti Pembangkang perlulah memberi sokongan yang padu kepada usaha kerajaan untuk membanteras rasuah. Kita memberi sokongan 100%, kalau boleh lebih daripada 100% kepada usaha kerajaan untuk membanteras rasuah. Tetapi mana itu usaha? Kita mahu lihat usaha yang dengan *result* dan bukan sikap *let bygones, be bygones* bahawa *corruption*, *old corruption* tidak apa.

Hari ini kita boleh dapat daripada internet dua peristiwa dengan izin sahaja iaitu, *headline: "Corrupt governor gets 10 years jail in Indonesia's higher profile graft case"*. *The new anticorruption court has jailed the Governor of Acheh for 10 years for improperly enriching himself by more than USD500,00*0 ialah RM2 juta.

Lagi satu cerita *The Indonesian Attorney General Office is probing the management of the country's largest lender*, PT Bank Mandiri *of alleged corruption RP1 trillion - reports business Indonesia*.

Kita mahu tengok *result*, usaha tetapi sampai sekarang sungguhpun pada mula-mulanya ada dua *big fish* tetapi tidak ada apa-apa perkembangan. Bukankah kita perlu tengok dan lihat usaha. Kalau kita meneliti pendirian dan kenyataan yang kerap kali ada dibuat oleh pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri, kita tidak pernah dengar bahawa pendirian banteras - mengadakan satu *zero tolerance for corruption*. Tidak pernah kata *zero tolerance for corruption*. Bukankah ini menunjukkan

bahawa sikap *let bygones, be bygones.* *Old corruption* tidak apa. *New corruption* mungkin tidak boleh.

Kita mahu suatu *benchmark* yang tinggi, *zero tolerance for corruption* kalau kerajaan rela mengadakan *zero tolerance for corruption* sebagai *standard* untuk membanteras rasuah dan diikuti dengan tindakan *result.* Itulah baru kita boleh dapat berkesan dalam usaha ini.

Kita akan beri sokongan *zero tolerance for corruption* tetapi beranikah, ini menjadi *standard* Parlimen, ini *zero tolerance for corruption*, kita luluskan satu usul *zero tolerance for corruption*, relakah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pepatah Melayu kata, inilah masalah dia. 'Kuman seberang laut dia nampak. Gajah di hadapan mata tidak nampak', buta.

Yang Berhormat, jangan membangkit benda-benda yang disebut oleh seorang individu yang tidak merupakan ahli kerajaan. Kita dalam kerajaan tidak pernah mengatakan bahawa kita hendak memberikan *immunity* kepada siapa. Malah orang berkenaan pun telah memberitahu kepada saya bahawa dia tidak pernah cakap tentang *immunity*. Jangan bangkitkan benda-benda yang tidak menjadi suatu perkara yang boleh dikaitkan dengan kerajaan.

Saya hendak mengatakan apa kita takut, *yes, zero tolerance for corruption*, apa hendak takut? Apa hendak takut. *Yes*, lawan. Kita mahu pertolongan dan bantuan daripada semua pihak termasuk Ketua Pembangkang. Marilah kita lawan. Ini bukan main-main. Kita hendak lawan rasuah dan rasuah ini kita hendak kena ingat bahawa pemberi pun juga kita kena pastikan supaya jangan adanya dalam masyarakat kita. Sebab itu kita ada PIN. PIN kita ada IIM untuk melaksanakan PIN. Kita kena bagi pendidikan kepada semua.

Kita tetap akan ambil tindakan terhadap sesiapa yang terlibat dengan rasuah, tidak kira di mana dia berada. Yang ini kita hendak buat, takut apa. Seperti yang kita semua tahu, iaitu kalau ACA, dia ambil tindakan, dakwa di mahkamah - itu pendakwaan, perbicaraan mesti berjalan. Hari ini pun sedang berjalan.

Menteri, bekas menteri pun sedang berjalan perbicaraan dia. Tiga orang EXCO, seorang EXCO Negeri Sembilan telah pun dimasukkan ke dalam jail, di mana dia punya

rayuan telah ditolak. Ini apa benda lagi ini. Kita akan buat, bukan bermakna sudah habis kerja kita. Kita akan terus buat. Dua EXCO daripada Perak dan juga Selangor sedang didakwa. Tunggu sahajalah. Menteri sedang didakwa, sabarlah. Mana boleh terus siasat, terus salah. Ini sistem apa ini?

Kita ada sistem perbicaraan, *no person is guilty until proven*. Itu kita kena pegang daripada segi prinsip undang-undang kita. Kita kena amal ini Yang Berhormat. Jangan setakat bercakap sahaja, you peguam tetapi biarlah proses perundangan ini berjalan. Ini yang kita hendak lakukan. Tetapi kalau sekiranya tidak ada yang didapati bersalah, jangan kata pula ada yang bersalah. Takkan hendak tunjuk kita lebih hebat daripada Indonesia. Kita pergi dakwa Zetty – Gabenor Bank Nasional kita, kalau dia sendiri tidak bersalah apa-apa, kerana semata-mata kita hendak tunjuk kepada orang kita lawan rasuah. Itu kerja gila Yang Berhormat, saya hendak beritahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang pertama, saya tidak pernah kata bahawa Khairi Jamaludin ada menggunakan perkataan *immunity*, benar dia tidak menggunakan perkataan *immunity* tetapi maknanya sama bahawa *immunity* diberikan, selepas pilihan raya besar dan keputusan dibuat supaya *don't dig up the past*, *look forward* iaitu maknanya ialah *immunity* diberi kepada *old corruption cases*, ikan yu yang lepas. Itu sangat jelas - tidak boleh lari. Beliau tidak nafikan ada buat kenyataan itu dan sama ada dia ada lebih berkuasa daripada Yang Berhormat Menteri, orang ramai tahulah siapa ada lebih kuasa, lebih berpengaruh.

Tetapi mengenai kes-kes tersebut, tadi saya sebut contoh, kes Menteri Besar Selangor, Khair Toyo, adakah Yang Berhormat Menteri rela, kenapa tidak boleh memberi satu penjelasan mengenai perkara ini. Pagi ini ada rehat, tentu ada cukup masa untuk memberi jawapan mengenai tindakan PPRT diambil di mana, di sana jelas ada *conflict of interest*. Bukti oleh siapa? Oleh Timbalan Menteri Besar masa itu dan ini ada ditulis kepada BPR. BPR sampai sekarang tidak ambil apa-apa tindakan. Adakah Menteri Besar Selangor – Mohd Khir Toyo dapat *immunity?*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, yang hendak bagi *immunity* ini, yang banyak bercakap ini, dia yang bercakap bagi *immunity*. Saya sebagai Menteri, yang mana ACA di bawah agihan saya menjawab di Dewan Rakyat

menyatakan - ini kali ketiga saya hendak beri tahu, yang keempat, tidak ada *immunity* diberikan kepada sesiapa sekali pun dalam soal rasuah ini, saya hendak beritahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak percaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak hendak percaya, yalah. Soal kata macam Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat buat soalan dalam mesyuarat akan datang. Saya tidak boleh hendak jawab terus di sini kerana tidak adil kepada beliau, kalau sekiranya saya memberi sesuatu kenyataan yang saya sendiri pun tidak tahu tentang perkara itu. Bagi saya notis. Bukan kita hendak ketepikan masalah ini. Ini soalan khusus. Yang Berhormat pun baca dalam surat khabar. Kita tunggu, kalau Yang Berhormat mahu buat sebagai satu bentuk soalan dalam Dewan Rakyat akan datang. Kita akan jawab.

Seperti juga macam Fabian Lim, kalau tanya, saya pun susah hendak jawab mengapa Peguam Negara tidak ambil tindakan terhadap orang yang kononnya terlibat. Tetapi sekarang sudah beri tahu, notis kena beri. Jangan jadi macam Parlimen kangaroo - ini tidak boleh. Mesti ada peraturan. Mesti ada peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan meneruskan dengan ......

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mengenai senarai rasuah 2005 oleh *Political and Economic Risk Consultancy* (PERC) yang menyatakan kedudukan Malaysia semakin menurun dimaklumkan, bahawa indeks rasuah yang dikeluarkan oleh PERC itu dibuat berdasarkan persepsi dan andaian dan bukannya berdasarkan realiti dan keadaan sebenar tahap rasuah di negara ini.

Keutamaan kerajaan untuk membanteras rasuah adalah jelas dan dilaksanakan secara bersepadu dan holistik. Tekad dan komitmen kerajaan ini lahir dari hasrat untuk membina masyarakat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelbagai aspek kehidupan.

Yang Berhormat Kepong menyarankan supaya Badan Pencegah Rasuah ditambah bagi meningkatkan keberkesanan pembanterasan rasuah. Sesungguhnya

kerajaan amat menghargai pandangan Yang Berhormat Kepong. Sekiranya semua Ahli Parlimen termasuk pihak Pembangkang dapat bekerjasama dalam semua usaha yang diambil dan tidak asyik mempertikaikan komitmen kerajaan, matlamat untuk menjadikan negara Malaysia yang bersih dari rasuah akan lebih cepat tercapai.

Bagi mempertingkatkan keupayaan BPR, kerajaan pada tahun 2003 telah meluluskan 109 jawatan baru bagi kumpulan pengurusan dan profesional, di samping menambah 9 buah pejabat cawangan baru. Perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dijalankan, bagi menambah keanggotaan bagi kumpulan sokongan.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Kinabatangan, ada ……. *[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Kinabatangan]* supaya BPR menyiasat pegawai-pegawai tinggi Petronas yang hidup mewah. Ditegaskan bahawa hidup mewah dan memiliki harta yang banyak bukanlah satu kesalahan, selagi ia diperolehi melalui sumber yang sah. Andaian dan syak kemungkinan seseorang itu terlibat dengan amalan rasuah semata-mata kerana memiliki rumah bernilai berjuta ringgit dan menyara hidup dengan mewah, belum mencukupi untuk dijadikan asas siasatan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Namun begitu, Yang Berhormat Kinabatangan kalau dapat memberikan maklumat lanjut dan dapat bekerjasama sepenuhnya dengan BPR bagi membolehkan satu tindakan sewajarnya diambil.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang membangkit berkenaan dengan dua perkara iaitu:

- Seksyen 46(A) Akta Profesion Undang-undang 1976, yang melarang peguam-peguam yang kurang daripada tujuh tahun pengamalan atau yang memegang jawatan dalam parti politik dan lain-lain, memegang jawatan dalam Majlis Peguam. Saya kira ini satu pandangan yang baik dan saya juga merasakan bahawa tidak perlu, mana-mana persatuan, sama ada persatuan politik ataupun persatuan apa sekalipunlah mewujudkan satu *dichotomy* di kalangan ahlinya, yang mana kurang daripada tujuh tahun atau enam tahun, tidak boleh memegang jawatan. Walhal mereka secara sahnya berhak untuk menjadi ahli kepada persatuan itu, kalau mereka boleh menjadi ahli,

mengapa pula tidak boleh menjadi pegawai-pegawai di dalam persatuan itu. Ini satu cadangan yang baik untuk mengelak daripada terus berlakunya *dichotomy* di antara peguam-peguam baru dan juga peguam-peguam lama dan saya akan membawakan perkara ini kepada pihak Menteri yang menjaga undang-undang supaya memikirkan untuk tidak meneruskan dengan seksyen ini, dan kita minta supaya Majlis Peguam juga menulis kepada kita, di mana kalau ianya merupakan hasrat daripada pihak peguam itu sendiri tidak mahu diwujudkan peraturan ini. Maka sudah tentu kita akan mengambil tindakan mengikut apa yang dikehendaki oleh mereka.

- Kemudian berkenaan dengan kuorum, ini juga satu cadangan yang baik. Saya bersetuju itu bahawa kuorum 1/5 agak terlalu tidak praktikal di waktu sekarang ini. Yang mana Yang Berhormat sendiri sebut bahawa sudah ada 13,000 ribu lebih ahli dan kalau mahu yang hadir 1/5 yang memerlukan kepada 2,600 orang. Di manakah kita hendak letak mereka ini bermesyuarat, di Bukit Jalil kah, di Stadium Merdeka kah. Oleh kerana itu, saya rasa peruntukan ini sudah pun *outdated*. Saya juga akan membawa perkara ini kepada pihak Menteri yang menjaga undang-undang. Kalau juga seperti sebentar tadi ada permintaan daripada pihak peguam supaya kuorum ini dikurangkan. Saya percaya bahawa kita tidak akan mengambil tindakan yang berbeza daripada apa yang dikehendaki oleh Majlis Peguam.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa ini adalah satu perkara yang sangat serius, mengenai peguam-peguam yang kurang daripada tujuh tahun, yang tidak boleh memainkan satu peranan yang penting di *Bar Council*. Saya difahamkan mengenai kuorum juga, kedua-dua perkara ini saya difahamkan *Bar Council* telah merujuk kepada *AG Chambers* dan Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi, oleh kerana desakan-desakan telah dibuat, tidak ada apa-apa tindakan diambil. Yang Berhormat Menteri pun seorang peguam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Merapu saja, mana ada yang serius.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya rasa ini adalah satu perkara yang penting dan harap satu perkara yang serius, satu tindakan yang tegas diambil dengan seberapa cepat yang boleh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa untuk mempercepatkan tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan, Yang Berhormat boleh membantu kami kalau sekiranya dapat memberikan keputusan yang dibuat oleh Majlis Peguam itu. Sama ada dalam Mesyuarat Jawatankuasa ataupun dalam mesyuarat agung mereka, berikan saya satu *copy* daripada apa keputusan mereka dan insya-Allah saya akan bawa perkara ini dalam Jemaah Menteri.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya janji, saya akan bagi kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, dalam perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu jangka masa yang perlu sebelum pindaan boleh dibuat. Oleh kerana, kita di sini pun sangat khuatir mengenai masa yang diperlukan oleh Jabatan Peguam Negara khasnya. Pindaan kepada asal, akta asal ini di mana dua-dua peruntukan ini sekarang ada dipertikaikan. Di bawah Jabatan Peguam Negara masa itu dan tentulah kita tidak mahu semacam semalam, kita dapati bahawa *Health Care Services* dan *Facilities Act* tidak boleh dikuatkuasakan untuk lapan tahun. Oleh kerana, peraturan-peraturan belum siap daripada Jabatan Peguam Negara.

Perkara ini sangat *urgent* perlu ambil tindakan untuk menangani, bolehkah satu masa diberikan, di mana kerajaan atau Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan bahawa Akta Legal Profesion boleh dipindakan kalau tidak boleh, bolehkah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Ahli-ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau Pembangkang yang bersetuju dalam perkara ini. Bersama-sama memperkenalkan satu *Private Members Bill* untuk meminda Legal Profesion Act, dalam dua-dua perkara ini dengan sokongan kerajaan supaya ia boleh diluluskan selewat-lewatnya pada tahun ini. Bolehkan ini dibuat?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Lain kali Yang Berhormat Ipoh Barat kalau hendak bagi cadangan yang bernas dan baik bagilah, jangan ikut Ketua Pembangkang. Dia tidak boleh nampak you lebih daripada dia.

Hendak bagi jaminan masa, mana saya boleh bagi. Tetapi apa yang saya kata iaitu bahawa ini cadangan yang baik ia memang patut dilakukan. Kita akan buatlah, ini hendak masa, hendak apa, hendak *score point* sahaja ni, sebab *point* Ipoh Barat itu diterima oleh Menteri. Mana boleh dapat seorang, mesti dia hendak dibagi dua. Ini lain kali beritahu pada Ipoh Timor biar dia cakap, dia tidak payahlah benda *is frivolous*. Ini hendak saya bagi jaminan, oh dalam dua minggu. Mana boleh tidak ada orang buat kerja macam itu, tidak ada orang buat kerja macam itu, ya. Bila kita beritahu iaitu bahawa kita terima baik cadangan ini, insya-Allah kita akan buatlah, mana ada jangka-jangka hendak bagi. Betul tidak?

Lain kali Ipoh Barat, beritahu pada Ipoh Timorlah apa cadangan yang bernas yang diberikan oleh Ipoh Barat itu. Ya, okey terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua ……….

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Bintulu membangkit beberapa isu mengenai Anggota-anggota Perkhidmatan Awam, mengenai tindakan tatatertib di kalangan pegawai-pegawai tinggi, ditegaskan bahawa semua Anggota Perkhidmatan Awam tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam Kelakuan Tatatertib 1993 yang sedang berkuat kuasa sekarang.

Jika sekiranya terdapat bukti kukuh terhadap mana-mana pegawai awam telah melanggar atau ingkar peraturan ini, maka pegawai berkenaan akan diambil tindakan tatatertib berdasarkan kaedah atau tatacara untuk mengambil tindakan tatatertib yang telah pun diperuntukkan dengan jelas di bawah peraturan ini. Kaedah atau tatacara seperti mana yang dinyatakan oleh peraturan ini perlu diikuti dengan teliti supaya ianya tidak menimbulkan sebarang masalah undang-undang kepada kerajaan kelak.

Mengenai pertimbangan pelantikan bagi seorang pegawai kanan tinggi kerajaan secara kontrak, dimaklumkan ianya bukan sahaja berasakan kepada merit tetapi juga kesesuaian dan penerimaan perkhidmatan mereka di jawatan-jawatan yang berkenaan. Namun begitu perkhidmatan awam sentiasa mengamalkan sikap terbuka di dalam

menguruskan pengisian-pengisian jawatan-jawatan utama sektor awam berdasarkan faktor-faktor di atas.

Berhubung dengan isu pilih kasih dan kenaikan pangkat, seharusnya keadaan ini tidak berlaku kerana pihak berkuasa yang meluluskan kenaikan pangkat pegawai-pegawai ialah Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKP) dan bukan ketua jabatan. Keanggotaan Lembaga Kenaikan Pangkat dijelaskan di dalam Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Tahun 1996. Dalam peraturan tersebut digariskan kaedah dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dalam melaksanakan sesuatu urusan kenaikan pangkat.

Bagi melaksanakan keadilan dalam urusan kenaikan pangkat, Peraturan 12 – Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah memperuntukkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat boleh mengadakan kaedah penapisan calon dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat. Berdasarkan peruntukan tersebut, kaedah pemilihan calon yang digunakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat bukan semata-mata bergantung kepada penilaian prestasi tahunan tetapi calon juga dinilai melalui kursus, temu duga atau peperiksaan.

Kerajaan mengalu-alukan saranan Yang Berhormat bagi Larut ...... Yang Berhormat Larut *[Memandang kepada Yang Berhormat Larut]* kita mengalu-alukan saranan Yang Berhormat supaya kakitangan awam di barisan hadapan lebih mesra rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan dan keberkesanan kakitangan awam agar berada di barisan hadapan agensi kerajaan. Antaranya termasuk mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) berkaitan usaha-usaha meningkatkan kualiti urusan melalui telefon, perkhidmatan kaunter dan memberi jaminan standard perkhidmatan melalui pelaksanaan Piagam Pelanggan.

Di samping itu, kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Januari 2005 menggalakkan amalan budi bahasa serta penghayatan nilai-nilai murni di tempat kerja dan ketika menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Matlamat utama kempen ini ialah untuk menerap dan memupuk budaya serta ciri-ciri anggota perkhidmatan awam yang

berbudi mulia, beradab, bersopan-santun serta bertoleransi dalam melaksanakan tugas selaras dengan slogan perkhidmatan awam iaitu “Budi Bahasa Budaya Kerja’.

Usaha-usaha mengurangkan karenah birokrasi pula adalah suatu usaha yang berterusan dan usaha-usaha ini dipantau oleh Yang Berhormat Menteri-menteri sendiri melalui Pasukan Petugas Mengurangkan Karenah Birokrasi dan laporan diberikan bagi setiap suku tahun dan seterusnya dibentangkan untuk pemantauan oleh Jemaah Menteri. Pada ketika ini kerajaan merasakan pewujudan Jawatankuasa *Ombudsman* untuk menyelaras *smile administration spiritual* kalau Yang Berhormat bagi Kota Melaka masih belum diperlukan. Pihak kerajaan percaya dan yakin bahawa agensi-agensi seperti Badan Pencegah Rasuah, Unit Pemodenan, Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Biro Pengaduan Awam (BPA) serta jabatan-jabatan lain mempunyai pendekatan masing-masing untuk mewujudkan pelbagai inovasi dalam perkhidmatan awam yang bertujuan untuk mengurangkan karenah birokrasi dan seterusnya mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa.

Setakat ini hasil daripada laporan-laporan tahunan BPA, kerajaan mendapati bahawa BPA telah berjaya menyelesaikan kes-kes aduan orang ramai ke tahap yang tinggi iaitu sehingga mencapai 80 peratus. BPA juga telah berjaya bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk MAMPU untuk memperbaiki proses-proses dan prosedur-prosedur kerja di jabatan yang bertujuan meningkatkan prestasi kerja jabatan dan mengurangkan birokrasi dalam perkhidmatan awam.

Berhubung dengan cadangan kursus dan penambahan pegawai penguat kuasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa bersedia mempertimbangkan permohonan penambahan pegawai penguat kuasa daripada pihak kementerian dan agensi. Contohnya, sebanyak 525 jawatan yang melibatkan penguatkuasaan telah diluluskan kepada Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 11 Mac 2004. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pula telah mengadakan kursus yang dihadiri oleh pegawai penguat kuasa, Jabatan Alam Sekitar dan pegawai penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT). Selain itu, INTAN juga memberikan bantuan latihan kepada pegawai penguat kuasa PBT Negeri Selangor di Sekolah Latihan PBT Selangor.

Akhir sekali saya mahu menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan *Select Committee* di mana beliau ingin tahu iaitu apakah keputusan ini telah dibuat oleh Jemaah Menteri. Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam perbincangan kita di dalam Kabinet, kita ada membincangkan akan keterangan bahawa terdapat cadangan supaya Rang Undang-undang Industri Pembekalan Air dan Rang undang-undang SPAN yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Mac yang akan datang tetapi tidak sempat, hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Pilihan Khas. Cadangan ini adalah wajar supaya semua pihak boleh memberikan pandangan mereka terhadap kedua-dua rang undang-undang itu. Ini adalah keputusan Jemaah Menteri, iaitu sebelum ia dibentangkan dalam mesyuarat Parlimen yang akan datang, ia hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itulah Yang Berhormat Menteri berkenaan .......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya. Sebab itulah Menteri berkenaan telah kembali kepada Jemaah Menteri untuk membuat suatu keputusan supaya ianya tidak perlu dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas di mana pada mesyuarat 16 Mac 2005, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya tidak ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Itulah kedudukannya berkenaan dengan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar hujah-hujah di Dewan dan saya juga melihat *press conference* Yang Berhormat Menteri dalam televisyen. Apa yang tidak menyenangkan hati saya ialah pertamanya, dalam surat khabar dikeluarkan berita "*Can give kick-off – Bulling MP*", jadi seolah-olah mengatakan bahawa Ahli Parlimen telah membuli Timbalan Menteri. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Tampin cukup bijak, cukup kukuh pendiriannya. Tidak ada Ahli Parlimen yang membuli mana-mana Timbalan Menteri dalam persoalan ini.

Jadi kenapa pula dikatakan yang Ahli Parlimen membuli Timbalan Menteri? Kita tidak ada buli. Ada juga saya nampak dalam televisyen mengatakan, "Apakah tubuh WACO ini pun kena *consult* dengan *Select Committee*?" Bukan itu Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita kata, perjanjian itu, keputusan Kabinet yang awal itu dan perjanjian yang ditunjuk kepada kita itu bahawa *Select Committee* perlu ditubuhkan untuk mencari pandangan daripada masyarakat Malaysia keseluruhannya kerana perkara ini melibatkan orang ramai, dan keduanya, ia melibatkan martabat Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen. Jadi menteri datang kali kedua lagi, dan selepas itu dia kata Ahli Parlimen pula yang membuli Timbalan Menteri dia. Ini perkara yang tidak elok sekali – sudahlah Parlimen ini dibuat seperti sebuah agensi atau satu institusi yang *irrelevant* kalau dipandang daripada segi pandangan menteri. Jadi kita kena perbetulkan ini.

Keputusan Kabinet sudah mengatakan untuk ditubuhkan *Select Committee* tetapi kenapa pula Menteri kata "*It's not necessary*" – tidak perlu, kata dia. Semuanya dilaporkan di dalam akhbar, *[Menunjukkan akhbar berkenaan]* semuanya ada diberitakan di sini dalam akhbar bertarikh 9hb Mac. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan lebih lanjut lagi kenapa pula menteri ini, sudahlah dia hendak *overturn* keputusan Kabinet, selepas itu dia hendak sisih pula Parlimen ini daripada persoalan-persoalan yang melibatkan orang ramai, *credibility* Parlimen ini sendiri dan martabat Parlimen ini sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan di sini bahawa saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa saya sendiri telah hadir waktu perbahasan menggulung kementerian yang berkenaan dan saya juga tidak nampaklah bahawa Timbalan Menteri dibuli sebab beliau telah menjawab persoalan dengan baik di mana yang dia boleh. Jadi saya tidak tahu bagaimana pula ada tuduhan bahawa Ahli-ahli Parlimen telah membuli Timbalan Menteri. Itu memang tidak betullah.

Berkenaan dengan menyisihkan Ahli-ahli Parlimen, Jemaah Menteri telah membuat keputusan bahawa menteri berkenaan hendaklah memberikan taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen, dan saya dimaklumkan bahawa pada hari Khamis ini akan diadakan taklimat itu supaya Ahli-ahli Parlimen tidak disisihkan berkenaan dengan perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pada 19 Januari, Yang Berhormat Menteri berkenaan ada membawa kepada Kabinet untuk menubuhkan *Select Committee* mengenai Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air akibat (susulan) daripada perbahasan di Dewan yang mulia ini. Tetapi pada 16 Mac, mengikut Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri yang sama membawa balik kepada Kabinet untuk meminta Kabinet membatalkan keputusan menubuhkan *Parliamentary Select Committee*. Kita mahu tahu akibat (keputusan) itu desakan daripada sesiapa oleh kerana kita tahu pada 19 Januari, cadangan itu adalah atas permintaan Dewan yang mulia ini tetapi pada 19 Mac, keputusan atau permintaan yang diluluskan oleh Kabinet untuk membatalkan keputusan itu atas desakan siapa? Adakah keputusan itu diambil atas desakan syarikat-syarikat air yang menunjukkan bahawa mereka ada pengaruh, ada kuasa yang lebih bukan sahaja daripada Dewan yang mulia ini tetapi juga orang ramai?

Bukankah ini tidak.....demi kepentingan orang ramai,bolehkah Yang Berhormat Menteri dalam Kabinet hari esok, bawa balik kepada Kabinet bahawa desakan Dewan yang mulia ini supaya *Parliamentary Select Committee* diteruskan dan kita diberitahu bahawa dua rang undang-undang ini akan dikemukakan dalam Dewan sesi ini. Adakah ini diteruskan dan kalau begitu kenapa sampai sekarang rang undang-undang ini belum di bentang dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana tidak lama lagi dan kita perlu masa untuk kaji, rujuk, dapat *feedback* dan pada hari Khamis itu *briefing*. Adakah ini untuk semua Ahli-ahli Parlimen? Atau untuk sebahagian Ahli-ahli Parlimen sahaja?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 19.01.2005 iaitu sehari selepas kita mengadakan sesi Parlimen untuk meminda rang undang-undang, sememangnya kita telah membincang perkara yang

telah berbangkit dalam Dewan Rakyat. Maka sebab itulah pada 19 haribulan kita telah bersetuju supaya kita mewujudkan *select committee* ini.

Tetapi pada pembukaan Dewan Rakyat pada 22.03.05 Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah pun bertitah dan dalam titah ucapan baginda telah dinyatakan iaitu bahawa baginda mahu melihat supaya masalah ini selesai sebelum hujung tahun. Jadi ini bermakna bahawa kita terpaksa untuk mempercepatkan rang undang-undang ini di mana kalau kita mempertimbangkan permintaan daripada *backbenchers* iaitu bagi kurang-kurang 6 bulan. Kalau ini sudah bulan 4 (April), 6 bulan maknanya bulan 10 (Oktober). Bulan 10 (Oktober) bermakna kalau kita hendak duduk balik, hendak *draf* balik undang-undang itu, maka tahun depan akan di bentang rang undang-undang ini.

Bermakna bahawa kita tidak dapat untuk hendak menunaikan kehendak Baginda di mana perkara ini hendak diselesaikan sebelum hujung tahun. Jadi mengambil kira pandangan daripada Baginda di dalam titah ucapannya, maka oleh kerana itulah Jemaah Menteri merasakan bahawa kita kena percepatkan. Jadi tidak ada kaitan dengan paksaan daripada syarikat-syarikat besar supaya tidak diwujudkan *select committee* ini. Tujuannya ialah untuk kita menyesuaikan dengan titah ucapan Baginda yang mahu perkara ini diselesaikan hujung tahun ini.

Berkenaan dengan mengapa rang undang-undang, yang keduanya rang undang-undang itu sudah sedia ada. Sudah sedia ada dan hendak dibuatkan *first reading.* Tetapi saya telah menyatakan di sini iaitu perlu untuk kita memberi maklumat kepada semua Ahli Parlimen, bukan Barisan Nasional, semua ahli Parlimen tentang rang undang-undang ini sebelum hendak dibawakan, untuk di bentang bagi bacaan pertama.

Sebab itulah, menteri berkenaan minta supaya diberikan taklimat kepada semua Ahli Parlimen pada hari Khamis. Jadi apabila telah diberi taklimat barulah kita bentang untuk bacaan pertama. Kalau tidak, ini sekali lagi menunjukkan kita menyisihkan Ahli Parlimen. Jadi oleh kerana itulah sebagaimana Ipoh Timor bertanya sebentar tadi, adakah rang undang-undang sudah sedia ada? Ya, sudah ada tetapi ia perlu ditaklimatkan terlebih dahulu kepada Ahli Parlimen barulah kita bawa kepada bacaan pertama. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah….

**Tuan Lim Kit Siang** ***:*** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Tanya lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahawa oleh kerana kemahuan Baginda itu *timetable* yang ada ditetapkan, saya rasa sangat kesal bahawa itulah menjadi penjelasan oleh kerana ini tidak ada apa-apa *personnel*. Oleh kerana, kemahuan Baginda ucapan *royal of the rest* ialah dasar kerajaan. Itulah, kita tidak ada *personnel* dan dasar kerajaan sebenarnya mengikut hasrat khasnya Ahli-ahli Parlimen di sini. Kalau ahli-ahli Parlimen buat keputusan bahawa untuk kepentingan orang ramai perlu sedikit masa.

Inilah bukan kita tidak hormat Tuan Yang di-Pertuan Agong, jangan hendak menggunakan kemahuan Baginda apabila itu dasar kerajaan dan bukankah masa itu apabila satu keputusan dibuat oleh Kabinet pada 19 Januari masa itu *time frame, time line* ialah bahawa apabila *Parliamentary Select Committee* ditubuh pada sesi ini ada 6 bulan untuk siapkan kerja itu supaya rang undang-undang ini boleh diluluskan akhir tahun. Itu pun *time line*, kenapa kita tidak boleh ikut *time line* itu.

Supaya ada satu *Parliamentary Select Committee* satu proses lebih *consultative* semua *stake holder* yang berminat boleh ambil bahagian dalam satu perkara yang sangat penting mengenai penswastaan atau *federalization* air di negara kita.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengguna alasan... titah ucapan Yang di-Pertuan Agong sebagai alasan tetapi hakikat sebenarnya itulah yang terkandung dalam ucapan itu. Dan sebab itulah kita di Malaysia kita kata "titah ucapan", titah ini maknanya kita kena ikutlah. Itu fahaman titah, jadi jangan hendak mengatakan bahawa kita menggunakan alasan Yang di-Pertuan Agong sebagai alasan untuk mempercepatkan perkara ini.

Yang keduanya, masalah ini masalah sudah lama, masalah sudah lama air ini. Di mana-mana pun kita dengar iaitu bahawa air merupakan masalah bukan sahaja di Wilayah tetapi di seluruh...menyeluruh di negara kita. Oleh kerana itu, kita merasakan ianya begitu *urgent*, begitu *urgent* perlu kita mengambil tindakan untuk mempercepatkannya daripada kita terpaksa menunda 6 bulan lagi. Mengapa perlu kita menyeksa rakyat selama 6 bulan lagi kalau sekiranya apa yang kita hendak buat itu telah pun ada dalam rang undang-undang?

Kita sebagai kerajaan yang mementingkan kepada kepentingan rakyat seharusnya mengambil tindakan cepat untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh

rakyat. Sebab itu kita ikut, kehendak daripada rakyat mempercepatkan....betapa susahnya mereka sekarang ini di bawah kerana tidak boleh mendapat air yang bersih. Dan bagi kita orang Islam air itu cukup penting, kerana hendak ambil air sembahyang pun disebut air sembahyang bukan ambil tanah sembahyang, air sembahyang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Air itu cukup penting. Sebab itulah Jemaah Menteri daripada kerajaan yang mementingkan kepentingan rakyat meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-galanya, maka oleh kerana itulah kita mempercepatkan proses ini supaya rang undang-undang itu boleh dibaca pada sesi ini juga, dan kalau masa mengizinkan kalau boleh, kita hendak juga buat bacaan kali kedua pada sesi ini juga, kalau boleh. Itulah jawapan saya kepada soalan ini dan saya ucapkan…..

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Ini benda apa lagi?

**Tuan M. Kula Segaran :** Mengenai…..

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Hendak curi *point* Ipoh Timor pula? Lawan tokeh tu, janganlah*.* *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan M. Kula Segaran :** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cepat.

**Tuan M. Kula Segaran :** Mengenai ini apa itu, *briefing* pada hari Khamis ini. Siapa yang akan membuat *briefing* tersebut dan yang lebih mustahak adalah mengenai ciri-ciri atau perkara-perkara yang akan dibuat dalam *briefing* tersebut kerana sehingga hari ini rang undang-undang itu tidak diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Bilakah rang undang-undang itu akan diberi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Tuan Yang di-Pertua, sudah berapa lama jadi Ahli Parlimen ni? Mana boleh bagi rang undang-undang sebelum kita buat bacaan pertama. Notis yang pertama kita akan terima apabila bacaan pertama. Jadi tunggulah, ya? Dan saya jamin iaitu yang akan memberi taklimat nanti ialah menteri sendiri, pada ketika itu tanyalah Yang Berhormat. Tanyalah kepada dia tentang

perkara ini dan ianya merupakan taklimat kepada semua Ahli Parlimen bukan kepada Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak-banyak.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Itu sajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :** Yang sempat saya jawab dan mana .... *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan :** Minta maaflah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sahabat Bernam, pasal dia sahabat Bernam dipanggil.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan ini nampak agak lewat sedikit tetapi saya anggap amat penting. Ini berkaitan dengan pengisian kekosongan jawatan. Saya hendak ambil satulah. Nampaknya macam polis. Kita diberitahu jawatan polis ini tidak pernah.... maknanya lengkap ataupun maknanya tidak pernah ada aduan di mana cukup anggota. Sekarang ini kita telah diberitahu bahawa lebih 20,000 kekosongan jawatan polis dan kita tahu bahawa jawatan ini sangat penting untuk memantapkan keselamatan dan seumpamanya.

Saya nampak di sini selalunya yang jadi mangsa ialah JPA. Kalau boleh saya ingin bertanya, sebenarnya tempoh pengisian jawatan ini berapa lama? Supaya nanti jawatan-jawatan yang kritikal ini dapat diisi dan meningkatkan perkhidmatan kerajaan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, siapa hendak terima bekerja kalau hendak kena maki dengan Pembangkang? Sebab itu

banyak kosong dalam polis – 20 ribu tidak dapat hendak diisi. *[Ketawa]* Jadi masalahnya kita boleh menyediakan 100 ribu atau 200 ribu jawatan kosong, tetapi orang yang hendak mengisinya tidak hendak, dia tidak mahu jadi polis, hendak buat macam mana? Jadi inilah masalah yang kita hadapi sebab di Malaysia ini bekerja sebagai polis bukan merupakan satu jawatan yang diminta-minta, kerana mereka lebih suka bebas dan di luar mereka boleh mendapat gaji ataupun pendapatan yang lebih lumayan. Mereka tidak mahu, mendapat gaji tidak seberapa, kemudian dimaki hamun oleh Pembangkang. Sebab itu jawatan itu kosong.

Jadi sebab itulah saya rasa memang betul Yang Berhormat sebut, kekosongan itu tidak dapat diisikan, disabitkan oleh kerana orang yang hendak berpotensi itu tidak mahu bekerja.

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya hendak habis dan saya tidak mahu dituduh sebagai 'enjin tua' macam Jerai dengan.... susah hendak berhenti. Saya hendak berhenti sebab sudah 3.30, maknanya sudah satu jam. Terima kasih Yang Berhormat, apa-apa perkara yang hendak dibangkit, tolong tulis kepada saya dan kita akan bagikan jawapan yang ditulis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri*...[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian, yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, hendak betulkan sedikit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun itu dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PERTUKARAN WANG (PINDAAN) 2005

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**3.23 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dasar Kawalan Pertukaran Wang Asing di Malaysia adalah bertujuan untuk memantau aliran pembayaran dan penerimaan dana serta menggalakkan penggunaan sumber kewangan negara untuk tujuan-tujuan yang akan membawa manfaat kepada Malaysia.

Bagi memastikan Bank Negara Malaysia dapat melaksanakan tugas, pengawalseliaan dasar kawalan pertukaran asing di negara ini dengan lebih berkesan, pindaan-pindaan ke atas Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (Akta 17) perlu dibuat bagi tujuan-tujuan berikut;

(i) untuk mengukuhkan peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan dan penyiasatan;

(ii) untuk mencegah ketidakpatuhan terhadap akta ini dengan meningkatkan amaun kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta ini serta meningkatkan hukuman bagi kesalahan di bawah peruntukan yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan mata wang asing haram; dan

(iii) untuk memantau dengan lebih berkesan pengaliran dana luar jangkaan (*contingent flow*) dari Malaysia dengan memasukkan peruntukan baru mengenai *guarantee*.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 adalah digubal bagi membolehkan Bank Negara Malaysia mencapai tujuan-tujuan yang disebutkan tadi. Pada asasnya pindaan undang-undang ini akan meluaskan bidang kuasa akta bagi merangkumi kesalahan mengenai pengiklanan aktiviti-aktiviti perniagaan mata wang asing haram dan pengawalseliaan *guarantee*. Sebagaimana yang diketahui, kini aktiviti perniagaan mata wang asing haram semakin bertambah dan mengakibatkan ramai orang awam yang terpedaya dengan aktiviti sedemikian, kehilangan wang mereka. Aktiviti ini juga bukan aktiviti yang bermanfaat kepada ekonomi negara. Salah satu langkah pencegahan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia adalah dengan menghalang aktiviti pengiklanan, aktiviti-aktiviti haram tersebut serta meningkatkan hukuman bagi peruntukan yang berkaitan dengan aktiviti tersebut.

Peruntukan *guarantee* pula dimasukkan bagi mengawal pengaliran dana luar jangkaan dari Malaysia. Ini boleh membantu Bank Negara Malaysia membuat pengiraan jangkaan pengaliran dana luar jangkaan dengan lebih berkesan. Tindakan segera perlu diambil melalui pindaan undang-undang ini untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan asal akta ini bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang. Dalam hal ini, saya memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005.

Rang Undang-undang ini mengandungi lima fasal untuk membolehkan penguatkuasaan undang-undang yang dicadangkan terutamanya berkaitan kesalahan pengendalian atau penyertaan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan mata wang asing secara haram di Malaysia agar ia dapat dikawal selia dengan lebih berkesan. Secara terperinci, fasal-fasal yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang Akta Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut;

(a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasaan akta yang dicadangkan;

(b) Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 4(1) Akta bagi melarang seseorang di dalam Malaysia daripada melakukan apa-apa perbuatan persediaan untuk membeli, meminjam, menjual atau memberi pinjaman apa-apa emas atau mata wang asing

kecuali dengan kebenaran pengawal pertukaran wang asing atau jika ia merupakan seorang peniaga yang diberi kuasa berikutan daripada pindaan kepada Seksyen 4(1) Akta 17. Pindaan berbangkit juga dibuat ke atas Seksyen 4(3) Akta 17. Ini adalah untuk mencegah aktiviti-aktiviti perniagaan mata wang asing haram yang memperdayakan orang awam;

(c) Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A dalam Akta 17 bagi melarang seseorang daripada mengiklankan aktiviti pembelian, pinjaman, penjualan ataupun pemberian pinjaman apa-apa emas atau mata wang asing kecuali dengan kebenaran pengawal atau jika ia merupakan seorang peniaga mata wang yang diberi kuasa. Peruntukan ini juga bertujuan untuk mencegah aktiviti perniagaan mata wang asing haram serta sebagai langkah untuk melindungi orang awam daripada dipengaruhi untuk menyertai aktiviti sedemikian;

(d) Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A dalam Akta 17 bagi mengawal pemberian atau pemerolehan *guarantee*. Dengan pengenalan seksyen baru ini, Bank Negara Malaysia boleh mengurus bayaran luar jangkaan dari Malaysia dengan lebih berkesan. Ia juga dapat mengurangkan kemungkinan *guarantee* digunakan untuk aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram;

(e) Fasal 5 bertujuan untuk mengukuhkan peruntukan penguatkuasaan yang sedia ada dengan membuat pindaan ke atas Jadual Kelima Akta 17 seperti berikut;

(i) meminda subperenggan 1(3) dengan memasukkan perkataan, "*for the purpose of any pending proceedings*" di akhir subperenggan tersebut. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pegawai penyiasat mendapatkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah Akta 17 daripada peguam dan proses penyiasatan.

Dengan pindaan ini, peruntukan mengenai komunikasi terlindung yang dahulunya mutlak akan hanya terpakai sekiranya terdapat prosiding yang masih berterusan;

(ii) meminda subperenggan 2(1) untuk membolehkan seseorang majistret mengeluarkan waran geledah kepada pegawai Bank Negara Malaysia yang dilantik di bawah Seksyen 3(2) Akta 17. Pada masa ini, waran geledah hanya boleh dikeluarkan kepada pegawai polis. Dengan membolehkan waran geledah dikeluarkan kepada pegawai Bank Negara Malaysia, tempoh penyiasatan dapat dipercepatkan dan kemungkinan pendedahan maklumat mengenai penyiasatan tersebut dapat dikurangkan;

(iii) meminda subperenggan 3(1) untuk menaikkan tempoh pemegangan apa-apa barang yang disita di bawah Akta 17 daripada tiga bulan kepada 12 bulan.

Tempoh pegangan atau simpanan apa-apa barang yang disita ini perlu dinaikkan kerana tempoh 3 bulan adalah terlalu singkat untuk menyelesaikan sesuatu penyiasatan.

Keempat, meminda perenggan 7 dengan memasukkan subperenggan baru (2A) untuk memperuntukkan penalti berasingan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 4(1) atau (2) Akta 17. Jika disabitkan kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau (2) Akta 17 boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Sebagai tambahan mahkamah boleh membuat perintah bagi pelucuthakan apa-apa mata wang, emas atau harta yang terlibat dengan perlakuan kesalahan tersebut. Hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 4(1) dan (2) dinaikkan berbanding kesalahan lain untuk tujuan

mencegah aktiviti mata wang asing secara haram yang biasanya melibatkan sejumlah wang yang besar dikutip dari orang awam.

Yang kelima, meminda subperenggan 8(1) untuk menaikkan amaun kompaun bagi kesalahan yang boleh dihukum di bawah Bahagian II atau menurut kuasa Bahagian III Jadual Kelima kepada Akta 17 daripada RM1,000 kepada suatu amaun yang tidak melebihi 50% daripada denda maksimum bagi kesalahan yang dilakukan. Hukuman kompaun yang dinaikkan ini bertujuan untuk mencegah ketidakpatuhan terhadap Akta 17.

Keenam meminda perenggan 10 untuk menggantikan perkataan "Peguam Negara atau Pengawal" dengan perkataan "Pendakwa Raya", supaya perenggan tersebut selaras dengan peruntukan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang Di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-Undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokong?

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-Undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pertukaran Wang 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**3.43 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya ingin membangkitkan isu yang menyangkut perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Kawalan Pertukaran Wang Tahun 1953 untuk perhatian dan pertimbangan Dewan yang mulia ini.

**Urus Niaga Mata Wang Haram**

Tuan Yang Di-Pertua, pertamanya ialah isu pengusaha urus niaga mata wang asing secara haram yang beroperasi terutamanya di bandar raya Kuala Lumpur. Selain pengusaha tidak mempunyai kebenaran atau lesen Bank Negara Malaysia kebanyakan mereka menjalankan *business* dengan memerangkap golongan penganggur terutama siswazah yang terdesak untuk mendapatkan pekerjaan dengan menawarkan mereka jawatan dan gaji yang lumayan sewaktu mohon pekerjaan. Setelah dilatih bagaimana untuk mengurus dan jual beli mata wang asing mereka dikehendaki mencari pelabur dan diyakinkan dengan keuntungan yang lumayan.

Oleh itu ramai pelabur telah terperangkap dengan skim ini dan menanggung kerugian yang besar. Selain skim pengambilan deposit secara haram, skim cepat kaya maka urus niaga pertukaran wang asing secara haram ini berjalan dengan licin kerana kebanyakan aduan daripada mangsa mereka tidak diberikan dokumen yang sahkan. Jika adapun dokumen yang mengelirukan. Setakat ini saya difahamkan sebanyak 23 kes telah diadukan manakala pengusaha yang bebas belum dapat dipastikan.

Tuan Yang Di-Pertua, tidak lama dahulu Bank Negara Malaysia pernah menyiarkan iklan dalam akhbar-akhbar sebagai memberi amaran kepada orang ramai supaya berhati-hati dan waspada supaya jangan terjebak dengan skim urus niaga pertukaran wang asing. Tetapi memandangkan iklan yang disiarkan itu kecil dan terlepas pandang serta kurang difahami oleh siswazah menganggur, maka modus operandi urusan urus niaga wang masih berjalan kerana ada langganan.

Walaupun tiada perangkaan tertentu tentang kerugian yang dialami oleh para pelajar, siswazah dan penganggur serta orang ramai akibat terjebak dengan urus niaga wang asing secara haram tetapi saya percaya angka tersebut bukanlah sedikit dan sudah memakan masa yang berlarutan yang mana tindakan Bank Negara Malaysia tidaklah begitu berkesan dalam menangani kes seumpamanya ini.

Tuan Yang Di-Pertua, oleh yang demikian langkah kerajaan untuk menaikkan hukuman ke atas pesalah seperti yang disebut dalam fasal 5 iaitu pindaan ke atas Jadual kelima dalam Bahagian II dengan subperenggan baru 7(2A) bersabit dengan kesalahan pengiklan urus niaga emas dan wang asing yang mana mereka akan didenda tidak melebihi RM1 juta atau di penjara tidak melebihi tempoh 5 tahun atau kedua-

duanya sekali. Dan, segala emas dan mata wang berkaitan kesalahan dirampas dan dilucuthakan tidak memadai atau mencukupi tanpa meminta hukuman asal di bawah Jadual Kelima Bahagian II subperenggan 7(2) yang mengekalkan hukuman denda tidak melebihi RM10, 000 atau penjara tidak melebihi tempoh 3 tahun atau kedua-dua sekali bagi kesalahan urus niaga ini sendiri adalah terlalu rendah dan tidak seimbang dengan kesalahan 7(2A) tadi.

Ini bererti pengusaha yang tidak mempunyai lesen sah masih ada ruang untuk bergerak tanpa perlu menggunakan taktik iklan untuk mencari ejen atau pelabur-pelabur. Kelicikan pengusaha ini ialah mereka menggunakan nama syarikat lain untuk berurusan dengan pelabur tetapi apabila kemasukan dalam akaun mereka menggunakan nama syarikat lain dan ada sedikit persamaan bagi tujuan melepaskan diri. Akan tetapi ini bergantung pada ketangkasan dan kecekapan pihak penguat kuasa Bank Negara Malaysia untuk menjejaki mereka walaupun bersembunyi dalam bangunan tinggi, bergigi besi. Kita patut berterima kasih kepada akhbar kerana banyak bermain peranan menghebahkan skandal yang kerugian ini dari semasa ke semasa untuk pengetahuan pihak berkuasa. Namun ia kadang kala terlepas pandang oleh golongan siswazah menganggur sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing hantar wang secara sulit. Seperkara lagi iaitu isu pekerja-pekerja asing yang mengirimkan wang pendapatan mereka semasa bekerja di negara kita untuk dihantar kepada keluarga ke negara asal mereka tanpa melalui urus niaga yang sah dan sudah berbilion ringgit dikirimkan ke negara asal mereka.

Adakah kerajaan mendapat hasil dari pertukaran wang asing secara gelap ini bila ia dilakukan secara tersusun oleh orang tengah yang membawa balik secara sembunyi dan sulit. Kebanyakan pekerja asing secara kumpulan mengupah orang tengah membawa balik wang gaji mereka ke negara asal untuk diserahkan kepada keluarga masing-masing.

Selain Indonesia, pekerja India dan Bangladesh melakukan penghantaran secara sulit. Kerajaan sepatutnya ada satu mekanisme untuk mengesan penghantaran wang Malaysia ke negara asal pekerja asing sama ada ditukarkan nilai di negara ini atau di negara mereka. Itu sebab pengurup mata wang yang beroperasi kurang mendapat

sambutan kecuali pelanggan mereka sememangnya hendak pergi ke luar negeri atau ada pelancong asing yang ingin menukar mata wang negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mengenakan tambahan ke atas nilai ringgit Malaysia pada kadar RM3.80 pada setiap USD 1 pada 1 September 1998. Bagi memegang kejatuhan nilai ringgit di pasaran kewangan secara terbuka dari menjadikan lebih teruk yang disalah guna oleh peniaga mata wang yang menganggap mata wang sebagai komoditi yang boleh diperniagakan telah berjaya membawa nilai ringgit kita lebih tinggi dalam keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang sudah terkeluar dari situasi buruk, iaitu setelah mengambil langkah mengetatkan peraturan pertukaran mata wang sendiri berikut keinginan komuniti antarabangsa, mengetatkan sistem urus niaga mata wang dengan mengehadkan kadar turun naik mata wang bagi membolehkan negara-negara terlibat berkembang semula. Keinginan mereka menyebabkan kemusnahan sistem yang dilihat di seluruh dunia. Ini terdapat usaha yang suara supaya kerajaan mengambil langkah menyemak semula tambahan ringgit dengan tidak mengorbankan mekanisme menetapkan kadar pertukaran wang yang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu sedar bahawa nilai tambahan ringgit sekarang perlu dikaji ekoran pertunjukan ekonomi penurunan nilai mata wang *US Dollar* berbanding mata wang *Yen* atau *Euro*, kenaikan harga petroleum serta pengukuhan kembali nilai ringgit. Ini kerana nilai ringgit akan naik semula lebih tinggi berbanding setiap *Dollar US* sekiranya ia dilepaskan dalam pasaran sekarang. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandar Kuching. Kalau tiada orang lagi lepas Bandar Kuching, Kepong ada bangun ke?

**3.52 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pengemukaan Rang Undang-Undang Pindaan ini merupakan satu tamparan *setback* kepada liberalisasi sektor kewangan negara kita. Ia akan memperluaskan skop sekatan terhadap mereka yang terlibat dalam perdagangan tukaran asing yang mengenakan hukuman denda dan penjara yang lebih berat kepada mereka yang didapati melanggari Akta ini. Sementara masyarakat dunia sedang menghala ke arah

dunia tanpa batasan, negara kita tidak harus memisahkan diri dari trend ini samalah juga sektor kewangan.

Awal tahun ini apabila kerajaan mengeluarkan lesen-lesen kepada lima syarikat broker asing dan satu pengurus data asing untuk beroperasi di Malaysia. Ssaya melihatnya sebagai satu perkembangan yang positif. Saya menjangkakan bahawa kerajaan akan secara beransur-ansur membatalkan kawalan selia ke atas pasaran moden tempatan dan melonggarkan sekatan ke atas perdagangan tukaran asing. Maka Rang Undang-Undang ini merupakan sesuatu yang memeranjatkan saya. Ia tidak selaras dengan proses liberalisasi sektor kewangan negara kita.

Sekiranya negara kita berhasrat dan sedang menuju ke arah menjadi pusat kewangan serantau maka kita harus secara beransur-ansur tetapi sepastinya menghapuskan segala sekatan ke atas perdagangan dan urusan mata wang asing. Sekiranya kita mengekalkan kawalan yang ketat ke atas aktiviti perdagangan mata wang asing bagaimanakah kita dapat bersaing dengan negara-negara jiran seperti *Singapore* yang begitu maju dalam bidang ini berbanding dengan negara kita.

Aspek kedua mengenai kawalan pertukaran asing yang ingin saya sentuh ialah dasar kawalan modal, C*apital Control* yang telah diperkenalkan dalam tahun 1998 khasnya menetapkan ringgit pada kadar RM3.80 berbanding dengan USD 1. Ramai orang percaya bahawa penetapan kadar ringgit ini telah menyelamatkan negara kita dari krisis mata wang. Tetapi saya tidak bersetuju, contoh yang jelas yang menyokong pandangan saya ialah negara Thailand. Semasa krisis kewangan berada pada tahap paling serius dan kita memperkenalkan dasar kadar tetap ringgit dulu, ramai orang yang sangka bahawa ia telah menyelamatkan negara kita dari ditelan oleh krisis mata wang yang berlanjutan itu.

Bagaimanapun, apabila kita merujuk kembali pengalaman yang lepas, apabila kita memperkenalkan kawalan wang, kawalan kadar ringgit, tahap krisis yang paling buruk sebenarnya telah pun berlalu. Di negeri Thailand, syarikat-syarikat yang bankrap dan gulung tikar di negeri Thailand adalah syarikat-syarikat yang disalah urus dan sering kalinya merupakan syarikat-syarikat kroni yang mempunyai hubungan politik.

Krisis mata wang 1997 telah membantu membersihkan ekonomi negara ini dari salah laku perniagaan secara besar-besaran dan kini ekonomi negara Thailand

nampaknya telah pulih dari krisis berkenaan malah menjadi lebih kuat lagi. Sebaliknya negara kita pula sungguhpun telah menghadapi impak serius krisis mata wang tetapi oleh sebab kita ada sistem kawalan kadar ringgit dan kebanyakan syarikat-syarikat yang disalah urus yang juga merupakan syarikat-syarikat kroni yang berhubungan politik telah dilindungi di bawah dasar ini dan tidak kelihatan apa-apa perubahan atau kemajuan yang asas dalam pengurusan am ekonomi negara.

Maka tujuh tahun selepas krisis berlaku, kita nampaknya ketinggalan di belakang di negeri Thailand dari segi pemulihan ekonomi. Sistem kawalan kadar ringgit mempunyai banyak kelemahannya. Ia memesongkan kuasa permintaan dan pembekalan iaitu *the stop the forces of* demand *supply the market*. Dalam pasaran kewangan antarabangsa ringgit adalah seperti semua mata wang yang lain suatu komoditi. Kadar pertukaran ringgit sebenarnya merupakan harga ringgit di pasaran antarabangsa samalah seperti harga komoditi yang lain. Dalam senario pasaran bebas ia seharusnya naik turun mengikut kuasa pasaran antarabangsa. Sekiranya permintaan terhadap ringgit tinggi maka ringgit akan menjadi kuat dan harga ringgit akan naik berbanding dengan lain-lain mata wang asing.

Bagaimana pun sekiranya permintaan terhadap ringgit rendah, maka ringgit akan menjadi lemah dan harga ringgit akan jatuh berbanding dengan mata wang lain. Dalam konteks yang ringkas dan senang difahami, sekiranya wujud tambahan permintaan terhadap eksport kita, ianya akan membantu meningkatkan permintaan terhadap ringgit. Dalam pasaran bebas ini akan menaikkan harga ringgit yang seterusnya akan menaikkan harga eksport kita. Apabila harga eksport kita naik kuantiti yang diminta akan menurun dan seterusnya membentuk tekanan ke bawah terhadap harga ringgit.

Sebaliknya sekiranya berlaku pengurangan permintaan terhadap eksport kita ianya akan menyebabkan permintaan ringgit kurang dan seterusnya menurunkan harga ringgit. Hasilnya eksport kita menjadi lebih murah dan lebih berdaya saing dari segi harga. Permintaan kuantiti akan menambah dan membentuk tekanan terhadap harga ringgit. Ini merupakan ekonomi permintaan dan perbekalan yang asas, yang sering kali menyesuaikan dirinya untuk mencapai harga yang seimbang *the equilibrium price*. Dalam kata-kata ekonomi ia akan membawa utiliti maksimum kepada masyarakat.

Dengan menetapkan kadar ringgit RM3.80 berbanding dengan USD1, ringgit telah kehilangan mekanisme penyesuaian harganya berbanding dengan USD. Maka ringgit bukannya berada pada harga seimbangnya di mana permintaan dan pembekalan ringgit seimbang. Dalam bidang ekonomi di mana harga komoditi tidak seimbang dititik permintaan menemui pembekalan. Ia akan menyebabkan satu keadaan yang disebutkan *dead weight loss* di dalam terma ekonomi. *Dead weight loss* itu adalah merupakan satu pembaziran kepada masyarakat yang disebabkan oleh para pengagihan sumber-sumber.

Dalam konteks ringgit, apabila ia ditetapkan pada kadar RM3.80 berbanding dengan USD1, oleh sebab USD lemah maka ringgit kita kini telah dinilai kurang berbanding dengan lain-lain mata wang seperti *Australian Dollar, Euro, France, Yen* dan lain-lain. Maka, kita nampaknya lebih murah untuk mengimport dari US berbanding mengimport daripada lain-lain negara. Ini telah menghiruk piruk . terutama para pengimport kita yang mungkin akan mengimport sesetengah barangan dari lain-lain negara kalau kadar ringgit tidak terikat dengan USD. Dengan kadar ringgit yang ditetapkan di tahap di bawah harga pasaran sekarang, pekilang-pekilang serta pengeluar-pengeluar kita akan lebih tertarik untuk mengeksport dan bukannya menjualkan barang hasilan mereka di dalam negeri. Kalau bukan kerana ringgit telah 'dinilaikurangkan', pengguna-pengguna tempatan tidak akan dapat menikmati beberapa jenis produk yang kini telah dieksport ke luar negara supaya pengeksportnya boleh mendapat untung yang lebih tinggi.

Dari segi pengimport pula, oleh kerana ringgit telah dinilaikurangkan semua barang yang diimport nampaknya lebih mahal lagi, jika ringgit tidak terikat oleh kadar tetap. Maka timbullah masalah keberatan untuk mengimport. Satu contoh yang jelas adalah pendidikan asing, menghantar anak-anak kita ke luar negara untuk mendapat pendidikan yang lebih baik. Disebabkan oleh nilai ringgit yang dinilai kurangkan kos mendapatkan pendidikan di luar negara menjadi lebih tinggi. Maka menghalang ramai dari berbuat demikian dan terlepas peluang untuk mendapat pendidikan yang lebih baik.

Berikutan dengan ringgit yang dinilaikurangkan, kos mengimport telah menaik. Janganlah kita melupakan bahawa ekonomi kita bergantung sangat terhadap import dalam semua sektor. Malah dalam bidang pengeluaran minyak mentah kita bergantung

kepada pakar asing, bahan-bahan kimia, jentera dan perisian asing dan semuanya didagangkan dalam mata wang asing.

Secara domestik pula kita mempunyai permintaan pengguna yang tinggi terhadap barang import dari negara asing. Maka dengan menggelembungkan kos import secara *artificial,* ini tentunya akan menyebabkan inflasi dalam pasaran tempatan kita sendiri. Kepada pelabur-pelabur asing pula, bukan sahaja mereka mempertimbangkan *dead weight loss* yang akan berlaku sekiranya mereka melabur di sini, tetapi mereka juga akan dipengaruhi oleh imej sebuah negara yang mempunyai kadar pertukaran asing tetap. Negara-negara yang mempunyai kadar pertukaran asing tetap ini sering kali dianggap sebagai negara yang mengurus ekonomi mereka secara lemah dan kurang baik.

Ianya menunjukkan bahawa penggaris dasar . negara-negara ini tidak berkeyakinan terhadap ekonomi negara Amerika. Persepsi ini akan menghalang *foreign direct investment*. Sebagaimana yang kita dapat lihat beberapa tahun setelah kita memulakan dasar kawalan mata wang, sungguhpun kerajaan telah memberi insentif-insentif yang begitu banyak kepada pelabur asing, kita masih gagal mencapai sasaran yang diingini dalam menarik FID. Satu lagi alasan bahawa kadar tetap ringgit terhadap US Dolar ini tidak sesuai adalah kerana dengan mengikatkan ringgit dengan US Dolar kadar faedah negara kita akan mengikut secara tetap kadar faedah yang ditetapkan di US. Maka kita akan kehilangan autonomi dan kawalan dalam menggunakan kadar faedah sebagai salah satu alat melaksanakan dasar ekonomi kita.

Secara ringkasnya, kesan-kesan negatif kadar tetap ringgit terhadap US Dolar adalah seperti berikut:-

(i) Ia memesongkan mekanisme permintaan dan bekalan yang seterusnya menyebabkan salah agihan sumber-sumber dan *dead weight loss*;

(ii) Sungguhpun mekanisme kadar tetap ini mungkin berguna dalam tahun 1998, tetapi ini tidak semestinya benar tetapi ianya tidak lagi berguna sekarang;

(iii) Oleh sebab ringgit telah dinilaikurangkan ianya telah mencetuskan kos import;

(iv) Ianya memberikan satu gambaran seolah-olah kadar pertukaran asing adalah stabil, sungguhpun mata wang-mata wang asing yang lain masih naik turun berbanding dengan ringgit;

(v) Dengan adanya kadar tetap ini ringgit telah kehilangan sensitivitinya terhadap perubahan dalam pasaran antarabangsa dan tidak dapat menyesuaikan dirinya kepada kuasa permintaan dan pembekalan;

(vi) Ia memberikan satu imej negatif terhadap ekonomi negara kita, tidak menggalakkan *foreign direct investment*;

(vii) Setakat tertentu Bank Negara kehilangan kawalannya terhadap kadar faedah kerana di bawah rejim kadar tetap mereka dipaksa mengikuti sahaja kadar faedah yang ditetapkan di United States.

Maka saya menyeru supaya kerajaan menilai semula keputusan mengekalkan kadar tetap ringgit ini dan saya ingin merekodkan bantahan saya terhadap rang undang-undang pindaan ini, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pengkalan Chepa.

**4.09 ptg.**

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam masalah rang undang-undang ini. Pertama sekali ialah saya difahamkan ada bilion-bilion ringgit lagi di luar negara. Ramai daripada sahabat-sahabat saya daripada ahli korporat yang menyatakan bahawa ringgit yang telah diharamkan di dalam negeri ini iaitu RM500 dan RM1,000 itu masih banyak di luar negara terutama di Singapura. Dia kata kita boleh beli ringgit ini dengan harga USD1 bersamaan RM5.20. Jadi kalau perniagaan ini berlaku secara *black market*, USD1 ini boleh membeli RM5.20 di Singapura secara *black market* ataupun pasaran haram. Adakah ini benar? Ada bilion-bilion lagi Ringgit Malaysia yang berkisar di luar negara dan laku.

Saya juga pergi ke Jordan Tuan Yang di-Pertua, saya dapat beli tukaran haram dan juga tukaran melalui tukaran rasmi dengan harga yang lebih daripada RM44 – USD1. Saya pergi Indonesia. Kita boleh tukar ringgit ini di merata-rata tempat di dalam pasar-pasar. Bukan di bank sahaja, di pasar-pasar untuk beli semua barang ini boleh

dibeli dengan harga wang Malaysia, sedangkan undang-undang kita mengatakan bahawa Ringgit ini tidak laku lagi di luar negara. Saya pergi ke Thailand, ada secara rasmi di hotel-hotel boleh ditukar. Sesetengah hotel itu tidak boleh menukarkan Ringgit ini dengan Baht, tetapi sesetengah berlaku. Jadi, apa yang sebenarnya berlaku?

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat bagi Kuching kata tadi bahawa, tukaran Dolar, tukaran wang asing di London ataupun di Amerika jauh berbeza dari empat, lima tahun dulu. Kalau dulu, satu paun kita dapat tukar dengan RM4 sahaja. Tetapi sekarang ini, 1 paun dengan RM7.20. Saya ingin tahu, adakah kerajaan sedia menimbang untuk memberi kelonggaran kepada bank-bank yang sekarang ini diperuntukkan untuk satu-satu bank draf untuk di London kita kata, untuk di United Kingdom, hanya dibenarkan tanpa memohon kepada Bank Negara sebanyak RM50,000 sahaja, tidak lebih daripada itu. Saya rasa perlu ditimbang balik kerana angka RM50,000 ini, yang boleh buat bank draf di mana-mana bank, terutama bank-bank asing berdasarkan kepada perbelanjaan kira-kira lima tahun dulu atau tujuh tahun dulu.

Oleh kerana tukaran asingnya begitu ketara sekarang ini, di mana bayaran *fees* ataupun *education fees* sahaja dulunya di London kita kira, kalau buat Masters lebih kurang 6,000 pound. 6,000 pound x 4 lebih kurang RM24,000. Tetapi sekarang ini, bayaran pengajian itu masih lagi 6,000 pound tetapi tukarannya mestilah sekarang ini dengan kali tujuh iaitu lebih daripada RM42,000. Dari angka ini, sepatutnya kerajaan menimbangkan bahawa keperluan pelajar-pelajar di sana untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar kita supaya menimbangkan kebenaran melalui bank ini dengan tidak meminta kebenaran Bank Negara sehingga RM80,000. Kalau ini dapat diubahkan, perjalanan untuk menghantar pelajar-pelajar kita di United Kingdom lebih licin.

Yang keduanya, di London Tuan Yang di-Pertua, bahawa peruntukan kerajaan kepada pelajar-pelajar yang membuat Ph.D kita, *postgraduate* ini lebih kurang 500 *pound*. Sekarang ini, dengan pertukaran yang baru ini, ia sudah menjadi satu perbelanjaan yang sangat sempit. Jadi di sini, saya mengambil kesempatan supaya kerajaan mengkaji balik perkara-perkara ini sesuai dengan keadaan mata wang kita yang begitu lemah berbanding dengan Paun supaya diberi peruntukan yang lebih,

supaya 500 pound yang diberi kepada pelajar yang dulu itu, yang di dalam Ph.D, lebih kurang lima tahun dulu, sekarang ini sepatutnya 700 paun.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Amsterdam, melihat bagaimana *flea market* atau pasar borong di Amsterdam ini yang diadakan tiap-tiap minggu. Dalam pasar borong ini, pertukaran wang secara *cash*, tidak melalui *credit card*, tidak melalui cek. Sekiranya melalui kredit kad, banyak pembeli-pembeli dan penjual ini rugi, terutama sekali kena servis caj dan sebagainya .

Saya menyeru kerajaan supaya membuka *flea market,* pasar borong untuk barangan antara negara Asian di mana-mana tempat di dalam Malaysia ini supaya pengguna dan penjual ini tidak sahaja mudah, tidak sahaja kena servis, kalau mereka guna kredit kad ataupun cek tetapi mereka boleh interaksi menukarkan wang ini dengan terus secara tunai. Ini berlaku di Amsterdam dan berlaku di Geneva. Kenapa kita tidak ambil kesempatan ini terutama sekali bagi orang Islam. Kalau kita lakukan ini secara tunai dan *flea market* ini, pastinya kita terlepas daripada dosa bagi orang Islam. Saya mengajukan supaya kerajaan kaji dalam masa pertukaran ini supaya tidak melibatkan banyak bebanan yang ditanggung oleh pembeli dan oleh pengguna dengan mengadakan beberapa *flea market* atau sekurang-kurangnya satu *flea market* untuk Asian.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, kita tengok bahawa di merata-rata tempat di Malaysia ini, pajak ini melelong emas-emas dan lelongan emas dijual berselerak di tepi-tepi jalan raya, tidak ada lesen dan tidak ada apa-apa. Jadi, undang-undang ini saya menyokong untuk memberi satu jaminan kepada pembeli-pembeli dan kepada penjual-penjual ini supaya diri mereka tidak kena tipu. Sekarang ini, kalau kita katalah emas lelong oleh pajak gadai ini ia boleh dibeli dengan cara murah dan pembelinya dijual dengan cara mahal. Jadi, adanya undang-undang ini saya percaya boleh menyekat daripada penipuan-penipuan itu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berbahagia sekarang ini Tun Dr. Mahathir yang dulunya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri , menyarankan supaya kita mengkaji balik dalam penggunaan mata wang kita, iaitu menggunakan emas Dinar. Baru-baru ini pun, Tun Dr. Mahathir menyarankan bahawa beliau sangat yakin bahawa emas Dinar ini boleh dijadikan sekurang-kurangnya antara negara Islam. Kalau tidak

emas Dinar ini dapat digunakan sepenuhnya, gunakanlah kaedah-kaedah yang lebih liberal seperti *Gold Based Trading Payment Agreement* (GBTA). Gunakan ini secepat mungkin supaya mengelak daripada pertukaran asing ini yang boleh merugikan kita sendiri.

Saya percaya bahawa sekiranya Bank Negara dapat membuat kajian-kajian dalam perkara ini dan saya percaya bahawa negara Islam akan menerima sama ada menggunakan emas Dinar ini di antarabangsa ataupun menggunakan sebagai GBTA. Saya percaya bahawa kerajaan sekarang ini di bawah Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang meng*highlight*kan Islam Hadhari ini, dapat mempelopori ini sebagai Pengerusi OIC. Insya-Allah, saya percaya sokongannya akan didapati dari semua negara-negara Islam. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin***:* *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai hendak berucap? Fahamkah? Faham tajuklah? Baik, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru tidur Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidurkah? *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau hendak tidur, lebih baik keluarlah, saya tidak ada halangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak tidur, dia pejam mata. Tetapi, dia punya otak ada dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh! Ada fikir-fikirkah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan ini adalah untuk kebaikan negara kita. Tetapi, saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, pertukaran wang asing ataupun penghantaran balik, saya dulu biasa bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, di mana pekerja-pekerja asing ini, cukup banyak wang yang mereka hantar balik. Ada pun mereka hantar kiriman wang ini melalui *money changer* ataupun dipanggil pengurup wang dan saya tidak tahu sama ada penghantaran ini telah pun mendapat kebenaran atau tidak oleh pihak Bank Negara, kerana pengurup wang ini depa bergerak seluruh

dunia. Depa ada *chain,* depa ada perhubungan. Jadi, dengan penghantaran secara ini, mereka telah tidak dikenakan bayaran ataupun terpaksa membayar faedah-faedah tertentu.

Oleh yang demikian, saya berharap bahawa pihak kerajaan mengkaji dan menyiasat setakat hari ini berapa banyak sudah. Kalau kita katalah Tuan Yang di-Pertua, satu pekerja bawa balik, tidak usah banyaklah, satu pekerja hantar balik RM 500 sudah, duit ke negara mereka, berapa ribu pekerja-pekerja yang ada? Dan ini sebenarnya menguntungkan mereka di samping menolong keluarga mereka di kampung halaman tetapi ini juga merugikan kita. Bukan maknanya kita hendak menekan mereka dan sebagainya, tetapi kita hendak memastikan kalau yang benar tidak apa, yang saya takut dari segi perniagaan. Perniagaan, pertukaran wang yang disalurkan melalui pengurup-pengurup wang ini tidak diketahui oleh pihak kerajaan.

Yang kedua, saya ingin bercakap tentang dinar. Ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi berkenaan dinar. Dinar ini telah ilhamkan oleh Yang Amat Berhormat matan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamed. Saya bersetuju, sepatutnya negara-negara Islam, dia *trade* kewangan melalui menggunakan dinar ini dahulu. Tetapi, mereka lebih membesar-besarkan duit Amerika ataupun euro. Sedangkan mereka ada berbincang tentang ekonomi, berbincang tentang kewangan negara-negara Islam. Tetapi mereka tidak boleh menunjuk contoh kepada dunia lain bahawa kami boleh berpakat sesama kami dengan menggunakan mata wang kita ini. Mata wang kita ini apa salahnya? Sebenarnya Amerika pun duit dia cetak begitu sahaja. Bukan begitu Arau? Kerana duit dia bertaburan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong hendak tanya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Boleh?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jerai yang menyatakan bahawa dinar ini patut kita promosikan untuk perdagangan antarabangsa. Tetapi, sedarkah Yang Berhormat untuk perdagangan antarabangsa di Malaysia

sekarang ini suka atau tidak suka lebih daripada 80%, kalau tidak silap saya, kebanyakan perdagangan antarabangsa ini masih menggunakan USD atau pun dollar Amerika. Apakah cadangan ataupun apakah rancangan atau cadangan Yang Berhormat supaya menggalakkan negara-negara bukan Islam menggunakan dinar ini sebagai satu mata pertukaran yang disegani di masa akan datang. Apakah penjelasan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pandangan Yang Berhormat bagi Puchong yang cukup baik. Kalau saya jadi menteri, saya akan ambil ingatan benda-benda macam ini dan kita bawa ke tengah untuk diperbincangkan di peringkat antarabangsa. Hari ini cuba kita lihat, kita menggunakan duit orang untuk berniaga, apa salahnya kita buat? Euro buat di negara-negara barat, digunakan euro dalam kumpulan mereka. Saya tadi berbincang panjang dengan Yang Berhormat bagi Arau berfikir panjang pasal duit ini. Jadi…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bila Yang Berhormat bincang sama dia, bila?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebelum saya tidur tadi Yang Berhormat. *[Ketawa]* Bukan tidur, terlelap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Ketawa]* Itulah sebab saya nampak Yang Berhormat tidur tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terlelap Yang Berhormat pasal memikir terlampau banyak. Kuat memikir sampai kadang-kadang fikiran kita itu sampai ke satu tempat, dia patah baliklah. Jadi kita guna di negara-negara Asia, benua Asia. Kita wujudkan mata wang. Saya mencadangkan benua Asia ini apa salahnya setelah kita ilhamkan dinar, kita mula dengan dinar. Kalau sudah negara-negara OIC mungkin mereka sudah terikat dengan Amerika. Mereka sudah berhutang dengan Amerika, mereka tidak mampu keluar daripada genggaman ekonomi barat. Apa salahnya kita gunakan dalam negara-negara Asia ini menggunakan mata wang dinar dan negara-negara Arab sepatutnya mengilhamkan benda ini, tetapi kita…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,…..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, saya agak pelik sedikit apabila Yang Berhormat bagi Jerai mencadangkan agar kita gunakan mata wang dinar. Mengapa Yang Berhormat bagi Jerai tidak mencadangkan kita menggunakan mata wang ringgit Malaysia. Apakah ringgit Malaysia tidak ada nilai? Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sepatutnya soalan ini ditujukan kepada Timbalan Menteri, tetapi tidak apalah. Saya pun boleh, pasal saya lama juga..... Sebenarnya kerana ringgit kita ini belum lagi kerana sekarang kita bendung wang kita. Jadi wang ringgit kita ini tidak boleh setengah-setengah negara tidak begitu berminat tentang ringgit kita ini, tetapi kita gunakan dinar ini sebagai pertamanya untuk memastikan bahawa negara-negara Islam mengambil ini. Tidak begitu Yang Berhormat? Pasal zaman Rasullah pun dia berniaga macam itu. Pertukaran *barter trade* dan sebagainya.

Kita berharap kalau boleh Menteri Kewangan ataupun Timbalan Menteri yang hadir, Setiausaha Parlimen pun hadir bawa benda ini minta OIC walaupun mungkin sudah ada perbincangan, panggil sekali lagi duduk. Panggil tok Arab-tok Arab dan semua *sheikh-sheikh* ini habaq kat depa suruh kita sekarang ini berniaga dengan menggunakan dinar dan ini ada satu lagi, kalau dinar ada, USD ada, euro ada, bermaknanya sudah tiga ada mata wang yang boleh bergerak peringkat antarabangsa.

Masa ini kita bersaing. Tidak payahlah hari ini kita pergi mana pun hendak kena bawa duit USD, hendak kena bawa euro. Kalau kita bawa ringgit, kita pergi tukar di luar negara kadang-kadang dia tidak mahu terima Tuan Yang di-Pertua, kacaulah kita. Hendak kena pakai kredit kad, kredit kad kena bayar bunga. Jadi yang ini semua kita harus fikir….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata pendek. Banyak lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini pasal ekonomi Tuan Yang di-Pertua. Ini ekonomi antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada apa-apa yang hendak dibangkitkan tentang pindaan yang dicadangkan ?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya sudah sokong pindaan itu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokong sahaja, tidak mahu buat apa-apa pandangan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak usah pindalah. Itu sudah elok. Cuma saya hendak bagi pandangan kepada kerajaan supaya memikirkan, hendak mengemaskinikan rang undang-undang itu, sebelum Yang Berhormat bagi Kepong mengambil idea-idea saya. Biar saya bercakap dahulu.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, saya berharap, pertama yang saya cakap tadi mengawal mata wang kita supaya memastikan dia keluar, jangan keluar melalui saluran-saluran tertentu kerana ini akan merugikan kita dan kita ingatlah sejarah apabila orang memperdagangkan duit kita, dan kita menghadapi masalah yang cukup mendukacitakan. Jadi kita tidak mahu sejarah itu berulang kembali dan kita berharap kalau *peg* ini merugikan kita, kita kekalkan. Tetapi , kalau menguntungkan kita balik, apa salahnya kita buka benda ini balik. Ini menguntungkan kita dan sekarang ini saya nampak duit Amerika makin lemah, duit euro makin meningkat. Waktu inilah kita hendak ajar sikit depa pasal dahulu depa ajar kita macam-macam, depa perdagangkan negara kita, depa perdagangan duit Ringgit kita..... Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Ok. terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan *pegging* ataupun tambatan Ringgit dengan USD ini. Tetapi baru-baru ini kita baca di surat khabar yang Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, dia menyatakan bahawa kita tidak akan mengubah atau menyemak *pegging* ini sehingga nilai kita berkurangan ataupun turun sekurang-kurangnya atau pun lebih kurang 20%. Setujukah Yang Berhormat ini idea yang baik ataupun satu rancangan yang baik? Adakah ini satu cara untuk kita menyemak *pegging* kita, kalau nilai kita rugi lebih daripada 20% baru kita buat *pegging*. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mungkin pihak Menteri Kewangan Kedua dia memandang dari segi perdagangan kita, komoditi kita dan

sebagainya. Mungkin kita melihat dari segi satu sudut pasaran wang sahaja. Tetapi, saya hendak bagi tahu supaya kementerian buat kajian supaya jangan kita menanggung kesusahan. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pergi ke UK pun dengar sahajalah tetapi 7.8 kalau tidak silap saya. Kemudian kalau kita pergi ke Australia 2-3, senanglah *round figure* ada tiga, pergi New Zealand pun macam itu. Jadi duit kita ini yang boleh pakai lebih sedikit, kalau pergi Thailand, pergi Indonesia, pergi Bangladesh, bolehlah gagah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ataupun pergi Jerailah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, pergi Jerai pun harga *at par* . Kita beli harga yang berpatutan. Kalau pergi Arau, Yang Berhormat bagi Arau boleh bawa ke tempat yang lebih murah, duit kita lebih tinggi.

Jadi saya berharap sangat kepada pihak kementerian supaya mengkaji balik *peg* ini dan memberi penjelasan yang sebaiknya, pasal peniaga-peniaga ini dok bertanya pasal apa kerajaan tidak mahu bukakan *peg* ini. Masih dok *peg* pasal apa. Jadi kita bagi penjelasan yang terperinci supaya orang berniaga ini faham, tambatan ini, pasal apa dia dok tambat lagi duit ini, dia tidak mahu lepas. Jadi inilah sahaja yang saya hendak...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong hendak minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi hendak minta penjelasankah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta penjelasankah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mahulah, tidak payahlah lagi baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, Peraturan Mesyuarat, selagi saya tidak duduk, Yang Berhormat tidak boleh bangun. *[Ketawa]* Jadi saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong hendak berucap ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya.

**4.31 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini, kerana ini merupakan satu perkara yang penting dan ada beberapa perkara di dalam rang undang-undang yang menimbulkan persoalan.

Yang pertama, memang di dalam negara kita ada dibuat kawalan pertukaran wang yang ketat tanpa menjejaskan kefleksibelan dasar mata wang kita -memang diperlukan, terutamanya kita nampak jawapan daripada menteri di sini pun ada lebih 1 juta pendatang atau pekerja Indonesia yang sah, ada 1.3 juta juga yang pendatang tanpa izin (PATI), mereka sahaja sudah lebih 2 juta orang. Kalau kita tidak mengawal penukaran wang memang menjejaskan ekonomi kita juga.

Cuba bayangkan berbilion-bilion ringgit keluar daripada Malaysia melalui saluran yang tidak sah iaitu pasaran gelap. Saya berharaplah dengan adanya pindaan ini tidak akan menjejaskan kefleksibelan mata wang kita dan juga kawalan adalah lebih ketat untuk mencegah pasaran gelap ataupun haram ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Ada satu perkara di sini iaitu Klausa 5(b) dalam Bahagian II dengan memasukkan selepas subperenggan 7(2), subperenggan yang berikut:

> *"(2A) Notwithstanding subparagraph (2), any person who commits an offence under subsection 4(1) or (2) punishable under this Part shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both and the court may order any currency, gold or any property involved in respect of the commission of the offence to be forfeited*".

Yang pertama, saya tidak begitu menyokong sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan ini, dan yang kedua bolehkah Yang Berhormat menerangkan bila kita menguatkuasakan klausa ini, bagaimana ianya dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali selain daripada usaha-usaha yang berkesan untuk mencegah pasaran gelap atau haram untuk pertukaran wang ini, saya berpendapat bahawa kerajaan mestilah memberitahu rakyat strategi untuk jangka masa pendek dan panjang mengenai tambatan ringgit dengan dolar Amerika terutamanya sekarang negara China pun mungkin akan mengubah tambatan *Renmimbi* dengan Dollar Amerika ini.

Saya pun ada tanya dari masa ke semasa pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai mata wang kita dan jawapannya itu adalah panjang juga. Kerajaan masih mengekalkan rejim kadar pertukaran mata wang yang stabil menerusi tambatan ringgit kepada dolar Amerika, yang mana adalah penting untuk membantu kegiatan ekonomi, khususnya di sektor perdagangan.

Lebih-lebih lagi ini memandangkan Malaysia adalah sebuah negara ekonominya kecil dan sangat terbuka dengan nilai perdagangan luar melebihi 200% daripada KDNK. Dasar mata wang sekarang masih relevan dalam memberi kestabilan di samping mengurangkan ketidaktentuan dalam proses membuat keputusan perniagaan dan transaksi.

Saya akan bangkitkan masalah dengan *Renmimbi* itu yang mungkin akan diubah juga tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, menurut Menteri Kewangan, kerajaan juga memantau dari masa ke semasa terhadap perkembangan ekonomi dunia termasuk isu berkaitan dengan kenaikan harga minyak dunia dan ketidaktentuan mata wang dolar Amerika. Ini yang penting.

Saya akan sentuh sedikit sebanyak mengenai ketidaktentuan mata wang dolar Amerika serta saingan cabaran dari China dan India supaya negara sentiasa dalam keadaan siap sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan, dan untuk memastikan kegiatan ekonomi negara dapat terus berkembang dengan cergas, strategi dan langkah-langkah utama sedang dilaksanakan oleh kerajaan seperti yang digariskan dalam bajet. Saya tidak payah ulang.

Walau bagaimanapun saya berpendapat kita perlulah mewujudkan dasar yang lebih fleksibel. Kefleksibelan ini diperlukan untuk menghadapi keadaan yang berubah-ubah, dan di sini saya hendak petikkan kata-kata Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar Aziz yang mengakui dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

"*Uncertainty and instability are the defining feature of the international financial system. Malaysia has increased its own salient tolerance level to international shocks*." Ini yang penting, *international shocks*.

Menurut Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti, caranya untuk mengadakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *" Efficient and strong delivery system"* yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, *"Efficient and strong delivery system, liberalization of capital account…"* dan juga…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa cari, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak cari apa lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cari itu dia punya *quotation. Quotation* dia itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cakap sendirilah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cakap sendiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cakap sendiri pun boleh. Kita mesti ada rujukan sedikit kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia ada *briefing* kita. Dia *briefing* dengan mempunyai pengetahuan angka-angka. Kalau tidak ada rujukan pun, mungkin dia anggap kita bercakap tanpa asas. Kita mesti ada asas sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Tan Sri Dr Zeti, "*A longer term perspective to exchange rate policy is taken looking at the relationship between the exchange rate and economic fundamentals"*. Dia menekankan fundamentals. Itu memang salah satu faktor yang penting. *"Of greater importance is to focus on enhancing our overall productivity and competitiveness against all our major trading partners",* dengan izin, saya ada itulah. *"The bad exchange rate has served Malaysia well. It continues to serve Malaysia well".* Saya pun mungkinlah tidak percaya dengan 100%. Ada kelemahan juga seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, ada kelemahan juga. *This is manifested according to Tan Sri Zeti in terms of the significant growth in the volume of trade and the steady inflow of foreign direct investment".* Itu saya tidak ada angka yang menunjukkan *steady inflow of foreign direct investment*, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri

boleh beritahu kita setakat mana itu *inflow of foreign direct investment.* Adakah ini bertambah pada masa kini? *In trade-weighted terms...*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Daripada tadi Yang Berhormat baca orang lain punya *statement* sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Saya ada banyak lagi. Ini memang asas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh, boleh Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada menyedari bahawa dalam sehari dua yang lalu terdapat *foreign investment* menjual saham-saham mereka sebab berkemungkinan tidak berkeyakinan dengan kerajaan sebab masih tidak mahu berubah iaitu masih mengekalkan *money package* ataupun pakej wang ringgit kita dengan *US dollar*. Adakah ini membawa satu keuntungan atau kerugian, sekiranya masih diteruskan? Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Kinabatangan ada menyebutkan perkara yang benar-benar berlaku kerana wang panas, *hot money. Hot money* dari *speculative investment* yang banyak kerana mereka beberapa bulan yang lepas pasaran saham pun sudah naik sedikit kerana ada wang yang panas ini masuk kerana mereka menjangka waktu itu tambatan ringgit itu akan dilonggarkan ataupun dihapuskan sama sekali dan kemudian dia dapati Tan Sri Dr Zeti pun tidak berminat dengan menghapus atau melonggarkan tambatan maka mereka pun ambil keluar wang. Itulah masalah, salah satu aspek yang negatif.

Dengan izin, saya meneruskan. Ini asas untuk membincang kerana gabenorlah yang menentukan sama ada untuk menghapus atau melonggarkan ataupun mengekalkan dasar tambatan ringgit kepada dolar Amerika. *In trade-weighted terms the exchange rate is not misaligned since the ringgit peg to the US dollar.* Ini memang dia kata semua itu baiklah, *the ringgit real effective exchange rate, REER which is the trade-weightedvalue of the ringgit against the major trading partners currencies after taking into account changes in inflation relative to those of our trading partners has fluctuated within a range of plus or minus 7%. REER plus or minus 7%.*

Ini asas untuk saya bincangkan kerana beliaulah yang menentukan sama ada kita akan ubah dasar ataupun tidak. *"This is well within an acceptable range more importantly the ringgit REER has not experienced a sustained trend towards increasing appreciation or depreciation'*. Ini dia menganggap kalau kita hendak ubah pun *real effective exchange rate* mesti ubah dengan banyak barulah dia hendak pertimbangkan sama ada hendak tukar dasar tambatan tersebut. *The ringgit has essentially gravitated around it fair value and has not experienced misalignment*'. dia kata, *'misalignment'. Finally the Malaysian* .. Ini finallah tidak akan ada lagi. Mungkin dengan bermimpi saya akan petik satu dua lagi ye. *'…has not experienced misalignment, finally the Malaysian economy has both external balance in the form of a sustainable current account....'* Dia kata*, current account may be sustainable* kerana kelebihan. Kita sekarang lebih USD70 bilion Amerika, maknanya lebihlah tu.

*The Malaysian economy has both external balance in the form of a sustainable current account and internal balance in the form of price stability. This again supports the ringgit being fairly valued.* Ini asas kalau hendak kekalkan. *In addition foreign direct investors have placed more importancet on factors other than just the exchange rate alone.* Itu benar juga tetapi walau bagaimana pun terserah kepada hakikat sama ada *foreign investors* sudah bertambah pelaburannya. *In managing exchange rate policy ...'* ini penting Tuan Yang di-Pertua, *no amount of exchange rate manipulation would satisfy the interest of all parties at all times. Indeed it is a stable and fundamentally-sound exchange rate system that will best serve the overall economic interest of the country. This will continue to be the objective of our exchange rate policy.* Ini dasar yang saya baca tadi itu. Yang penting sekali ialah sistem pertukaran yang berdasarkan kepada *stable and fundamentally-sound.*

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak bangkitkan hal yang pentingnya kita adakan tambatan ini. Pada mulanya, 1998 kita dapat untung, mempertahankan ringgit kerana kita boleh nampak jugalah tambatan seumpama ini, seumpama - China dia tambat satu dolar Amerika 8.27 -. Dia kekalkan macam itu kerana pasaran dia pun begitu besar. Kebanyakan perdagangan di dalam negara sendiri hanya satu bahagian sahaja perdagangan dengan luar. Sebaliknya di Malaysia kebanyakan kita hampir 70% atau 80% daripada perdagangan kita dengan luar negara-negara lain. Itulah sebaliknya

negara kita. Dia pun tambat kepada *dollar* Amerika maka itu kita tidak boleh nafikan. *Dollar* Amerika merupakan mata wang yang paling popular di dunia, itu tidak boleh dinafikan. Dengan sedemikian kita dapat kelebihan perdagangan lebih RM70 bilion *reserve* kita, lebihan dagangan *balance of payment* 88 bulan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** 88 bulan panjang juga. Panjang juga tambatan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya! 88 bulan.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Tadi, Yang Berhormat telah membaca banyak fakta-fakta daripada pihak bank negara dan sebagainya. Tetapi Yang Berhormat hanya memberi sedikit pandangan mengenai kebaikan tambatan ringgit ini dari segi eksport dan juga daya saing ataupun *competitiveness,* dengan izin. Bagaimana dengan bahagian yang lain iaitu import?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, itu memang.......

**Tuan Lau Yeng Peng:** Boleh habiskan dulu. Bila ringgit kita bila tambat kepada US *dollar* dan sebagainya sekarang US *dollar* semakin hari semakin menurun. Ini bermakna pengimport-pengimport kita ini telah mengalami satu situasi di mana kos ataupun kos dari segi ringgit tinggi. Ini juga akan menjejaskan banyak polisi atau dasar kerajaan iaitu menggalakkan pelaburan *internal, private investment* dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini memang, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu adalah benar juga. Puchong merupakan sejenis burung *[Ketawa]* ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa. Apa..... Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** ......... sejenis burung seperti bangau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa kena-mengena dengan Akta ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu jenis bangau.di Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]**: Apa kena-mengena dengan Akta ini, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada kena-mengena juga – dia tadi ada bangkitkan sedikit-sebanyak. *[Ketawa]* Keuntungan memang ada masalahlah. *Arguments or against the currencypeg* seperti yang disebutkan tadi itu – *it impedes as in the adjustments, it causes resource misallocation,* dengan izin, *through price distortions and it freezes an important macro-economic policy instrument and it requires a large forex reserves* ......... kita ada *forex reserve* yang agak besar juga – lebih USD70 bilion sekarang . Jadi tak menjejaskan pada masa sekarang dan *it does not work if currency is overvalued* sedangkan nilai ringgit kita *is undervalued* hingga ada yang sebutkan pada tahap 30 atau 50 peratus daripada IMF dan ada juga yang sebutkan 10 peratus *undervalued*.

Ini dia*, undervalued* dan sebab itulah kita tidak terjejas lagi Tetapi keuntungan daripada *currency peg* ini banyak juga, selain dari, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *ensures exchange rate certainty, encourages trade and investment by eliminating fresh forex risks, reduces space for currency speculation and promotes domestic stability by insulating the economy and works well when combined with capital controls*. Ini dia, memang *forex peg* dan *currency control* tetapi saya nampak kawalan mata wang sekarang sudah pun dilonggarkan sedikit demi sedikit – *that's why,* dilonggarkan. *I mean they have relaxed a bit on currency control*. Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya ...

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Kedah bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .... apakah sebab kita hendak kekalkan dasar tambatan ringgit sekarang. Kita diberi tahu tadi oleh Tan Sri Zeti kerana kaedah itu memang berkesan, *it's working* dan di samping itu ia mewujudkan kestabilan. Ada disebutkan ringgit *at fair value* tetapi yang tidak disebutkan di sini ialah negara China kekal dengan dasar tambatan bagi *Renmimbi* mereka. Pihak yang lain termasuklah kita juga yang meminta pihak kerajaan untuk mempertimbangkan dasar tambatan ringgit ini .... saya pun percaya, termasuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun mungkin dia hendak kita semua mempertimbangkan. Hari ini dia senyum saja, sopan sikit*. [Memandang ke arah Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]*

Kita mesti menanya, menyoal mengenai tambatan ringgit ini, apakah keberkesanannya ataupun *usefulness*nya sudah berkurangan dan apabila kita menyaksikan kesannya yang begitu ketara, adakah kini masa yang emas untuk memberhentikannya kerana ia digunakan dengan baik dan ada kesan yang positif dan pada waktu itu mungkin merupakan masa emas untuk mengubah dasar sedikit dan ditambah pula ringgit yang dinilai rendah (*undervalued)*. Sekarang pun nampak dalam perdagangan kita ada kelemahan sedikit dan kestabilannya mungkin *illusionary*. Adalah lebih baik untuk ....

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Puchong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bangau atau puchong?

**Tuan Lau Yeng Peng:** Puchong*. [Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Tadi Yang Berhormat telah bercakap mengenai tambatan *Renmimbi* dengan *dollar* Amerika dan sekarang ada juga ura-ura ataupun pendapat yang mengatakan tambatan ringgit dengan *US Dollar* ini tidak akan berubah sehingga tambatan *Dollar* mereka atau *Renmimbi* dengan Dollar barulah kita ubah kerana dari segi daya persaingan ataupun *competitiveness*, baru kita ubah. Tetapi apakah cadangan Yang Berhormat, kalau tambatan kita diubah, apakah dasar ataupun mekanisme yang paling sesuai untuk tambatan ringgit Malaysia dengan Dollar ini kerana dalam dunia perdagangan antarabangsa, kita ada tiga, empat caranya.

Cara yang pertama ialah *free float*, dengan izin, iaitu kita dagangkan Ringgit secara bebas; yang kedua, dengan *managed float*, yang ketiga, dengan *peg to a basket of currencies* di mana negeri China atau tambatan *Renmimbi* ini kemungkinan besar akan di*peg to a basket of currencies*. Apakah cadangan Yang Berhormat supaya mencadangkan kepada Kementerian Kewangan, apakah mekanisme yang paling sesuai untuk ringgit kita dari ketiga-tiga mekanisme yang saya nyatakan tadi. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada Dewan yang mulia ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya kita mestilah ........ saya akan sentuh sedikit-sebanyak mengenai dasar China sekarang. Mereka sedang

mempertimbangkan sama ada hendak melonggarkan dasar tambatan *Renmimbi* dengan Dollar Amerika sekarang.

Saya berpendapat bahawa kita tidak boleh dengan begitu sahaja, dengan segera menukarkan dasar ini – kita dengan perlahan-lahan, dalam masa sekarang dengan cara perlahan dan satu langkah yang diambil oleh pihak kerajaan pun betul juga iaitu dengan melonggarkan *capital control* – dilonggarkan sedikit demi sedikit. Itu memang satu cara, dan dengan kaedah tambatan ini juga kita mesti melihat negara China kerana kalau kita menghapuskan begitu sahaja dengan segera, ia akan mengakibatkan beberapa masalah.

